



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 11**

**Rabu**

**27 Mac 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 27)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)</i>	(Halaman 28)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Rabu, 27 Mac 2019**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan usaha dan peranan kementerian dalam menangani gelandangan dan apakah bantuan yang diberikan kepada golongan ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu gelandangan, kementerian mengambil pendekatan secara menyeluruh, holistik, dengan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi multi sektoral. Kementerian akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan golongan gelandangan dibantu dengan lebih berkesan. Kita juga mempunyai rakan NGO yang membantu Yayasan Kebajikan Negara melalui Anjung Singgah dan jumlah *partner* rakan kita adalah sebanyak 186 NGO yang bekerjasama dengan kita.

Antara usaha yang telah diambil bagi menangani isu golongan gelandangan adalah operasi menyelamat iaitu melalui operasi serta-merta, melalui aduan yang datang, Talian Kasih 15999 ataupun operasi berjadual, berkala bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun operasi bersepadu yang melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kesihatan Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran Negara dan agensi yang ada kaitan dengan golongan gelandangan.

Kementerian ini telah mengambil inisiatif menubuhkan Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara dan Anjung Singgah merupakan sebuah pusat khidmat bantuan dalam sosial, membantu golongan gelandangan. Penekanan dalam aspek kaunseling, bimbingan dan motivasi dilaksanakan kepada penghuni bagi meningkatkan daya tahan dan daya juang dalam mengharungi cabaran kehidupan serta memangkin perubahan sikap dan tingkah laku.

Dengan kapasiti 288 buah katil di lima buah Anjung Singgah di seluruh Malaysia, seramai 6,936 orang gelandangan telah mendaftar masuk secara sukarela sejak ianya ditubuhkan pada

tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,022 orang telah mendapat padanan kerjaya dan selebihnya dirujuk ke agensi yang berkaitan.

Selain itu Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur turut menerima hampir kesemua kategori gelandangan warganegara di Kuala Lumpur. Seramai 2,315 orang gelandangan telah mendaftar sebagai penghuni di pusat transit gelandangan Kuala Lumpur. Jadi, yang boleh melalui kaunseling dan boleh mendapatkan kerjaya, kita akan masukkan ke Anjung Singgah dan kesemua kategori lain akan masuk ke Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan semakan dan saringan selalu akan dibuat untuk memastikan tahap kesihatan mental mereka dan sama ada mereka rela untuk mencari kerja atau tidak.

Seterusnya Program Rumah Bimbingan Gelandangan telah dilaksanakan di Kuala Lumpur melalui kerjasama DBKL. Program ini melibatkan 20 buah unit rumah di PPR, di Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan dan Perumahan Awam Seri Selangor Kuala Lumpur dengan kadar sewa RM1 sehari bagi seorang penghuni. Sehingga kini seramai 52 orang gelandangan merupakan penghuni rumah bimbingan ini. Kepada yang sudah mendapatkan kerja, mereka boleh tinggal di rumah ini RM1 sehari okey, untuk satu tahun sahaja bagi membantu golongan ini, dia masuk dapat kerjaya baru, untuk menyelaraskan sewa bulanan dan gaji bulanan, 12 bulan sehingga dia boleh berdikari sendirilah. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang menyeluruh tadi dan saya sambut baik tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu golongan gelandangan ataupun yang disebut sebagai golongan orang papa juga.

Soalan tambahan saya ialah selari dengan konsep *rahmatallilalamin* yang sedang dipelopori oleh kerajaan sekarang ataupun *mercy to all mankind*, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa khususnya untuk kanak-kanak yang terlibat dalam gelandangan ini, mereka mempunyai satu masa depan dari segi pendidikan dan untuk mengelakkan daripada terlibat dalam sindiket-sindiket haram dan sebagainya. Apakah undang-undang, Akta Orang-orang Papa 1977 ada diamalkan ataupun digunakan dalam tindakan kita terhadap golongan tersebut. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Konsep *mercy to all mankind* ini saya sangat setuju tetapi bagi golongan sindiket yang menggunakan kanak-kanak, kementerian kita berpendirian, *no mercy to* orang yang menggunakan kanak-kanak untuk sindiket mengemis. JKM juga telah mempunyai program sendiri iaitu Program Bijak Membantu, Elak Tertipu dan ini adalah saranan kita kepada semua orang ramai. Kalau kita lihat kanak-kanak yang digunakan untuk mengemis, tidak kira di jalan raya, di restoran, di depan rumah ibadat juga, kita jangan bagi duit kepada kanak-kanak tersebut. Apa yang rakyat boleh buat, *call*, panggil Talian Kasih 15999 dan JKM akan turun untuk menyelamatkan kanak-kanak tersebut.

Bagi yang hendak membantu rumah kebajikan, boleh *check* rumah yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita ada senarai itu dalam *website* kita, [jkm.gov.my](http://jkm.gov.my).

## ■1010

Kalau hendak bagi juga, kita boleh turunkan bantuan melalui Yayasan Kebajikan Negara. Jadi kita elakkan memberi secara terus kepada NGO-NGO yang menggunakan kanak-kanak untuk mengemis. Tidak kira dia jual tisu kah ataupun main alat muzik di jalan, kita jangan bagi, kerana sindiket apa yang menggunakan kanak-kanak bawah 18 tahun itu adalah salah dan kita mempunyai Akta Kanak-kanak iaitu *clause* 32 yang kita boleh gunakan dan ini adalah kesalahannya ya. Yang menggunakan kanak-kanak untuk mengemis, kalau disabitkan, didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin memaklumkan kehadiran guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Yunos Sulaiman, Pontian, Tanjung Piai, yang ada di galeri. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan program gelandangan sifar supaya tidak ada lagi gelandangan? Pengemis lain. Gelandangan lain. Di Bandar raya Kuala Lumpur ini, berapa jumlahnya? Begitu juga pecahan bandar-bandar raya yang lain. Selain daripada itu, ada tidak apa-apa cerita-cerita kejayaan, *success stories* gelandangan yang berjaya dalam perniagaan kecil misalnya? Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Golongan gelandangan sifar ini bukan senang. Mantan Menteri Wilayah Persekutuan pernah hendak cuba tetapi tidak berjaya. Kita Yayasan Kebajikan Negara ada membuat cerapan. *That means* mereka ada pergi *recce* di Kuala Lumpur dan saya juga ada data, saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat Pontian, *down to the street*. Setiap jalan mereka pergi buat *head count* dan jumlah terkini yang kita ada setakat tahun 2018 ya, di merata-rata di Kuala Lumpur, jumlahnya 799 orang yang masih ada di Jalan Lumut, Jalan Ipoh Kecil, Pasar Chow Kit, Bukit Bintang, Hospital Kuala Lumpur, Masjid Negara, semua. Senarai lengkap kita ada. Dan JKM, bila mereka membuat operasi dan mereka akan memantau dan pastikan yang mereka rasa boleh diberikan kaunseling, semua dimasukkan ke Anjung Singgah.

Dan *success story* yang kita ada, fokus kita sekarang adalah untuk memberikan mereka kerjaya. Jadi, saya ada data tahun ini sahaja daripada Januari hingga Mac 2019, di Anjung Singgah Kuala Lumpur, seramai 67 orang didaftar masuk, padanan kerjaya 38 orang telah mendapat kerja. Jadi, peratus kejayaan kita di Kuala Lumpur 56.72 peratus. Terima kasih.

**2. Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah tindakan tegas yang diambil terhadap pengguna media sosial yang sewenangnyanya menghina agama Islam, hak istimewa orang Melayu dan Raja-raja.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee bin Shith]:** Terima kasih dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera.

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat seperti berikut kerana ianya menyentuh isu yang sama dan berkaitan iaitu penyalahgunaan media sosial. Pertama, soalan nombor 6 bertarikh 4 April 2019 oleh Yang Berhormat Sabak Bernam; kedua, soalan nombor 58 bertarikh 8 April 2019 oleh Yang Berhormat Pasir Puteh; dan yang ketiga, soalan nombor 53 bertarikh 9 April 2019 oleh Yang Berhormat Masjid Tanah.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia berdasarkan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, seperti yang diamalkan di seluruh dunia, hak kepada kebebasan bersuara tidak bersifat mutlak dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dan sentiasa komited untuk mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang menggugat keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara khususnya pihak yang menghina institusi beraja, perkauman dan agama.

Peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa PDRM adalah antara instrumen perundangan khusus yang diguna pakai oleh pihak kerajaan bagi menangani kesalahan dan penyalahgunaan yang berupa provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta institusi diraja. Pendakwaan juga boleh dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta AKM 1998) bagi kesalahan penggunaan tidak wajar ataupun kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang terkesan.

Langkah pengemaskinian serta penambahbaikan undang-undang akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan dan selaras dengan peredaran semasa.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih pihak Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat respons balas daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan kempen kesedaran tentang bahayanya menghina agama baik dari segi undang-undang juga terhadap akidah umat Islam? Sekian.

**Tuan Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih Yang Berhormat. Kempen-kempen memberi kesedaran ini memang sentiasa dibuat secara berterusan oleh agensi-agensi di bawah kementerian KKMM seperti RTM dan terdapat juga kempen-kempen yang dibuat secara terus kepada masyarakat bertujuan untuk mendidik dan menyedarkan akan perkara-perkara yang sensitif.

Ini adalah di antara aspek-aspek yang diambil kira. Pertama, bukan sahaja melibatkan kaum yang tertentu tetapi kita memberi pemahaman untuk menjaga, dalam konteks integrasi nasional, sama ada kaum Melayu, Cina dan India dan juga dalam aspek institusi beraja ini, kita sentiasa mendaulatkan kedudukan Raja-raja Melayu dan memberi fahaman yang sepatutnya

kepada rakyat. Perkara-perkara yang juga melibatkan agama adalah satu perkara yang sensitif dan sentiasa diambil berat untuk diletakkan dalam kedudukan yang stabil supaya tidak wujud elemen-elemen yang boleh memecahkan perpaduan di kalangan rakyat.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tindakan tegas menghukum sahaja bukan satu-satunya cara menyelesaikan masalah tersebut? Sebaliknya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui TV, radio dan Jabatan Penerangan bertanggungjawab mengusahakan program pendidikan dan kesedaran supaya pengguna-pengguna media sosial menghormati agama Islam dan agama-agama lain di Malaysia, kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah, Sarawak dan hak semua warganegara serta kedudukan mulia institusi Raja-raja. Setujukah Timbalan Menteri?

**Tuan Eddin Syazlee bin Shith:** Yang Berhormat Pasir Gudang, sememangnya itu yang cuba saya beritahu tadi. Sama seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kita sangat menitik beratkan keadaan yang perlu menghormati di antara fahaman agama yang berbeza dalam konteks integrasi nasional dan yang kedua, kita juga sentiasa mempertahankan dan meletakkan kedaulatan Raja-raja Melayu itu pada satu tempat yang istimewa. Ini termasuklah keistimewaan-keistimewaan yang tertentu yang telah digariskan dan dijamin di dalam Perlembagaan dengan mengambil kira kepentingan semua kaum juga dijaga dan diletakkan pada tempat yang betul.

Terima kasih.

#### ■1020

**3. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memandatorikan garis panduan *Occupational Safety and Health in Construction Industry* untuk setiap pemaju industri terutamanya sektor pembinaan mematuhi piawaian demi mengurangkan kejadian kemalangan waktu bekerja di tempat pembinaan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Pantun pakai pisang ini. [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan telah menerbitkan *Guideline of Occupational Safety and Health in Construction Industry Management 2017* ataupun ringkasnya OSHCIM, bukan drama Jepun ya, drama Jepun *Oshin*.

Garis panduan ini menitik berat tanggungjawab semua pihak iaitu pemunya, pereka bentuk, pembina atau kontraktor di semua peringkat pembinaan sehinggalah ke peringkat perobohan. Garis panduan ini dibangunkan berdasarkan kepada prinsip *prevention through design* dan *UK Construction (Design and Management) Regulations* serta seiring dengan falsafah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang meletakkan tanggungjawab untuk mengawal risiko kepada pihak yang mewujudkan risiko tersebut.

Menurut garis panduan OSHCIM, aspek keselamatan perlu diambil kira di awal proses perancangan, dengan ini risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) ditapak pembinaan

dapat dikenal pasti dan langkah-langkah kawalan awal dapat disediakan. Ini adalah langkah yang sangat berkesan bagi mengelak sebarang kemalangan dan insiden yang tidak diinginkan.

Selanjutnya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia kini sedang menggubal peraturan kerja bina di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) yang akan mengambil alih keperluan yang dinyatakan dalam garis panduan OSHCIM. Ini sekali gus akan menjadi mandatori kepada pemunya, pereka bentuk, pembina dan kontraktor yang terlibat dalam industri pembinaan, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Berapa banyak pemaju-pemaju industri pembinaan yang tidak mematuhi garis panduan OSHCIM yang telah dibawa ke muka pengadilan?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih. Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat untuk buat masa ini tidak ada angka-angka tersebut dan saya berjanji saya akan berikan secara bertulis. Namun begitu, kita berhadapan dengan cabaran yang sangat besar iaitu kita berhadapan dengan penambahan bilangan tapak bina di seluruh Malaysia. Jikalau dahulu tahun 2013, tapak bina hanya 9,017 buah.

Akan tetapi pada tahun 2018 kenaikan meningkat sebanyak 101 peratus iaitu kepada 18,110 buah tapak bina. Ini cabaran-cabaran yang kita hadapi dan sudah tentu akan ada kes-kes yang membabitkan tidak mengikut garis panduan dan kita bersedia akan mengambil tindakan selepas daripada *inspection* yang kita lakukan. Saya berjanji *insya-Allah*, saya akan berikan jawapan itu secara bertulis.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua puji pun tidak mahu bagi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Adakah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menggalakkan kontraktor-kontraktor ini untuk membuat pelaburan kepada jentera-jentera yang mempunyai teknologi tinggi agar ia dapat mengurangkan kejadian yang tidak elok kepada pekerja-pekerja di tapak pembinaan. Adakah kementerian sudah melihat akta yang sedia ada ini mencukupi bagi melihat jentera-jentera yang tidak diservis. Ini yang menyebabkan kemalangan pekerja-pekerja di tapak projek. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kita sentiasa membuat *inspection* dan sebab itu kita sebut bahawa *self-regulation* ini ialah untuk pihak kontraktor itu akan memberikan laporan kepada kita kemudian kita akan membuat audit, membuat *inspection* selepas daripada itu. Kita sudah tentu dalam pindaan akta ini kemudian garis panduan ini akan dimasukkan sebab itu disebut tadi ia bermula daripada awal, daripada pemunya projek, dari segi *design*nya juga, orang yang bertanggungjawab, arkitek akan bertanggungjawab sampailah kepada peringkat kontraktor.

**Seorang Ahli:** Tidak menjawab soalan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Pelaburan, pelaburan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Pelaburan?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Untuk teknologi, jentera.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Teknologi, kita sentiasa menggalakkan pelaburan dan sebab itu... [*Dewan riuh*]

**Seorang Ahli:** Dan servis sekali.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hebat bos, hebat! Yang Berhormat hebat, lari tajuk. [*Ketawa*]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kita sentiasa menggalakkan pelaburan-pelaburan di dalam...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Soalan tambahan, ada sedikit masa lagi, Kubang Kerian satu. [*Disampuk*] Saya hendak tanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kejap, kejap, tunggu izin saya.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Apakah pihak kerajaan tidak berhasrat untuk mewajibkan pekerja-pekerja dilindungi oleh pihak insurans ditapak? Diwajibkan kepada semua pekerja dilindungi oleh pemaju, oleh kontraktor supaya apabila berlaku kemalangan di tapak kerja, mereka ada perlindungan insurans kepada semua. Hingga setakat ini saya dapati sebenarnya perkara itu tidak diwajibkan sehingga ramai pekerja-pekerja tidak dapat perlindungan insurans apabila berlaku kemalangan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kita sentiasa memberikan galakkan untuk mereka mewajibkan, hatta kepada pekerja asing sekarang ini pun akan berpindah daripada skim yang lama kepada skim di bawah PERKESO. Itu pekerja dalam pelbagai sektor dan itu yang telah pun ditentukan dan mereka wajib untuk dicarumkan di bawah PERKESO. Jikalau ada syarikat ataupun pemaju, kontraktor yang hendak buat dalam insurans sendiri, itu lagi baik dan sangat-sangat digalakkan.

**4. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan melaksanakan penstrukturan semula perjawatan awam bagi mengawal saiz perkhidmatan dalam sektor kerajaan sejajar dengan dasar baharu kerajaan untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin sekali lagi ingin mengucapkan selamat datang kepada legasi daripada SMK Dato' Mohd Yunus Sulaiman. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga salah seorang pelajar tajaan JPA yang disahkan meninggal dunia di London pada 25 Mac 2019. Allahyarham bernama Muhammad Hafiz Zainal, pelajar di *Imperial College London (ILC)* dalam bidang kimia. Pihak JPA



telah pun menghubungi keluarga dan juga menguruskan urusan pemergian keluarga ke London pada hari ini untuk pengurusan jenazah.

Tuan Yang di-Pertua, Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Sibuti yang bertarikh 27 Mac 2019 kerana ia membawa maksud dan iau yang sama. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kini jumlah perjawatan keseluruhan perkhidmatan awam adalah sebanyak 1.7 juta dengan peratus pengisian sebanyak 94 peratus bersamaan dengan 1.6 juta orang yang merangkumi Perkhidmatan Awam Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan dan memberi kesan kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan. Kerajaan berpendapat jumlah perjawatan ini boleh dikurangkan tanpa menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan dan punca pendapatan pegawai yang terlibat. Pengecilan saiz perkhidmatan awam tidak bermaksud pengurangan peluang pekerjaan. Pada tahun 1993, Dasar Penswastan kerajaan, kerajaan telah berjaya mengurangkan bebanan kewangannya, meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja, malah menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan secara cekap.

Strategi ini masih relevan dalam menangani isu jumlah anggota perkhidmatan awam yang dilihat terlalu besar dan memberikan implikasi kewangan yang membebankan. Penumpuan harus diberikan kepada perkhidmatan, produktiviti dan penggunaan sumber tenaga secara optimum. Kerajaan menjamin transisi tersebut tidak memberi kesan kepada perjalanan atau pengurusan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, kerajaan dalam proses untuk menstrukturkan semula jumlah perjawatan di dalam perkhidmatan awam berdasarkan kedudukan ekonomi negara dan perkembangan teknologi semasa. Melalui kaedah-kaedah seperti berikut, di antaranya adalah kajian pertindihan fungsi antara jabatan dan juga agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia dengan izin, *out sourcing* atau serah urus fungsi, penyampaian perkhidmatan alternatif ataupun *alternative service delivery*, penswastan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

Bagi memartabatkan perkhidmatan awam yang pernah dianggap sebagai sektor perkhidmatan awam terbaik dirantau ini, kerajaan akan memastikan bakat terbaik dan pegawai yang berpotensi diletakkan di tempat yang sewajarnya. Seterusnya meningkatkan kepercayaan rakyat kepada perkhidmatan awam.

#### ■1030

Gabungan strategi pengurangan saiz perkhidmatan awam dan peningkatan produktiviti dijangka mampu menjana lebih banyak pendapatan kepada negara dan pada ketika itu kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan kenaikan gaji kepada penjawat awam.

Sehingga ke hari ini, banyak dasar telah ditambah baik ke arah memastikan pemberian faedah persaraan kepada penjawat awam sentiasa cukup dan mematuhi Perkara 147,

Perlembagaan Persekutuan iaitu Perlindungan Hak-hak Pencen. Justeru itu, bagi penjawat awam dan pesara sedia ada, skim pencen adalah dikekalkan. Walau bagaimanapun, bagi penjawat awam pada masa hadapan, kerajaan sedang mengkaji pembaharuan perkhidmatan awam secara menyeluruh termasuklah aspek pasca perkhidmatan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya merujuk kepada janji Pakatan Harapan untuk meningkatkan jumlah satu juta peluang pekerjaan. Persoalannya, dengan pengecilan penjawat awam ini, sudah tentu memberi impak berganda, berangkai kepada isu keluarga, kepada perkembangan ekonomi, peluang pekerjaan, kepada kebajikan rakyat dan berkemungkinan akan menimbulkan masalah sosial yang besar. Apakah kajian sudah dibuat? Apakah ini tidak dijangka atau telah pun mendapat perhatian kerajaan?

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti yang kita katakan tadi bahawa kita sentiasa melihat untuk memastikan bahawa keberkesanan daripada jumlah penjawat awam yang ada ini, bahawa tidak ada pertindihan fungsi, tidak ada perjawatan itu disensasikan. Apabila kita mengatakan kita mahu mengurangkan secara berperingkat bilangan penjawat awam ini, ini adalah melibatkan jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan awam yang tidak diisi.

Pada tahun ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, daripada 1.7 juta perjawatan yang telah kita wujudkan, pengisiannya adalah sebanyak 94 peratus, jadi ada enam peratus lagi perjawatan ini yang telah tidak diisi. Ini merupakan satu kadar yang konsisten dari tahun ke tahun. Jadi segi pengurangan kita melihat bagaimana jika jawatan-jawatan ini yang tidak dapat diisi kalau *service delivery* itu dapat dioptimumkan, kita tidak sebenarnya menyentuh penjawat-penjawat awam yang telah pun ada bersama dengan kerajaan pada masa ini.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tidak menjawab soalan Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya impak dari segi sosial, kebajikan rakyat dan sebagainya, tetapi jawapan itu tidak menjawab kepada persoalan yang saya tanya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya datang dari keluarga penjawat awam, mak saya bekerja di 11 buah kementerian yang berbeza dan ayah saya dari mula tahun 1969 sampai tahun 2004 bekerja di FELDA. Jadi, isu penjawat awam ini sangat dekat di hati saya, sangat dekat bagi keluarga saya.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Bila disebut enam peratus jawatan yang tidak diisi ini, dari segi kajian yang sudah ada di tangan Yang Berhormat Menteri, dari segi pertindihan fungsi, berapakah agensi-agensi yang telah dikenal pasti yang ada pertindihan ini? Dari segi mengoptimumkan sumber manusia, apakah perkiraan dari segi peningkatan produktiviti sekiranya ada matriks seperti itu di kementerian? Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya mohon maaf kerana data berkenaan dengan agensi-agensi yang mana kita dapat pendirian fungsi itu tidak ada di tangan saya pada masa ini dan ini akan diberikan secara bertulis. Satu perkara yang ingin kita jelaskan, apabila kita katakan pengajian daripada segi

pengoptimuman *service delivery* terutamanya di peringkat akar umbi. Kita melihat sebagaimana yang pernah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sebelum ini, terdapat perbezaan dari segi sama ada kita memerlukan jumlah pengurusan yang besar atau jumlah pelaksana yang besar di peringkat akar umbi dan ini yang sedang dikaji pada masa ini. Rata-rata kita lihat terutamanya untuk meningkatkan *quality of the service*, di peringkat akar umbi kita memerlukan jumlah perjawatan yang lebih di situ.

Akan tetapi kajian ini masih dijalankan dan ia berkenaan, ia terlibat dengan mana-mana agensi yang terlibat sebenarnya. Jadi *insya-Allah* perkara ini kita akan perelaskan lagi. Di mana dari segi pengurangan itu ia dijalankan berperingkat dan ia tidak melibatkan mana-mana perjawatan yang telah diisi pada masa ini. Sekian, terima kasih.

**5. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memastikan Skim Bantuan Rebat Bil Elektrik RM40 dapat membantu lebih banyak keluarga memandangkan kebanyakan keluarga yang menerima rebat RM20 dahulu tidak layak berdaftar dalam eKasih.

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Rebat Bil Elektrik sehingga RM40 ini merupakan penambahbaikan kepada Program Rebat RM20. Program kali ini dilaksanakan secara bersasar iaitu kepada pengguna miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan Program e-Kasih di bawah seliaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Untuk makluman, hanya 37 peratus penerima Rebat Bil Elektrik RM20 sebelum ini adalah tersenarai dalam eKasih yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar. Ini bermakna 63 peratus penerima adalah tidak layak menerima rebat di bawah program baharu. Ini kerana tidak termasuk dalam senarai miskin dan miskin tegar, sekian terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana menambah baik program ini, tetapi memandangkan hanya 37 peratus yang menerima sama ada kita boleh menambah baik supaya lebih banyak keluarga dapat menerima manfaat ini dan mungkin kita boleh mengkaji semula kriteria dengan menggunakan data Bantuan Sara Hidup daripada menggunakan data eKasih.

Ini menunjukkan, saya juga menerima satu *infographic* proses semakan dan pendaftaran untuk Program Rebat Bil Elektrik RM40 ini menunjukkan jumlah pendapatan isi rumah lebih daripada RM980 tidak layak mendapat rebat. Jadi, memandangkan gaji minimum sudah RM1,100 seorang, adakah ia bermaksud sama ada seorang daripada keluarga tersebut ada pekerjaan, maksudnya keluarga itu tidak layak lagi. Saya minta penjelasan, terima kasih.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Mereka yang layak menerima Rebat bil Elektrik RM40 ini ialah berdasarkan kepada pendapatan bagi miskin tegar dan miskin, berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) per isi rumah yang dikeluarkan oleh

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ingin saya kongsi di sini, sehingga 28 Februari 2019, seramai 213,965 orang ketua isi rumah sebenarnya yang layak mendapat Rebat Bil Elektrik RM40.

Sehingga 11 Mac 2019, daripada 213,965 ketua isi rumah, hanya seramai 75,618 orang yang telah menikmati rebat RM40 ataupun 36.1 peratus yang mempunyai data sepadan dengan akaun utiliti dan bakinya kita sedang— sebab kita berpandukan kepada maklumat daripada ICU JPM bulan ke bulan. Sebenarnya begini, saya juga ingin menyeru, disebabkan rebat RM40 ini masih lagi ramai yang tidak menerima faedah daripada ini. Sebenarnya MESTECC juga telah memberi e-mel kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat di sini senarai penerima rebat RM40 yang tidak mempunyai akaun TNB dalam kawasan masing-masing untuk semakan-semakan Yang Berhormat supaya kita sama-sama bawa kepada mereka yang sebenarnya layak ini untuk menerima faedah rebat elektrik RM40, terima kasih.

**Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** Tanjong Manis.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kuala Krau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ha! Tidak dapat lagi [Ketawa] Pergi minum dululah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Berapa banyak kah jumlah wang kerajaan yang dapat dijimatkan menerusi pengurangan jumlah penerima manfaat daripada 1.2 juta orang isi rumah kepada 185,000 isi rumah dan adakah ia juga merupakan salah satu pelan tindakan penjimatan kerajaan? Terima kasih.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Kenapa kita buat rebat RM40 ini kerana kita mahu biar rebat RM40 ini diberi betul-betul yang tersasar iaitu miskin dan miskin tegar. Sebelum ini Rebat RM20 itu diberi kepada semua orang, maksudnya sesiapa punya bil elektrik yang di bawah RM20, dapat.

#### ■1040

Contoh, saya bagi contoh, sekiranya orang kaya. Ada rumah banglo yang kedua dan ketiga tetapi dia hanya *switch on* lampu koridor dan mungkin dia punya bil bawah RM20 pun dapat. Jadi, kita buat Rebat Bil Elektrik RM40 ini, ya, untuk perbaiki dan kita bagi kepada golongan sasaran iaitu miskin dan miskin tegar. Untuk ya, kalau data seperti Yang Berhormat minta, setakat ini saya tidak ada. Akan tetapi, inilah kerana kenapa kita buat Rebat Bil Elektrik RM40. Saya akan bagi jawapan bertulis. Terima kasih.

**6. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah mengatasi peningkatan harga makanan di bandar-bandar utama yang memberi kesan kepada golongan B40 yang menetap di situ.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan lain daripada Yang Berhormat Mersing hari ini juga, Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Jempol pada 28 Mac 2019 dan Yang Berhormat Kinabatangan pada 3 April 2019.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan satu negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka, yang mana kuasa pasaran (*market forces*) berperanan sebagai faktor penentu kepada turun naik harga barangan di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain. Dalam konteks ekonomi bebas ini, pengaruh dan keadaan dalam pasaran merupakan aspek penting dalam penentu harga barangan di pasaran.

Terdapat beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada perubahan harga barangan di pasaran. Antaranya adalah:

- (i) faktor permintaan dan penawaran;
- (ii) peningkatan kos logistik dan pengangkutan;
- (iii) kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding mata wang utama dunia;
- (iv) peningkatan harga minyak mentah dunia terutamanya petroleum;
- (v) sikap peniaga yang tamak dan mementingkan keuntungan;
- (vi) kegiatan kartel dan monopoli; dan
- (vii) peningkatan kos pengeluaran.

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang ditubuhkan di bawah kementerian saya berfungsi sebagai badan utama bagi menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup dengan lebih efektif melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu serta mencapai impak yang lebih maksimum demi menjaga kepentingan rakyat secara keseluruhannya.

Kementerian ini juga turut mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat khususnya berkaitan harga barangan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat oleh kementerian adalah seperti berikut:

- (i) memperluaskan inisiatif *foodbank* Malaysia ke institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia bagi membantu graduan-graduan yang kurang berkemampuan dan masih meneruskan pemberian kepada golongan yang kurang berkemampuan;
- (ii) memanjangkan tempoh kawalan harga bagi Skim Kawalan Harga Musim Perayaan pada musim-musim perayaan utama;
- (iii) mencadangkan supaya bilangan barangan keperluan di dalam senarai barangan barang kawalan yang ditetapkan oleh kementerian ini ditambah mengikut kesesuaian;

- (iv) mewujudkan skuad tindakan aduan dan resolusi dan *special action squad* untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan cepat dan pantas;
- (v) menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah program pemantauan harga oleh Pegawai Pemantau Harga di kementerian;
- (vi) rakyat mempromosikan medium interaktif bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan. Contohnya, aplikasi mobil EzADU;
- (vii) memberikan kelonggaran bagi peniaga mengadakan jualan murah dengan melonggarkan prasyarat bagi melakukan jualan murah; dan
- (viii) merangka polisi baru untuk memberi kebenaran atau AP kepada lebih banyak pemain industri untuk mengimport bahan makanan supaya meningkatkan persaingan di kalangan bekalan.

Justeru itu, dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, kementerian berharap usaha-usaha ini akan dapat membantu memastikan peniaga tidak menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya dan seterusnya menangani isu melibatkan bebanan kos sara hidup yang dihadapi rakyat. Terima kasih

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang agak terperinci. Kerajaan baru-baru ini, melalui Kementerian Kewangan ada mencadangkan penggunaan indeks kos sara hidup sebagai panduan bersama dengan indeks harga pengguna bagi mengukur keadaan sebenar ekonomi rakyat.

Soalan saya, oleh sebab kos sara hidup di bandar adalah lebih tinggi berbanding di luar bandar di mana golongan B40 terpaksa membelanjakan *portion* yang besar daripada pendapatan mereka untuk makan dan minuman, apakah pertimbangan yang akan dilakukan oleh pihak kementerian dalam ukuran kos sara hidup ini turut mengambil kira variasi perbandaran dan pendapatan golongan B40 ini? Hal ini supaya sebarang polisi intervensi kemudiannya akan lebih berstrategik dan komprehensif dalam menangani inflasi yang berlaku. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Indeks kos sara hidup itu adalah masih dalam cadangan dan juga kita belum memuktamadkan faktor-faktor yang akan diambil kira dalam, *to come up with the* indeks kos sara hidup itu. Oleh itu, cadangan Yang Berhormat Bachok mengenai kos sara hidup yang berbeza di antara bandar dan luar bandar itu, kita akan mengambil pertimbangan dan juga akan dimasukkan dalam perangkaan indeks kos sara hidup itu. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pasaran bebas amat sukar untuk kita mengawal 100 peratus kenaikan harga. Ada ratusan ribu premis perniagaan. Apa yang penting ialah penguatkuasaan, ketegasan dalam penguatkuasaan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan akan lebih tegas

dan pastikan bahawa penguatkuasaan ke atas peraturan undang-undang dapat ditingkatkan lagi khususnya bagi harga makanan yang menjejaskan keadaan hidup kumpulan B40? Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Kuasa kita untuk menguatkuasakan kawalan harga barangan adalah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Kita mengambil baik apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Jeli. Di bawah kementerian ini akan mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap kegiatan pencatutan sekiranya kita menerima maklumat daripada orang ramai.

Kita juga menyeru Yang Berhormat kalau ada apa-apa aduan mengenai kegiatan pencatutan atau harga barang yang luar biasanya tinggi, tinggi luar biasa dan tidak munasabah, bagilah atau memanjangkan dan menyampaikan aduan tersebut kepada kementerian ini. Kita akan mengambil tindakan yang segera. Terima kasih

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini mustahak ini. Ini B40.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa, saya teruskan kepada Pertanyaan Jawab Lisan seterusnya...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini untuk orang miskin Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri *pun* kata boleh bagi pandangan. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak bagi, macam mana kami hendak bagi pandangan dalam Dewan yang mulia ini.  
[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kita teruskan...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Jumpa Yang Berhormat Menteri *direct*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya telah bagi dua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bagilah satu lagi.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Setuju, setuju, setuju.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Satu lagi.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bagilah Yang Berhormat peluang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak, sebab Yang Berhormat Menteri sendiri sebut Yang Berhormat boleh beri peluang, boleh beri laporan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Boleh, boleh. Bagi Yang Berhormat peluang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *This is very important.* Sebab soalan saya ini...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Buat Tuan Yang di-Pertua saja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Soalan saya ini hendak beritahu pada Yang Berhormat Menteri, ada perkara yang banyak, yang Yang Berhormat Menteri tidak tahu, saya hendak beritahu.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Pergi jumpa Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Setuju, setuju. Bagi peluang, bagi peluang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bagi sekejap saja, tidak sampai pun 30 saat, Tuan Yang di-Pertua. Sila, tidak sampai. Saya hendak beritahu itu.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dua soalan telah saya berikan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Teruskan Tuan Yang di-Pertua, teruskan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bergantung pada Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau beginilah caranya, kalau beginilah caranya, macam mana kami? Kami tidak payah datang ke Parlimenlah pagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh, boleh jumpa terus.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, kami hendak bagi sikit...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Dua soalan cukup dah.

■1050

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Sesi soalan, bukan sesi pandangan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Menteri yang cakap beri pandangan. Menteri yang sebut tadi.

*[Dewan riuh]*

7. **Tuan P. Prabakaran [Batu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan peperiksaan bagi murid Tahap 1 yang merangkumi murid Darjah 1, 2 dan 3 sejajar dengan rancangan pemansuhan pada tahun 2019. Kementerian menjustifikasikan tahap ilmu pendidikan yang diterima oleh seseorang pelajar jika pemansuhan ini dilaksanakan dan bagaimana cara fungsi empat komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Adakah program percontohan (*pilot program*) telah dilaksanakan. Jika tidak, adakah program percontohan akan dilakukan terlebih dahulu sebelum perkara ini dilaksanakan secara menyeluruh bagi mengenal pasti kebaikan dan keburukan yang bakal dihadapi oleh pelajar dan guru.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia memansuhkan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun murid sekolah rendah Tahap 1 adalah selari dengan konsep pembelajaran berorientasikan perkembangan murid. Hal ini bagi membolehkan guru memberi lebih fokus kepada tugas mendidik dan menyemai nilai-nilai murni dalam diri murid.



Untuk makluman, pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi murid sekolah rendah Tahap 1 adalah berkait rapat dengan amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS yang mula dilaksanakan untuk murid Tahun 1 pada tahun 2011 merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik dan menyeluruh yang dapat melaporkan kejayaan dan pencapaian murid melalui aspek yang dinilai iaitu aspek kognitif; elektif; efektif; emosi dan rohani; dan psikomotor jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui PBS, empat kaedah atau komponen pengumpulan maklumat murid diketengahkan iaitu:

- (i) Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
- (ii) Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK);
- (iii) Pentaksiran Psikometrik; dan
- (iv) Pentaksiran Pusat.

Walau bagaimanapun, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum, Pentaksiran Psikometrik dan Pentaksiran Pusat tidak dibuat bagi murid Tahap 1. Maklumat murid yang dikumpul melalui empat komponen PBS ini dapat melengkapkan profil murid yang merangkumi penglibatan atau penyertaan, perkembangan dan pencapaian. Melaluinya, guru dapat membuat penambahbaikan proses pembelajaran dan ibu bapa pula dapat menentukan bentuk sokongan yang boleh disumbangkan kepada sekolah.

Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan pelaksanaan ujian rintis, KPM ingin memaklumkan bahawa Templat Pelaporan PBD Tahap 1 sedang diuji rintis di sekolah untuk mendapat maklum balas daripada guru dan ibu bapa. Sekian jawapan saya, terima kasih.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang lengkap. Saya berharap inisiatif dan amalan ini akan memberi kebaikan kepada pelajar-pelajar Tahap 1. Soalan tambahan saya adalah, di dalam garis panduan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), murid yang mempunyai kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dikenal pasti akan diberi pemulihan. Apakah cara pemulihan tersebut? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Batu. Saya hendak ucap ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu atas sokongan beliau terhadap inisiatif KPM untuk memansuhkan peperiksaan setara di Tahap 1 sekolah rendah. Untuk soalan tambahan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia, kita telah mewujudkan DSKP (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran) untuk membantu guru-guru kita untuk menilai perkembangan seseorang murid. Kita juga telah sediakan pelbagai format pelaporan untuk membantu guru-guru kita untuk membuat penilaian dan juga pentaksiran terhadap perkembangan murid-murid.

Tentang cara ataupun kaedah yang spesifik untuk membantu murid-murid yang lemah dalam 3M ini, itu sebenarnya terpulang kepada guru-guru. Saya rasa ini adalah sebahagian daripada pedologi yang mereka belajar semasa berada di IPGM. *It is because that is supposed to be the whole package.* Jadi, saya percaya bahawa dengan pelbagai bantuan dan juga guru-

guru SISC+ dan sebagainya, kita boleh memastikan bahawa pemansuhan ataupun PBS ini boleh dijayakan. Sekian jawapan saya.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya berkenaan dengan empat komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang mana pelajar-pelajar yang mengambil PT3 pada tahun ini dalam kalangan sekolah-sekolah persendirian yang jumlahnya begitu banyak dalam negara kita. Akan tetapi didapati pihak kementerian tidak membenarkan mereka mengambil empat komponen ini. Minta penjelasan. Maknanya, dibuat secara tergesa-gesa. Dibuat keputusan pada bulan Mac baru-baru ini, semua sekolah ini tidak dibenarkan mengambil pentaksiran ini di bawah seliaan sendiri. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih. Ini soalan tentang PT3. Apa yang saya boleh maklumkan di sini bahawa itu keputusan bukan dibuat pada bulan Mac tetapi makluman telah disampaikan kepada JPN pada hujung tahun yang lalu. Jadi, pada bulan Disember, semua surat pekeliling telah dihantar kepada JPN. Tentang soalan bahawa murid-murid daripada sekolah persendirian, sekolah swasta tidak boleh mengambil bahagian dalam PT3 ini, saya mohon maaf, saya tidak ada maklumat yang terperinci untuk maklumkan Ahli Yang Berhormat. Saya akan dapatkan jawapan daripada Lembaga Peperiksaan dan memberikan jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Pekeliling sampai bulan Mac, baru sampai kepada sekolah-sekolah, untuk makluman pihak Menteri.

**8. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan dapatkah kementerian membekalkan dua buah "*dental chair unit*" yang baharu kepada Hospital Limbang disebabkan "*dental chair unit*" sedia ada sudah lama, uzur, rosak dan memerlukan kos pembaikan yang tinggi untuk dibaik pulih.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Limbang yang kemukakan soalan berkenaan dengan *dental chair* di Hospital Limbang. Untuk makluman, Klinik Pergigian Hospital Limbang mempunyai tiga *Dental Chair Cum. Unit* (DCCU) sedia ada spesifikasi pegawai pergigian. Dua daripada DCCU tersebut telah diganti pada tahun 2014. DCCU ketiga akan diganti pada tahun ini kerana DCCU tersebut telah di bawah kategori BER.

Berkenaan dengan dua DCCU yang diganti pada tahun 2014, *compressor* bagi kedua-dua DCCU tersebut mengalami kerosakan dan kementerian dalam proses perolehan untuk penggantian. Untuk makluman Yang Berhormat, *compressor* adalah alat penting untuk menjalankan DCCU. Jadi, kedua-dua akan diganti, diperbaiki untuk memberi perkhidmatan pergigian di Hospital Limbang. Sekian.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Menteri, soalan saya ialah bila pembaikan ini akan dibuat dengan segera, *because the patient is queuing at the Limbang Hospital*. Keduanya ialah iaitu tentang *maintenance*. Saya difahamkan *maintenance* ini, kerosakan ini untuk mendapatkan *maintenance* ini berbulan-bulan. Jadi, apakah kerajaan dapat membaiki sistem *maintenance* ini? *It is because they said just because of one chip, it can cost to RM20,000 to repair*. So, saya mohon penjelasan daripada Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Kebetulan, untuk perkhidmatan *maintenance*, itu di bawah konsesi perkhidmatan sokongan hospital yang pemegang konsesi tersebut adalah One Medicare Sdn Bhd, yang konsesi tersebut mula tahun 2015 hingga tahun 2025.

■1100

Kita memang ambil perhatian berkenaan dengan kedua yang rosak itu. Satu *compressor* yang rosak kita akan ganti pada tahun ini. Satu lagi *compressor* yang rosak, kebetulan kita dapat tahu pada tahun ini akan juga diperbaiki. Sebenarnya tanggungjawab untuk perbaiki adalah di bawah perkhidmatan sokongan hospital, pemegang *concession*. Jadi untuk gantian yang satu lagi akan berlaku tahun ini. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kebetulan Sarawak tahun ini kita ada 18 *dental chair* baharu untuk seluruh Sarawak dan ini merupakan peruntukan yang baru di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Sekian.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Bagan Serai, bagi Jelebu dulu sekali pagi ini.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebelah sini, sebelah sini dulu. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sakit hendak bersalin dan sakit batu karang, sakit gigi ini adalah satu sakit yang memang tidak boleh tidur. *We mention it as an annoying and throbbing pain*.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah nisbah doktor gigi kepada rakyat Malaysia ini cukup? Adakah kita mempunyai doktor-doktor pakar, *reconstructive* gigi yang cukup untuk ditempatkan di hospital-hospital daerah macam di Limbang itu, kesian tengok tidak tidur malam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih atas soalan tersebut. Saya perlu rujuk kepada data-data, sama ada saya dapat data tersebut untuk apa yang disebutkan sebagai *doctor to patient ratio, dentist*. Di bawah Kementerian Kesihatan, kebetulan *dental clinic* di hospital 407, *dental clinic* di *health clinic* 1,442, *doctor to...*

Maaf, mungkin saya, *dentist population ratio* ya untuk tahun 2017 adalah satu *dentist* untuk 3,728 orang. Itu nisbah dia, sekian.

**9. Tuan Ali anak Biju [Saratok]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berkenaan dengan status kelulusan terkini penyaluran peruntukan MPKK di negeri Sarawak. Adakah pihak kementerian akan terus mengguna pakai JKKK yang kini masih diamalkan di kampung dan rumah panjang di seluruh Sarawak?.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Saratok atas soalan itu. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) mengambil maklum mengenai hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk kekalkan istilah JKKK untuk Badan Pengurusan Kampung dan Rumah Panjang di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun dalam hal ini, kementerian telah menetapkan bahawa bagi sebarang urusan dengan Kerajaan Persekutuan berkaitan elaun dan geran, Badan Pengurusan Kampung dan Rumah Panjang di negeri Sarawak hendaklah menggunakan nama MPKK mengikut prosedur di semua negeri lain.

Selepas pengesahan rasmi senarai MPKK Sarawak dan saya tekankan senarai MPKK Sarawak ya, diterima daripada kerajaan negeri, KLPB telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM4.69 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi tujuan pembayaran elaun MPKK negeri Sarawak.

Manakala bagi tujuan penyaluran peruntukan geran, pihak KPLB memerlukan semua Badan Pengurusan Kampung dan Rumah Panjang di negeri Sarawak untuk menyediakan akaun bank atas nama MPKK selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan dan diamalkan oleh KPLB bagi semua negeri di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Ini bukan soalan sebenarnya, ini cadangan. Saya cadangkan untuk mengadakan dialog atau taklimat khas bersama dengan Menteri dan pegawai yang mengurus MPKK ini di peringkat Persekutuan. Oleh sebab banyak isu terperinci perlu dibincangkan bersama wakil rakyat daripada Sarawak. Kita sudah berdialog dengan KPLB Sarawak akan tetapi masih belum ada penyelesaian. Saya menyarankan dialog ini diadakan secepat mungkin semasa persidangan kali ini. Sudah setahun PH memerintah tetapi masalah ini belum selesai lagi.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Saratok atas cadangan itu. Saya kurang jelas satu perkara sama ada dialog itu hanya di antara Ahli Parlimen Sarawak atau ADUN Sarawak dengan KPLB Pusat sahaja. Memang kalau itu kita terbuka dan saya akan sampaikan cadangan itu kepada Menteri untuk dipertimbangkan dan diambil tindakan. Dengan pihak KPLB di peringkat negeri, itu terpulanglah pada kesanggupan mereka untuk mengambil bahagian atau terlibat dalam apa-apa dialog. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang saya hormati Menteri, telah memberi jawapan tadi tetapi jawapan semua banyak kaji, teliti, hendak bincang dengan Menteri, lambat lagi ini. Akan tetapi saya hendak tanya berkaitan dengan memandangkan elaun MPKK yang telah berkurangan sejak Pakatan Harapan memerintah, biarpun peranan dan fungsi MPKK masih sama dengan JKK, yang mana dulu tukar tajuk sahaja, tidak apalah.

Adakah kementerian menyediakan sebarang peruntukan tambahan khas bagi setiap 11 biro di bawah MPKK bagi tujuan aktiviti dan penyelarasan komuniti khususnya di Daerah Baling ataupun semua? Jadi tukar tajuk tidak apa, terima kasih, syabas dan tahniah teruskan tetapi saya hendak tanya yang berkaitan dengan elaun tambahan ini. Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong jawab. Jangan kata hendak bincang dengan Menteri dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Walaupun Tuan Yang di-Pertua luar daripada tajuk Sarawak, tidak apa kita jawab secara ringkas. Ini bukan susah untuk jawab. Isu kajian pun tidak berbangkit tetapi bangkit bila cadangan daripada Yang Berhormat Saratok, itu jelas ya. Balik kepada elaun itu, kita ada...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sarawak pun Malaysia Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Apa ini? Tidak apalah saya *just* jawab terus, kalau macam ini kita akan berlanjutan. Elaun Pengerusi itu kekal RM500 dan dibayar secara standard, sama rata kepada semua. Akan tetapi memang pihak negeri bebas untuk menambah dan ada negeri yang menambah untuk pengerusi-pengerusi mereka masing-masing.

Untuk membantu MPKK di peringkat kampung, untuk kali pertama di bawah kerajaan baharu, Pakatan Harapan, sistem geran RM10,000 setiap tahun telah dimulakan oleh kerajaan ini dan berdasarkan permohonan oleh pihak kampung itu. Ada format yang cukup mudah dan kita sudah mula terima beberapa ratus permohonan. Kita sedia dan terbuka untuk menerima yang lain dan proses membuat pembayaran RM10,000 itu di mana peruntukan telah disediakan untuk tahun ini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya tadi penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa elaun JKK daripada satu negeri ke negeri yang lain tidak sama. Kementerian lulus RM500 tetapi ada negeri tambah. Ada tidak perancangan kerajaan atau kementerian untuk selaraskan semua elaun ini supaya ketua-ketua kampung daripada negeri-negeri lain dapat peruntukan yang sama.

Kedua, kerajaan bagi tahu peruntukan MPKK RM10,000. Setakat ini berapa yang telah diluluskan oleh kementerian kepada MPKK di seluruh negara? Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih atas soalan tambahan itu. Amalan di mana ada kadar yang berbeza di antara beberapa negeri ini, ini bukan baharu. Ada berlaku di bawah Kerajaan Barisan Nasional juga, kerajaan lama. Jadi bukan perkara baharu. Dasar kerajaan sekarang ialah untuk kekalkan RM500 sebulan kepada semua kampung di seluruh negara dan adalah terpulang pada kerajaan negeri untuk menambah kalau mereka ada sumber dan sanggup melaksanakan itu.

■1110

Isu kedua itu...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang 10,000.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Isu 10,000 itu. Baik, terima kasih. Dengan 10,000 itu beberapa ratus permohonan telah diterima. Sekarang ini proses dan pembayaran itu akan dibuat secepat mungkin dalam tempoh satu dua bulan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Maksud saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapa MPKK yang sudah dapat...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya tidak ada angka itu dengan saya sebab itu serah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelebu, sekali soalan, Yang Berhormat Timbalan Menteri faham.

**10. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab projek *turnkey* MRT2 & LRT3 diberikan secara runding terus dan tidak dibuat secara tender terbuka, seperti mana yang diuar-uarkan oleh kerajaan, menghuraikan perbandingan spesifikasi dan kos projek di bawah PH dan semasa di bawah BN serta benarkan kos sekilometer di bawah PH lebih mahal berbanding di bawah BN.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Jasin atas soalan yang ditujukan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, atas kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan telah mengambil pendekatan menyeluruh dalam usaha untuk mengurangkan kos projek infrastruktur seperti MRT2 dan LRT3. Pada masa yang sama memastikan kedua-dua projek ini dapat disiapkan dan memberi manfaat kepada rakyat.

Kerajaan juga mengamalkan prinsip integriti dan telus termasuk menggalakkan konsep tender terbuka bagi membuka peluang sama rata dan adil kepada semua pihak yang mampu meningkatkan kecekapan pihak berkaitan dalam menawarkan perkhidmatan terbaik dengan kos yang berpatutan. Kerajaan telah mengambil inisiatif penting dalam merunding dan mencapai persetujuan dengan pihak kontraktor untuk mengurangkan kos dan meminda terma-terma perjanjian yang tidak menguntungkan kerajaan dan rakyat yang ditandatangani semasa pentadbiran kerajaan terdahulu khususnya bila harga projek dianggap terlalu tinggi atau dengan izin *inflated prices*.

Keputusan membatalkan kontrak tertakluk kepada harga yang boleh dikurangkan, mutu kerja yang dijalankan dan sama ada wujudnya unsur-unsur salah laku atau penyelewengan yang mempertikaikan integriti dan kredibiliti kontrak yang ditandatangani. Lagipun keyakinan terhadap kerajaan menghormati perjanjian yang ditandatangani dan perkara yang mungkin dihadapi ke mahkamah adalah juga faktor yang perlu diambil kira. Sekiranya pemotongan harga yang munasabah boleh dicapai dengan mutu kerja yang terjamin, maka sesuatu projek pun boleh dipertimbangkan untuk diteruskan. Lagipun pemotongan atau pengurangan harga juga mesti melebihi sebarang kos pampasan atau ganti rugi yang perlu dibayar sekiranya kontrak dibatalkan.

Formula paling baik adalah mencapai pemotongan harga yang munasabah tertakluk kepada mutu kerja yang terjamin. Ini dicapai Tuan Yang di-Pertua dalam projek LRT3 dan MRT2 dengan pengurangan kos keseluruhan sebanyak RM23.84 bilion yang akan menguntungkan

rakyat Malaysia. Bagi projek LRT3, melalui perbincangan dengan kontraktor sedia ada, projek ini akan diteruskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM16.63 bilion. Perbincangan, rundingan dan usaha rasionalisasi telah berjaya mengurangkan kos per kilometer dan seterusnya kos keseluruhan kepada RM16.63 bilion daripada kos asal RM31.65 bilion. Kemajuan projek adalah tujuh peratus siap semasa rundingan semula kontrak diadakan.

Projek MRT2 yang mana perubahan struktur projek bagi pembinaan MRT laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya MRT2 serta langkah-langkah rasionalisasi yang berkaitan telah berjaya mengurangkan kos projek sebanyak RM8.82 bilion. Kerajaan turut mengambil pendekatan untuk tidak membatalkan dan menender semula kontrak ini kerana ini akan mengakibatkan bayaran pampasan, kenaikan kos pembinaan dan juga kelewatan dalam pembinaan projek. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kemajuan projek telah mencapai 36.6 peratus siap apabila rundingan sebelum kontrak dipersetujui. Itu sebab dengan pemotongan harga, kontrak ini diteruskan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sepatutnya LRT dan MRT adalah sistem pengangkutan awam yang lebih efisien. Dalam masa yang sama dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas. Akan tetapi malangnya kedua-dua objektif tersebut tidak dapat dicapai apatah lagi apabila kita tengok sekarang kapasiti penumpang masih lebih rendah. Hanya 36 peratus berbanding dengan unjuran kita untuk MRT1 sebanyak 442,000 penumpang pada setiap hari. Bagaimanakah MRT2 membuat unjuran 522,000 penumpang satu hari? Bagaimanakah kita untuk dapat capai itu?

Soalan saya yang kedua, adakah benar bahawa kos per kilometer MRT2 kita ini dan juga spesifikasinya adalah lebih tinggi harganya berbanding dengan MRT di Jakarta? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak ada angka-angka tentang Jakarta, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya memang boleh faham hujah yang ingin dibawa oleh Yang Berhormat Jasin. Itulah sebabnya kita adakah rundingan semula. Ini kerana kita rasa bahawa projek ini adalah berdasarkan harga yang terlalu tinggi seperti yang saya sebut tadi *inflated prices* dan atas unjuran yang kita rasa adalah terlalu jauh di hadapan.

Kalau kita hendak buat unjuran, takkan kita buat unjuran tahun 2050. Ini kita rasa tidak masuk akal. Lebih baik kalau kita buat unjuran tentang kapasiti penumpang adalah pada tahap tahun 2030 ataupun tahun 2035 supaya lebih dekat dan kos yang terlibat tidak begitu tinggi. Tentu kita boleh buat pengurusan masa depan supaya sekiranya hendak tambah, tidak akan jadi masalah kerana masih ada ruang lagi.

So, di sini kalau kita sebut dari segi jajaran, kedua-dua projek ini tidak merubah jajaran dan jarak asal yang mana projek LRT3 masih kekal dengan jarak 37.6 kilometer manakala MRT laluan SSP dengan jarak 52.2 kilometer. Mengambil kira inisiatif kerajaan dalam mengurangkan kos kedua-dua projek ini, kos sekilometer di bawah Kerajaan Pakatan Harapan adalah jauh lebih rendah daripada kos sekilometer semasa di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Ini adalah satu pencapaian yang amat penting dan menguntungkan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada Kerajaan Persekutuan yang telah pun menjimatkan wang rakyat sebanyak RM23 bilion. Soalan saya adalah memandangkan sebelum ini kita nampak ada perbincangan dan rundingan untuk pengurangan harga dan itu memakan masa beberapa bulan. Sama ada setelah masa ini diambil kira, sama ada tarikh penyiapan untuk kedua-dua projek ini LRT3 dan MRT2 ini akan terjejas?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita lihat bahawa dari segi rundingan apabila rundingan dijalankan, kita tidak menafikan bahawa ia makan masa enam bulan. Tentu masa ini yang kita perlu untuk mengadakan rundingan akan dicerminkan dalam tempoh kerja projek yang akan dilanjutkan. Akan tetapi saya percaya bahawa kontraktor ingin menghabiskan kerja secepat mungkin kerana untuk seseorang kontraktor sekiranya boleh habis cepat, dia akan dapat wang lebih cepat.

So, di sini kita akan memantau. Akan tetapi yang penting sekali adalah mutu kerja mesti terjamin. Kita tidak mahu ambil kontraktor yang mana sungguhpun dia habis ikut jadual masa tetapi mutu kerjanya amat teruk sekali. Ini tidak akan memenuhi KPI ataupun standard piawaian yang akan ditetapkan oleh pihak kerajaan. Kita hendak pastikan bahawa sungguh pun kita ambil pendekatan untuk mengurangkan harga, mutu mestilah terjamin supaya penumpang boleh menaiki atau menggunakan LRT3 dan MRT2 dalam keadaan yang selamat dan selesa. Sekian, terima kasih.

**11. Tuan Wong Tack [Bentong]** minta Menteri Kesihatan menyatakan punca dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani masalah di Hospital Bentong yang sehingga hari ini tidak mempunyai walau seorang pun doktor pakar. Bilakah masalah ini dapat diselesaikan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa di Hospital Bentong tidak mempunyai walau seorang doktor pakar adalah kurang tepat. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Bentong merupakan hospital yang dikategorikan sebagai hospital pakar minor. Sehingga 31 Januari 2019, jumlah pegawai perubatan pakar pelbagai gred yang ditempatkan di Hospital Bentong adalah seramai lima orang dan terdiri daripada pakar mengikut pecahan bidang seperti berikut:

■1120

- (i) bidang kecemasan dan pesakit luar;
- (ii) bidang perubatan dalaman; dan
- (iii) juga bidang psikiatri dan kesihatan mental.

Pengisian pakar perubatan sedia ada di Hospital Bentong ini telah menunjukkan penambahan dari segi pengisian berbanding pada tahun 2016 iaitu hanya dua orang pakar sahaja. Selain daripada itu, perkhidmatan kepakaran tambahan di Hospital Bentong seperti pediatrik, surgeri am, obstetrik dan ginekologi, ortopedik, ENT, oftalmologi dan kardiologi diberikan oleh Hospital Kuala Lipis, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Hospital Serdang dan Hospital Selayang. Masing-masing mengikut jadual yang ditetapkan.



Hospital Bentong merupakan salah satu *non-lead* Hospital Kluster Pahang Barat bersama Hospital Raub, Hospital Cameron Highlands, di mana Hospital Kuala Lipis merupakan Hospital berpakar *major* dan bertindak sebagai *lead* hospital di dalam kluster ini. Hospital Kluster Pahang Barat telah beroperasi secara rasmi sejak awal tahun ini. Perkhidmatan kepakaran yang diberikan secara kerap dan berkala oleh pakar-pakar daripada Hospital Kuala Lipis kepada *non-lead* hospital di dalam kluster Pahang Barat akan meningkatkan kualiti perkhidmatan di semua hospital di dalam kluster tersebut.

Melalui konsep hospital kluster, hospital-hospital yang terlibat akan beroperasi sebagai satu unit di mana sumber-sumber sedia ada diguna pakai bersama dan dioptimumkan secukupnya bagi meningkatkan kualiti rawatan serta akses penduduk di kawasan Bentong yang berpenduduk 115,000 penduduk kepada perkhidmatan kepakaran.

Di samping itu juga, meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan dan kompetensi pegawai melalui konsep ini juga. Jadi, dengan hospital kluster ini, perkhidmatan kepakaran untuk penduduk di Bentong memang dibekalkan. Sekian.

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kami telah menerima banyak aduan tentang tahap perkhidmatan yang tidak baik di Hospital Bentong, seperti masa menunggu itu yang lama, *incompetency of doctors* dan sebagainya. Rawatan hospital di Bentong *can be a very stressful experience* dan kadang-kadang *can be a whole day affairs*. Sakit sikit pun memang sudah jadi sakit besar. Apakah langkah-langkah yang akan diambil pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini?

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih atas soalan yang dibangkit. Memang kita perhati dari segi perkhidmatan, masa menunggu agak lama. Ini ada kemungkinan berasal daripada prosedur yang tidak begitu *customer-friendly*. Di mana kita di bawah Kementerian Kesihatan, kita sedang menguruskan untuk proses tambah baik melalui *lean healthcare concept*. Di mana kita kaji prosedur-prosedur yang dilalui oleh pesakit supaya mereka kurangkan dari segi prosedur. Dari segi tempat-tempat yang mereka terpaksa pergi supaya kita boleh mengurangkan masa yang mereka terpaksa hadapi semasa di hospital.

Jadi, ada sebahagian masa tunggu mungkin diakibatkan oleh doktor pakar yang melawat. Jadi, sekiranya ada maklumat yang terperinci, kita akan kaji dan tambah baik. Sekian.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sehingga Januari 2018, saya dapati 986 doktor pakar dalam pelbagai bidang meletakkan jawatan daripada hospital kerajaan. Mereka berhijrah ke peringkat swasta. Justeru itu, saya hendak tanya sama ada kementerian bercadang untuk mengecilkan jurang pendapatan doktor pakar di kementerian kesihatan ini dengan doktor pakar di swasta sebagai satu inisiatif mengurangkan peratusan doktor pakar berhijrah ke swasta.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih. Memang kementerian perhati dengan perhatian dengan apa yang disebut di mana ada penghijrahan doktor-doktor pakar daripada hospital kerajaan kepada swasta. Jadi, langkah yang kita kementerian lakukan antaranya adalah melalui program *full paying patient* dan juga membenarkan doktor pakar di hospital kerajaan untuk *limited*

*private practice*. Di mana, mereka dibenarkan dalam seminggu satu ke dua sesi untuk kendalikan *private patient* sama ada di hospital kementerian ataupun mengadakan *non-visiting consultant* di hospital-hospital swasta.

Jadi, ini adalah cara yang kita gunakan untuk *retention of specialist*. Jadi, saya juga lihat perkara-perkara yang dilakukan itu agak berjaya di mana kita sekarang ada doktor yang agak senior yang masih terus berkhidmat di hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Sekian.

**12. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai daripada rakyat Malaysia yang telah dikenakan tindakan mengikut Akta Antiberita Tidak Benar termasuk mereka yang mengeluarkan kata-kata menghina Raja dan lain-lain bentuk penghinaan yang menyentuh sensitiviti agama dan bangsa negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Maran. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada rakyat Malaysia yang didakwa di bawah Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ataupun Akta 803 sejak ia dikuat kuasa pada 11 April 2018.

Seperti mana yang Yang Berhormat maklum, Akta 803 telah diluluskan di Dewan Rakyat bagi dimansuhkan. Akan tetapi, malangnya pemansuhan akta tersebut tidak dapat dilakukan sehingga kini kerana Dewan Negara telah gagal meluluskan pemansuhannya. Dalam Perlembagaan, kita kena tunggu setahun ya Yang Berhormat.

Secara teknikal sehingga pemansuhan akta tersebut berkuat kuasa, akta tersebut dari segi perundangan masih boleh dikuatkuasakan. Namun, memandangkan Kerajaan PH kerajaan yang mendukung prinsip *rule of law*, tiada mana-mana siasatan jauh sekali pendakwaan dilakukan ke atas mana-mana orang di bawah Akta 803. Ini juga tidak bermakna pihak kerajaan bertoleransi terhadap penyebaran berita-berita tidak benar termasuklah penghinaan ke atas Nabi ataupun mana-mana agama atau penghinaan ke atas Raja ataupun institusi Raja.

Seperti mana yang Yang Berhormat maklum, terdapat siasatan dan pendakwaan ke atas pihak tertentu di bawah pelbagai akta yang lain terhadap jenayah penghinaan ke atas Nabi, penghinaan ke atas agama dan juga penghinaan ke atas Raja-raja sama ada di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ataupun Kanun Keseksaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita lihat bahana atau padah kesan daripada penyaluran berita palsu ini yang boleh kita katakan fitnah ini adalah cukup besar kepada masyarakat dan negara. Bahkan boleh membawa kepada pergaduhan dan pembunuhan. Jadi, cadangan pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar ini telah pun dibawa oleh kerajaan dahulu dan ditolak oleh Dewan Negara. Apakah kerajaan bercadang untuk membawa semula cadangan pemansuhan ini, kalau kerajaan sekarang memikirkan bahawa berita palsu ini tidak penting, tidak memberikan kesan kepada negara. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Maran. Sehingga kini kerajaan tidak membuat apa-apa keputusan untuk *U-turn*. Kita akan konsisten

memansuhkan akta ini. Cuma, saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat mendengar perdebatan dalam Dewan Negara, kita telah menerangkan banyak kali dah bahawa kita mempunyai akta yang cukup untuk memantau ataupun menyelesaikan masalah antiberita tidak benar ini.

Sekarang terbukti bahawa di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia, kita telah berjaya mendakwa beberapa orang yang menghina Raja, menghina Nabi sehingga di Sarawak itu, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, walaupun hakim yang mungkin bukan Islam tetapi telah melaksanakan hukuman sampai 10 tahun 10 bulan ke atas orang yang menghina Nabi. Ini kerana dia banyak kesalahan itu di bawah seksyen 233 dan juga seksyen 298A Kanun Keseksaan. Bermakna kita serius untuk menangani berita anti tidak benar.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, nasib baiklah akta ini dimansuhkan. Kalau tidak, kemungkinan ramai pihak pembangkang yang jadi mangsa. Sekian, terima kasih.

■1130

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan pada hari ini mengangkat dan memartabatkan kebebasan media. Namun begitu, bagaimanakah pula caranya untuk mendidik masyarakat supaya mengamalkan *self-censorship*, dengan izin, atau penapisan sendiri supaya tidak mudah terpengaruh dengan kenyataan-kenyataan berita palsu, provokatif seperti Tabung Haji dikuasai DAP, menafikan nutrisi minyak sawit merah dan memomok-momokkannya, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat. Mengenai isu pendidikan ini, Yang Berhormat, pihak kerajaan ini adalah satu proses berterusan. Kita meminta semua pihak bukan sahaja kerajaan, malahan semua agensi di bawah kerajaan, NGO, individu atau parti pembangkang. Kalau mereka ini parti pembangkang mempunyai jiwa untuk mendidik rakyat supaya mendapatkan berita yang benar, mereka seharusnya bersama-sama kita memerangi berita tidak benar ini.

Akan tetapi apa malangnya saya hendak bagi contoh. Malangnya, dalam isu Sungai Kim Kim itu, ada sudah kata sudah mati, berita tidak benar. Ini sebenarnya peranan pembangkang, untuk makluman...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam mana Yang Berhormat Menteri tahu pembangkang yang buat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Benda ini dalam akhbar banyak. Takkan tidak baca?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Banyak juga di luar sana yang bukan ahli parti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Yang Berhormat Kinabatangan, *please* lah baca surat khabar. Kalau tak nak baca surat khabar *Malaysiakini* pun, baca *Utusan Malaysia* pun cukuplah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini yang perlu disiasat Menteri ini buat tuduhan palsu.

*[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2018) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

#### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

#### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti yang tertera di nombor 8 hingga 14 dalam Susunan Giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Titah Diraja dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 28 Mac 2019.”

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majlis @ Fakharudy]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,  
Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas”. **[26 Mac 2019]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mula menjawab. Masa 45 minit.

**11.34 pg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah.* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan penggulungan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelatih-pelatih anak muda dari Pusat Latihan Kem Ghafar Baba, Kemensah, Hulu Kelang, Gombak. Syabas anak muda. Orang muda harapan negara.

*Alhamdulillah,* saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Seramai 20 Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ia melibatkan lima bidang yang berkaitan dengan kementerian iaitu bidang perumahan, kerajaan tempatan, kebombaian, sisa pepejal dan juga penyelenggaraan perumahan.

Saya akan bermula dengan isu-isu yang dibawa atau dibangkitkan di bawah bidang perumahan. Yang Berhormat Tampin, ada Yang Berhormat Tampin?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, ada tetamu. Sila duduk sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama kita di Dewan yang mulia pada pagi ini adalah Yang Amat Berhormat Winston Peters, Timbalan Perdana Menteri New Zealand dan delegasi. *[Tepuk]*

*Honorable Members, it is a great pleasure, I would like to inform together with us this august House is the Right Honorable Winston Peters, Deputy Prime Minister of New Zealand and his delegation. [Tepuk] The Right Honorable Winston Peters and delegation, we welcome your visit to the House.*

*On behalf of Dewan Rakyat, please accept our deepest condolences and we stand together in prayers and thoughts for the people of New Zealand to remain resilient in facing this adversity.*

*We hope that the visit by the Right Honorable Winston Peters and delegation will further strengthen the relationship between our two countries. Thank you. [Tepuk]*

Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Walaupun Yang Berhormat Tampin tidak berada di sini, namun demikian, saya ingat saya beri jawapan sedikit untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir dalam Dewan ini ya.

Yang Berhormat Tampin mengemukakan isu tentang kepadanan permintaan dan penyediaan perumahan. Jadi dalam isu ini, memang kita tidak nafikan bahawa ada isu yang dibangkitkan beberapa kali dalam Dewan ini yang mengatakan bahawa *demand is more than supply* dari segi penyediaan perumahan dalam negara kita. Itu memang perkara yang benar dan kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk membantu penjualan rumah-rumah ini.

Namun demikian, juga ada satu soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching yang ingin mengetahui tentang status penjualan rumah di bawah PR1MA kerana dalam kempen *home ownership campaign* (HOC), kita ada membuat tawaran memberikan diskaun kepada rumah-rumah yang belum terjual di bawah PR1MA. Jadi, ramai pemilik-pemilik rumah PR1MA yang telah membeli rumah ini lebih awal dan meminta bagaimana kedudukan mereka.

Bagi pihak kementerian, saya juga menerima banyak e-mel dan juga soalan-soalan mengenai isu ini dan saya telah menjawab kepada mereka semua agar menulis kepada kementerian dan tamatnya *home ownership campaign* pada enam bulan yang akan datang ini, enam bulan. *That means* bulan September, *insya-Allah*, saya akan semak semua permohonan-permohonan mereka dan satu keputusan akan diambil untuk mengatasi isu pembelian rumah yang awal. Jadi, ini langkah yang akan diambil oleh KPKT

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Minta penjelasan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Sekejap ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tampin juga bertanya tentang rumah di bawah FELDA. FELDA di bawah Kementerian Luar Bandar. Juga, kalau rumah-rumah yang mengenai ketenteraan, ia adalah di bawah Kementerian Pertahanan.

Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai rumah PR1MA yang diberi diskaun 30 peratus itu.

Masalahnya adalah, ada kebanyakan mereka juga telah tandatangan perjanjian jual beli tetapi masih dalam proses dokumentasi. Jadi, bolehkah mereka sebagai *immediate* bagi peralihan kepada mereka untuk mendapat cukai 30 peratus itu sementara yang sedia ada itu mereka tulis kepada Yang Berhormat Menteri?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Kita ada menerima beberapa kes yang dalam proses yang dia boleh *reverse* balik, *then go back to* proses asal permohonan. *They can go back. Retract* yang itu dan buat, fasal dia belum milik lagi, belum beli. *Retract* yang dalam proses dan buat permohonan yang baharu.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Maafkan saya. Jadi arahan telah diberikan kepada pemaju?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang mana ada menulis kepada saya, saya respons begitu dan saya sudah maklumkan kepada PR1MA.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, lanjutan daripada— boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Lanjut daripada isu rumah PR1MA ini, kita juga mendapat bantahan suara dan juga rasa tidak puas hati berkenaan dengan perkhidmatan terhadap rumah-rumah PR1MA. Maknanya servis atau *maintenance* yang dijanjikan dalam *agreement* masa kita S&P dahulu.

Dibangkitkan berkenaan kebocoran, servis, sampah dan sebagainya. Tindakan-tindakan tidak diambil buat masa ini, sedangkan rumah yang kita beli dengan harga, seperti yang dibangkitkan, adalah rumah yang setara dengan rumah-rumah yang ditetapkan seperti rumah yang bukan *low cost*, mungkin *medium cost and above*. Itu ia punya standard.

#### ■1140

Dibangkitkan juga dari segi perkhidmatan dan juga *complaint* yang dibuat oleh pembeli-pembeli kepada pihak pengurusan PR1MA ini tidak diambil tindakan apabila rumah-rumah ini kualitinya yang tidak sepadan dengan harga. Tawaran kepada pembeli baru rumah yang tidak terjual, pembeli-pembeli yang dua, tiga bulan baru dapat rumah ini, baru buat tanda tangan, tiba-tiba apabila dibandingkan dia rasa dia *discriminate* dengan harga yang tidak terjual, ditawarkan kepada pembeli baru dengan hampir *15 percent* baru diumumkan baru-baru ini. Saya minta pihak Menteri KPKT tolong ambil tindakan berkenaan dengan bantahan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih. Untuk makluman semua, saya ingat sudah berkali-kali saya telah menyebutkan bahawa PR1MA, SPNB dan PPA1M telah dimasukkan, diselaraskan di bawah KPKT dalam proses *due diligence*. So, dalam proses ini kita masih lagi dalam proses diaudit dan *insya-Allah* akan selesai pada bulan enam. Jadi, perkara-perkara ini akan diselaraskan. Walau bagaimanapun, projek-projek ini tidak kita biarkan, kita ada *committee* atau jawatankuasa yang seadanya sekarang, yang *existing committee* ataupun dalam PR1MA sendiri mengambil tindakan kepada aduan-aduan terhadap rumah-rumah yang sudah siap.

Seterusnya Yang Berhormat Libaran. Yang Berhormat Libaran bertanyakan statistik rumah yang dibina di kawasan Libaran. Yang Berhormat Libaran ada? *So, since this is specific...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** ...Kalau Yang Berhormat Libaran tidak ada, saya tidak perlu jawab. Kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh jawab juga.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Kalau polisi, saya jawab tetapi statistik, saya rasa saya boleh buat jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Libaran. Yang Berhormat Jelebu bertanyakan tentang penyediaan perumahan mampu milik di kawasan luar bandar. Jadi, kerajaan memang komited untuk membina rumah dan tidak kira sama ada luar bandar ataupun dalam bandar. Cuma prosesnya adalah sekiranya Yang Berhormat ada cadangan tapak tanah untuk dikemukakan untuk pembinaan rumah mampu milik, jadi kena kemukakan tanah ini melalui kerajaan negeri dan kerajaan negeri akan mengemukakan tawaran tapak tanah itu kepada KPKT.

KPKT akan menilai kerana banyak tapak-tapak tanah di peringkat-peringkat negeri, jadi kita akan *prioritize*. Selepas kita *prioritize*, kita akan buat lawatan tapak. Sama ada tapak yang dicadangkan itu bersesuaian atau tidak dari segi *infrastructure*, dari segi keluasan dan sebagainya. Itu proses yang kita buat. Jadi, kalau Yang Berhormat ada tanah yang hendak dicadangkan, kemukakan melalui kerajaan negeri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Baling.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ya, Yang Berhormat Baling ada tanah kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Baling ada tanah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak tawarkan kepada kerajaan?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya berkaitan dengan Baling. Rumah PPR ini pada tahun 2017, semasa itu Yang Berhormat Tanjong Karang, Menteri lah. Beliau telah datang ke



sana untuk membuat pelancaran, perasmian. Tanah telah diberi, rumahnya hanya 500 unit dalam Kampung Charok Sikin untuk orang miskin, bukan B40 lagi sudah, B10 bawah lagi lah *kot*. Orang miskin, harga rumah pun murah. Jadi sudah lama, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah bersetuju untuk membantu rakyat Baling ini bagi meneruskan projek...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya boleh jawab yang itu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebab tanah sudah bayar, sudah beli.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, perkara yang sama.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sama, jawab sekali.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan juga dengan PPR. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, projek ini telah pun dilakukan pecah tanah. Proses pengambilan tanah itu sudah dibuat. Kerja-kerja awal, tolak tanah dan sebagainya telah pun siap. Rumah contoh pun sudah siap. Ia dibuat, tanahnya ialah di Kampung Chain, Lenggong Perak. Jadi, saya mohon mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri status projek ini. Ini kerana ia telah pun dibuat dan saya percaya perbelanjaan yang besar telah pun dikeluarkan untuk projek ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Baling, sebab itu saya hendak jawab cepat Yang Berhormat Baling *because* Yang Berhormat Baling memang tersenarai dalam antara projek yang telah diluluskan. Jadi, *insya-Allah* pada tahun 2019 akan dilaksanakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Thank you* Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Untuk Yang Berhormat Lenggong ya, *thank you*. *[Ketawa]* *You are most welcome*. Untuk Yang Berhormat Lenggong, saya...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Lenggong pun lulus sudah. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Lenggong, tanah kerajaan tetapi... *[Tidak jelas]* Akan tetapi tidak apa, kita akan kaji semula *because* sekarang dari polisinya, kita akan mengutamakan tanah yang diberikan oleh kerajaan dahulu. Jadi tidak kira siapa, pihak mana pun, kalau yang memberi tanah di kawasan itu, kita akan bina kerana tempat itu telah dikenal pasti *by state* ya. Terima kasih. Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Maksudnya akan dilaksanakan atau tidak projek itu?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Untuk Yang Berhormat Lenggong, ada tanah kerajaan dan ada PA. Maknanya tanah ini *that means* dari segi *on paper* boleh diterima tetapi kita kena buat lawatan tapak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, ada lawatan tapak...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Akan tetapi tidak dalam kelulusan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sila.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Hendak mendapatkan sedikit penjelasan. Mungkin saya pun agak *confuse* di antara rumah mampu milik dengan rumah PPR ini. Apa yang disebutkan Yang Berhormat Lenggong dengan Yang Berhormat Baling ini rumah PPR yang saya tengok ada dalam senarai akan dilaksanakan pada tahun ini. Akan tetapi tadi apabila Yang Berhormat Menteri kata bahawa hendak membuat rumah mampu milik, mohon kepada kerajaan negeri kemudian bawa kepada kementerian. Adakah kementerian juga melaksanakan rumah mampu milik ini? Beza di antara PPR, kita mampu milik ini bawah RM300,000 dan PPR ini subsidi daripada kerajaan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Sekarang ini rumah-rumah yang di bawah KPKT, kita selaraskan di bawah satu bumbung. Satu bumbung ini semua adalah di bawah Dasar Rumah Mampu Milik Harapan. Jadi *all houses*, semua rumah yang RM300,000 ke bawah, kita semua satu bumbung rumah mampu milik harapan, cuma harga rumah itu akan bergantung kepada median *income of the rakyat* setempat itu. Jadi, harganya akan berbeza-beza.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya, Kuala Krau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak rekodkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana kelulusan PPR di Kuala Krau semasa Yang Berhormat Tanjong Karang juga telah diteruskan dan telah mendapat minit Yang Berhormat Menteri untuk diteruskan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Seorang Ahli:** Terbaiklah Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, Kota Tinggi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Speaker..

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Cuma saya hendak tambah tanah itu adalah tanah Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sesuai benar dengan kawan-kawan saya yang membangkitkan tentang projek-projek PPR yang telah dicadangkan oleh Kerajaan BN dahulu di bawah mantan

Yang Berhormat Menteri saya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Ini rumah PPR di Kluang ini Yang Berhormat Menteri. Saya duduk di Kluang walaupun kawasan saya di Kota Tinggi.

Projek PPR di Kluang ini Yang Berhormat Menteri, tanahnya dahulu kementerian yang setuju kerana tidak ada tanah kerajaan. Setuju dengan tanah swasta. Jadi pelancaran pecah tanah telah dibuat. Jadi saya pohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan bagi rakyat Kluang. Walaupun Ahli Parlimennya ada di situ. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sebelum Menteri, Yang Berhormat Beruas hendak tanya? Cepat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya satu soalan tambahan. Saya mendapat aduan daripada pihak pemaju bahawa untuk menjayakan rumah-rumah PPRT ataupun rumah mampu milik secara amnya dan pembangunan sesuatu projek perumahan, kosnya sudah meningkat kerana mereka sekarang ini diperlukan membayar sumbangan kepada syarikat Telekom, syarikat TNB dan juga Indah Water Konsortium (IWK).

Oleh kerana selain daripada bayaran ini, sebelum ini mereka hanya membayar kepada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan untuk *conversion premiums* dan sebagainya. Akan tetapi memandangkan Telekom dan TNB ini merupakan syarikat yang boleh kata swasta sungguhpun *is government-linked*. Bolehkah satu cara diatur di mana Telekom dan TNB ini, mereka menjalankan perniagaan, bolehkah mereka yang menanggung semua *facility* TNB dan Telekom ini? Kalau Indah Water Konsortium 100 peratus kepunyaan kerajaan, bolehkah kerajaan memberikan kita kata bajet untuk membiayai perbelanjaan IWK?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

■1150

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Beruas, saya kira perkara ini saya sudah berkali-kali memperjelaskan bahawa dalam Dasar Perumahan Mampu Milik Negara yang baharu, *compliance cost* ini akan diserapkan kepada agensi-agensy yang terlibat.

Jadi, dengan itu akan dapat menurunkan *development cost* atau *construction cost of the project*. *Insyaa-Allah, then the house will be cheaper.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Projek biasa? Bolehkah ia juga ditanggung?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Anything*, rumah-rumah yang RM300,000 ke bawah. *That means* rumah mampu milik *for the B40 group*, yang itu memang kita sudah selaraskan, kita sudah keluarkan satu polisi. Akan tetapi, untuk rumah yang lebih mahal daripada itu, mungkin perlu dikaji dan kita lihat bagaimana. Terima kasih.

Untuk Yang Berhormat Kluang, memang ada, tetapi tanah ini adalah tanah persendirian Yang Berhormat Kluang. Peruntukan itu sudah ada untuk perumahan di Kluang. Cuma, itu adalah tanah persendirian, kita telah minta opsyen kepada kerajaan negeri untuk carikan tanah kerajaan di Kluang juga. Akan tetapi, kalau *falling which*—mengadakan—Yang Berhormat Kota Tinggi sebut fasal tidak ada tanah, tetapi kita juga akan buka di peringkat kedua untuk membenarkan syarikat swasta ini untuk memberikan *proposal* mereka. Sekiranya harga

memadai atau okey, berpatutan, *insya-Allah* kita juga akan pertimbangkan permohonan-permohonan begini.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga mahu minta kepada Yang Berhormat Menteri yang begitu baik hati, berbanding dengan Menteri-menteri yang lain. *[Ketawa]* Ini puji. Puji okey. Puji, pujilah. Betul, kalau betul saya kata betul.

Hanya satu, ini satu projek PPR di Sungai Tinggi. Bab tanah ini, tanah ini dapat percuma. Berjaya Group berikan percuma tanah ini. Tanah ini pula, rumah ini kita khususkan untuk pekerja-pekerja estet. Jadi, saya minta wakil-wakil rakyat dari golongan India ini kena sokong sebab khusus untuk pekerja-pekerja estet. Malangnya, saya tengok projek di Sungai Tinggi ini memang dalam Parlimen Tanjong Karang. Saya *fight* untuk dapatkan tanah percuma, tetapi tidak disenaraikan. Jadi, saya mahu minta supaya bagi peluang kepada pekerja-pekerja estet yang bersara tidak ada rumah ini. Menteri Kewangan, tolonglah pekerja-pekerja estet ini untuk orang-orang India ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** India juga lagi? Estet India?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tak, jarang mantan Menteri daripada pembangkang mahu memuji Yang Berhormat Menteri daripada Pakatan Harapan. Ini memang Yang Berhormat Menteri yang *perform*.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Biar Yang Berhormat Menteri jawab dulu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya ingat kalau ada perumahan tertentu di kawasan, boleh tulis kepada saya dan tidak payah saya buang masa. Saya mahu jawab kepada mereka yang telah berbahas. Jadi, saya cuma mahu katakan tadi, tentang estet tadi, *estate workers* tadi. Memang KPKT telah, dengan 'Kementerian Perpaduan' sedang melihat untuk mengkaji satu dasar untuk kelompok-kelompok tertentu seperti pekerja estet, rumah asal Orang Asli dan juga rumah panjang.

Jadi, kemungkinan ada satu dasar untuk kelompok yang ini untuk kita melihat bagaimana kita mahu menyediakan perumahan mereka. Akan tetapi, pada konsep yang besarnya, *anything that is below RM300,000, anything there is income* yang RM3,000 ke bawah, ia termaktub dalam Dasar Rumah Mampu Milik dari segi kemudahan *loan* atau kemudahan peminjaman. Okey...

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak bagi?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey, *one last question from there*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Cameron Highlands.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Seperti yang kita sedia maklum, di perkampungan-perkampungan Orang Asli, dengan izin, *throughout the country*, keadaan adalah sangat-sangat usang. Selama ini, kita lihat kebanyakannya sudah perlu diganti atau ditambah. Adakah apa-apa perancangan, adakah ini jatuh kepada JAKOA ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya sebutkan Yang Berhormat Cameron Highlands, selepas saya berkempen di Cameron Highlands, saya berkempen di Semenyih, saya lihat ada keperluan untuk melihatkan dasar untuk rumah Orang Asli dan juga rumah panjang serta estet. Okey, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua? Saya rasa terpanggil di rumah panjang yang disebutkan tadi. Boleh tanya sikit?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Because*, saya juga pergi ke Sarawak. *That's why when I see what is happening in Sarawak...*

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *Ya, that's why. I appreciated...*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *That's why we are trying to do one* dasar...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Kita *appreciate* Yang Berhormat Menteri. Okey, saya setuju yang tadi kata puji Yang Berhormat Menteri ini.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Boleh tanya sikit? Tanya sikit? Okeylah, tidak apalah. Tidak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jangan hari ini puji nanti petang hentam lagi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ya, petang nanti dia minta tidak dapat, dia marah pula kan?

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, memandangkan kita kesuntukan masa, Yang Berhormat Menteri dinasihatkan fokus kepada isu-isu yang telah pun dibangkitkan semasa perbahasan. Isu-isu yang baharu itu, saya rasa tidak adil untuk mereka yang bangkitkan isu semasa perbahasan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tetapi tidak ada peluang cukup untuk berbahas pada hari itu. Masa singkat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *It's okay*. Saya jawab dulu yang mana, kemudian kalau ada masa, saya berikan laluan. Kalau tidak, jawapan bertulis ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, yang tidak sempat kita berikan jawapan bertulis. Sila.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey, untuk pertanyaan daripada Yang Berhormat Kangar yang menanyakan tentang kegagalan kontraktor untuk penyediaan rumah dan sebagainya. Kita banyak akta-akta yang telah kita gunakan untuk memastikan bahawa kontraktor mengikut panduan yang telah diberikan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan

Pelesenan) 1966 Akta 118. Kita buat laporan audit, memantau semula dari semasa ke semasa, memantau kemajuan projek sebenar dan sebagainya.

Namun demikian, saya tidak memperkecilkan isu ini kerana saya lihat ada keperluan untuk kita menggubal ataupun melihat balik semakan tentang kontraktor-kontraktor yang membuat rumah dan termasuklah juga rumah terbengkalai. Sementara ini, kita gunakan akta yang ada untuk pantau ya.

Kedua, menanyakan tentang manipulasi dari golongan yang *over* layak untuk rumah mampu milik. Ini memang KPKT ada *cross checking system*, di mana nama-nama pemohon adalah melalui kerajaan negeri. So, kerajaan negeri harus memberikan kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah KPKT, untuk menyemak, *cross check* LHDN dan sebagainya. Namun demikian, saya faham ada juga kes-kes yang mana disewakan dan sebagainya. Ini memang telah diambil tindakan bahawa mereka tidak sepatutnya menyewakan rumah mereka kepada orang Malaysia sendiri, apatah lagi dengan orang asing ya.

Jadi, saya juga semalam kebetulan saya di Langkawi, saya berjumpa dengan pengarah imigresen. Dia sebutkan dekat saya, baru-baru ini dia buat *ambush* di kawasan rumah mampu milik di Puchong dan telah mengesan 46 orang warga asing yang tinggal di rumah mampu milik itu dan mereka telah diusir keluar dan *deport* terus, *because* mereka adalah kosong, tidak ada apa-apa.

Jadi, operasi ini masih lagi dijalankan. Jadi, *insya-Allah* kita akan teruskan. Untuk masa depan, di bawah Dasar Perumahan Mampu Milik Harapan, kita mahu pastikan bahawa sekiranya mereka sudah membeli rumah itu, kalau dia hendak jual, dia harus jual balik kepada KPKT. Jadi, kita boleh terus berkhidmat untuk rakyat yang berkemampuan seperti itu ya. Itu untuk Yang Berhormat Kangar.

Seterusnya, Yang Berhormat Limbang. Yang Berhormat Limbang tanya tentang peranan Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Limbang ya? Tadi, *you* Yang Berhormat Limbang? Kapit? So, Yang Berhormat Limbang ada?

Yang Berhormat Limbang tadi tanya rumah di kawasan, bagaimana peranan Kerajaan Persekutuan. Memang kita tengok Kerajaan Negeri Sarawak ada buat rumah Program Perumahan Mampu Milik Sri Pertiwi dan sebagainya. Kita alu-alukan kerana peranan untuk menyediakan rumah sebanyak 100,000 buah satu tahun dalam 10 tahun ada satu juta buah rumah adalah juga peranan peringkat negeri. Jadi, kerajaan tidak ada menganaktirikan sekiranya ada tanah yang cantik, dikemukakan, *insya-Allah* kita akan nilai dan kita akan teruskan sekiranya ia bertepatan dengan SOP yang kita mahukan.

Tadi saya sebut tentang rumah Orang Asli dan sebagainya. *Insya-Allah* kita akan cuba menggubal satu dasar di situ. Yang Berhormat Hulu Selangor menanyakan tentang syarat-syarat yang telah ditetapkan serta membantu rakyat dari segi mendapatkan pinjaman perumahan. Jadi, ini memang isu negara. Isu yang banyak dipersoalkan dan ditanya mengenai bagaimana kita hendak membantu mereka.

Jadi, kaedah yang terbaik yang ketika ini difikirkan oleh kementerian dalam Dasar Rumah Mampu Milik, satu daripadanya adalah *rent-to-own*. Ini yang mana kita rasakan bebanan untuk mengeluarkan deposit tidak akan terasa oleh pembeli ataupun pemohon B40. Bila *rent-to-own* ini, *track record* pembayaran bulanan mereka boleh digunakan sebagai satu dokumen sokongan apabila mereka hendak memilik, membeli rumah melalui bank. KPKT juga berbincang dengan beberapa agensi, bank dan juga *investors* daripada luar negara untuk membantu kita dalam skim *rent-to-own* ini.

*Insyallah*, saya kira, kalau rumah yang dibuat pada, di bawah Dasar Rumah Mampu Milik yang baharu ini akan mula dibina pada tahun 2019 ini, *first batch of the houses will be ready in three years time. That means*, tahun 2021. KPKT mempunyai masa untuk memikirkan bagaimana untuk mengatasi permasalahan bagaimana mereka hendak mendapatkan bantuan kewangan atau skim-skim *loan* yang lebih sesuai, lebih mudah untuk mereka memiliki rumah-rumah ini.

Yang Berhormat Segamat? *Are you there* Yang Berhormat Segamat? Yang Berhormat Segamat menanyakan tentang cadangan kos guaman rumah mampu milik memandangkan kos guaman untuk B40 atau rumah-rumah yang RM300,000 ke bawah agak tinggi. Jadi, apakah tindakan kerajaan.

#### ■1200

Jadi yang ini memang KPKT sedang berbincang dengan pihak *Bar Council* sekiranya boleh kita mengecualikan kos guaman ini kepada golongan B40 ini yang boleh diambil alih sendiri daripada peguam-peguam di bawah kerajaan, Jabatan Peguam Negara (JPN) KPKT.

Yang Berhormat Kuala Krau, dia mencelah hari itu menanya pasal pengerusi SPNB. So, ketika ini memang KSU KPKT dilantik untuk menjadi pengerusi SPNB kerana kita – memandangkan SPNB dalam proses *due diligence*. Jadi kami percaya adalah terbaik untuk diletakkan sebagai pengerusi SPNB ketika ini, sementara kita menunggu laporan *due diligence* dan juga melihat bagaimana hendak merombak ataupun menstrukturkan semula SPNB ini, jadi kita meletakkan KSU untuk menjadi pengerusi. Saya rasa dia lah orang yang terbaik yang akan, *will look into the government interest* dalam situasi ini. Beliau juga tidak mengambil elaun apa pun, *perks* dan sebagainya untuk menjalankan tugas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya silakan Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya menyokong tindakan Yang Berhormat Menteri untuk melantik KSU yang berwibawa untuk menerajui dan menjadi pengerusi SPNB. Malah saya mencadangkan bagilah elaun kepada KSU tersebut. Cuma yang saya utarakan contoh, mungkin contoh hari itu tidak berapa sesuai. Contoh sekiranya mana-mana KSU yang dinasihatkan untuk berhenti atau untuk dinasihatkan untuk bersara awal, tiba-tiba dilantik menjadi pengerusi GLC dan sebagainya, itu maksud saya. Namun yang KSU KPKT ini saya tidak ada halangan, bahkan saya menyokong. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krau. Yang Berhormat Menteri terima kasih banyak-banyak kerana pilih bukan salah orang KSU, orang yang berwibawa dan faham dengan apa juga perancangan yang dirancang oleh Yang Berhormat Menteri. Tidak perlulah ambil orang lain, biarlah sementara ini KSU, selagi dia ada di situ. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey yang isu yang itu mungkin akan di bawa oleh Yang Berhormat Kuala Krau saya ingat Kerajaan Pakatan Harapan amat peka tentang kebaikan yang terbaik dan *insya-Allah* kita akan laksanakan.

Seterusnya Yang Berhormat Kapar pun tidak ada, Yang Berhormat Kapar tanya pasal rumah *flat* di Seri Sementa yang bumbungnya hendak terbang dan hendak ranap dan sebagainya. Yang ini telah diambil alih oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor. So minta Yang Berhormat Kapar untuk persusul di peringkat kerajaan negeri. Terima kasih.

Yang ini saya pindah kepada isu kerajaan tempatan. Yang Berhormat Tebrau membangkitkan tentang isu— Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan isu mengenai semangat bergotong-royong. Yang Berhormat Bagan Serai ini hendak buat gotong-royong dekat kawasan dia tiada orang hendak datang, kurang penampilan agaknya kot. *[Ketawa]* Jadi *insya-Allah...*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri beri saya mencelah sedikit.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak apa. Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita gotong-royong ini kita turun tetapi orang duduk dalam rumah tengok kita gotong-royong. Saya beritahu ini supaya kita hendak betulkan sikap rakyat macam mana.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Mereka tengok Yang Berhormat rajin sangat buat kerja, jadi biar Yang Berhormat sahajalah yang buat kerja. Namun demikian tidak apa Yang Berhormat Bagan Serai jangan kkuatir kerana bawah KPKT kita telah gubal dasar komuniti negara. Dasar komuniti negara satu mekanisme yang mana kita boleh galakkan mereka untuk bersama kita dengan cara lebih berstruktur. Jadi di peringkat ini semua kita sudah buat kita lancarkan di peringkat nasional, peringkat negeri dan saya juga minta dilancarkan di peringkat PBT. Kalau Yang Berhormat Bagan Serai hendak lancarkan di peringkat Bagan Serai jemput saya, saya datang *insya-Allah*.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri. Soalan saya berkait dengan kerajaan tempatan. Dalam sesi Parlimen yang lalu, kementerian telah memberi satu komitmen bahawa arahan akan diberikan kepada PBT khususnya di Klang MPK untuk tidak meluluskan firma-firma *recycling of plastic*. Namun malangnya ini masih berlaku. Sehingga dua minggu lalu pun isu ini telah dibangkitkan dan di bahas dan walaupun DOE telah pun diberi tentangan mengenai isu ini tetapi dalam persepsi dan dasar MPK sendiri, mereka masih hendak memberi kelulusan untuk *recycling of plastic*. Ini telah menjadi satu permasalahan besar



khususnya di Telok Gong dan juga di Pulau Indah dan sekarang orang tempatan dekat sana mulai protes.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah telah menjadi kepada arahan ini yang telah diberikan oleh kementerian, itu satu. Kedua memandangkan bahawa banyak kilang, banyak *hundred over* kilang yang *recycling of plastic* di Telok Gong dan juga di Pulau Indah bolehkah kementerian membuat satu *health impact assessment* khususnya dengan orang-orang yang tinggal di kawasan itu sebab mereka sekarang *expose to the toxicity of plastic*. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih walaupun tidak ada dalam perbahasan tetapi tidak apa saya boleh jawab.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri saya bangkitkan isu ini, saya bangkit.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Anyway* tidak apa. Jadi isu mengenai Klang, memang Klang telah buat satu *ambush*, satu serbuan. Pada ketika itu 56 syarikat yang telah kita kenakan *investigation order (IO)*. *So* setakat ini ada satu yang telah dihukum sebanyak – kena saman saya ingat— *I can't remember* saman dia kena tetapi dia kena *jail* satu bulan. *So* kita sudah sampai tahap itu.

Namun demikian saya faham juga ada juga kilang-kilang yang masih beroperasi ketika pertemuan kunjung hormat saya bersama Menteri Besar Selangor, saya bertemu semua dengan YDP-YDP dan Datuk Bandar Selangor dan saya pertekankan kepada mereka untuk ambil tindakan. Akan tetapi *for the long term*, KPKT akan mengeluarkan – sudah memaklumkan kepada semua negeri terutamanya Selangor, Penang, Johor, Perak dan juga Kedah yang mana banyak kilang *recycling plastic*, maka kita minta mereka untuk *designate proper area in two years times* di mana kita akan buat satu *waste park* yang mana semua *recycling plastic will be place in one area* untuk memudahkan pemantauan dan sebagainya.

Akan tetapi, tindakan yang diminta untuk dibuat di Klang saya akan merujuk kepada Exco kerajaan negeri untuk melihat apa statusnya. Akan tetapi memang penguatkuasaan dari segi ini memang harus ditekankan agar— kilang-kilang ini boleh ditutup sebenarnya, bila ia *illegal* terus kita buat *police report and then would be charge to court*. Itu sahaja caranya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri walaupun pun saya terima secara baik apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi masalah di sini walaupun telah tutup, minggu pertama tutup, minggu kedua mereka buka balik. *So how is this possible?* Dan mereka ada kelulusan, ada *support* daripada kerajaan tempatan. Itu yang saya mendapat arahan daripada Yang Berhormat Menteri supaya serius dalam isu ini untuk diimplementasikan arahan, *otherwise the government doesn't work*.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Minta Ahli Parlimen Klang untuk main peranan juga. *You can make report* kepada kita *insya-Allah* kita akan bantu.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya sudah tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri, saya sudah buat surat kepada MPK. Saya pun tidak tahu *what to do. Next thing the only work is the media.*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak apa *it's okay.* Cuma *the specific because* yang saya tahu memang kita buat semua serbuan dan sebagainya. Akan tetapi tidak apa *I will try to look into because I don't see any letter coming from you, from* Yang Berhormat Klang *but I know the issue* pasal dalam media dan sebagainya. Okey tidak apa kita akan cuba perhalusi lagi tindakan-tindakan kita *insya-Allah.*

Yang Berhormat Bagan Serai juga bertanya tentang pindaan Akta Kerajaan Tempatan mengenai rumah-rumah yang terbiar dan mengacau ganggu dan sebagainya. Ketika ini cukup – kita tidak perlu pinda akta, Akta 171 seksyen 75, 80, 82 membolehkan PBT untuk ambil tindakan ke rumah-rumah ini, masuk dan saman dan sebagainya. Boleh, sudah ada. Cuma macam yang saya sebut tadi penguatkuasaan. Dalam undang-undang ini akta ini, Akta 171 ini mereka boleh masuk memeriksa, boleh beri notis, boleh saman, boleh denda dan boleh masuk – boleh kena denda RM1,000 dan enam bulan penjara dan RM100 setiap hari kalau mereka tidak patuh daripada notis yang diberikan oleh kerajaan tempatan. Ini juga menjawab soalan Yang Berhormat Tebrau juga menanya tentang akta ini...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri boleh kah mereka masuk buat pembersihan dan kita caj tuan rumah itu?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Boleh. Dalam akta itu.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dalam caj itu dia kena bayar?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ya boleh. Boleh.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Minta laluan sedikit. Isu yang dibangkitkan berkenaan tadi, sebenarnya memang ada di beberapa PPT Cuma saya dapat tahu bahawa caj tersebut kalau masuk bersihkan, caj tersebut dia masuk dalam caj perkhidmatan yang tidak cantum dengan cukai pintu. Ada PPT yang cantum dengan cukai pintu. Apa masalah yang dihadapi adalah apabila tuan rumah itu tahu bahawa caj tersebut *separate* daripada cukai pintu, mereka tidak bayar. Maka boleh tidak kita wujudkan satu polisi baharu di mana semua caj tersebut sangkut dengan cukai pintu, sekiranya tidak bayar, maka tanah tersebut boleh dibersihkan dan dilelong.

#### ■1210

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Akta itu semua sudah ada Yang Berhormat, PBT kena lebih menjalankan penguatkuasaan yang lebih ketat. Tetapi untuk tindakan atau keputusan untuk menggabungkan caj itu kepada cukai pintu, itu juga terpulang kepada PBT masing-masing. Ia boleh dilaksanakan tanpa merujuk kepada kementerian.

Seterusnya, Yang Berhormat Rasah bertanya tentang Majlis Perbandaran Kampung Baru, ada Yang Berhormat Rasah?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ada. Ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ada Yang Berhormat Rasah. Okey Yang Berhormat Rasah, ketika ini memang Ketua Kampung Baru ini memang telah kita janjikan untuk berikan peruntukan sebanyak RM10 ribu dan juga program-program yang lain. Akan tetapi ketika ini tidak boleh lagi dilaksanakan kerana pelantikan PKP belum lagi selesai. Jadi, *alhamdulillah* saya telah dapat maklumat bahawa pelantikan PKP iaitu Pegawai Kemajuan Perkampungan Kampung Baru telah selesai dan *insya-Allah* selesai *by end of this month*. Kita akan buat satu lantikan dalam satu program dan *insya-Allah* KPKT akan menganjurkan satu Konvensyen Pemerksaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru pada 27 dan 28 April nanti. Di situ kita akan berikan watak kepada PKP dan kita akan jemput semua ketua-ketua kampung baru untuk datang untuk bersama-sama berkongsi pengalaman dan juga mendapatkan maklumat tentang penerangan tentang penerangan tentang skop kerja MPKK. Ini kerana mereka adalah lantikan baru ya, *especially* negeri-negeri yang baru kita menang, mereka tidak ada pengalaman.

Jadi, *except for* Penang *and* Selangor, *alhamdulillah* mereka lebih berpengalaman tapi negeri lain tidak berpengalaman, maka kita adakan satu konvensyen ini.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mohon tambahan sedikit. Berkenaan dengan pelantikan PKP dan juga geran RM10 ribu kepada MPKK Kampung Baru. Apakah lepas ada pelantikan, tadi Yang Berhormat Menteri kata dalam penghujung bulan April akan ada pemberian watak pelantikan dan sebagainya. Jadi, agak-agak bila? Oleh sebab masalahnya MPKK tanya wakil rakyat bila dapat itu. Jadi, pohon jawapan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Memang kita lewat sikit bila kita mengajukan nama-nama PKP kepada JPA kerana ada yang kurang berkelayakan dan sebagainya. Jadi, itu mengambil masa sedikit. Akan tetapi selepas watak diserahkan, mereka boleh terus memohon peruntukan untuk menjalankan program di kawasan masing-masing. *Insya-Allah* ya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey, Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang ada? Yang Berhormat Pendang, waktu Yang Berhormat Pendang jumpa saya 21 Mac, mengadakan tentang Yang Berhormat Pendang menghadiri mesyuarat *full council* di Majlis Perbandaran Pendang. Seperti arahan saya, *that* semua Ahli Parlimen boleh hadir ke mesyuarat *full council* PBT. Yang Berhormat Pendang mengadu dekat saya kerana dia tidak dibenarkan untuk bercakap. Jadi, 23 hari bulan saya buat kunjungan hormat ke Kedah dan saya telah maklumatkan kepada semua YDP-YDP di seluruh Kedah dan juga Exco Kedah bahawa Ahli-ahli Parlimen atau ADUN yang hadir boleh memberikan pandangan. Cuma tidak kuasa untuk *voting*, untuk mengundi. So, jadi boleh cakap. Akan tetapi jangan cakap lebih-lebih sangatlah. Ya. [Ketawa]

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Hendak cakap lebih, isi borang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua dulu. Akan tetapi okeylah, sudah dibenarkan untuk bercakap. Saya rasa ini satu langkah pembaharuan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Boleh tidak, boleh tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, sikit.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri KPKT. Oleh sebab kita daripada *first House of Parliament*, jadi maknanya kita pembuat dasar. Tiba-tiba pihak berkuasa tempatan ini adalah pihak berkuasa yang ketiga yang menjadi kerajaan, tiba-tiba kita dimasukkan tidak boleh bercakap. Macam panggil makan kenduri, tidak bagi makan. Pergi saja. Jadi, terima kasih lah Yang Berhormat Menteri KPKT yang menyelesaikan masalah. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya isu yang sama. Saya ingat bukan saja di Kedah, di Selangor pun sama. Saya dijemput hadir yang mesyuarat pertama tapi kalau mesyuarat penuh mereka kata tidak boleh bercakaplah, jadi pemerhati. Jadi, saya cadang buat dasar itu seluruh negara supaya sama.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Rasah. Kalau di Selangor, di Kedah, pembangkang dijemput, di Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Seremban, Ahli Parlimen kerajaan tidak dijemput. Ini lagi serius ini. Pagi ini untuk maklumat Yang Berhormat Menteri, pagi ini ada *full council* Majlis Perbandaran Seremban, pukul 9 pagi tadi. Saya tidak terima apa-apa jemputan. Saya mohon satu tindakan tegas daripada Yang Berhormat Menteri terhadap MPS.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Kan Exco Negeri Sembilan yang jaga...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya tidak tahu apa yang terjadi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** ...kawan Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** lalah, saya tahu.

**Seorang Ahli:** Tidak hormat Ahli Parlimen.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Akan tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh ambil tindakan terhadap MPS.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Berikan *second emphasis* kepada *circular* ini untuk dipastikan bahawa bila- fasal dalam pekeliling itu ia kata sebagai pemerhati. Jadi, yang ada itu, pemerhati itu ia suruh perhati sajalah. Ia tidak kata tidak boleh cakap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu dalam akta.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** ...tetapi saya sudah keluarkan yang itu. *Insyallah*. Seterusnya, tentang isu kebombaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Julau. Yang Berhormat Julau, spesifik kenapa dekat Julau tidak ada satu balai bomba. Ketika ini balai bomba terdekat kepada Julau adalah Bintangor, selama 45 kilometer. Akan tetapi KPKT di bawah Jabatan Bomba, kita ada kita punya kriteria sebelum kita hendak membina satu stesen bomba,

kita ada kriteria yang kita pandu. Jadi, untuk pengetahuan semua yang hadir, ianya akan kita lihat tentang kepadatan penduduk, bangunan komersial seperti pusat membeli belah, hotel dan sebagainya, kilang dan industri, risiko-risiko khas dari segi *dimension* dan kepenggunaan dan juga bangunan kerajaan dan aset kerajaan yang ada di kawasan itu dan jenis-jenis risiko tinggi yang ada di sesuatu kawasan itu. Jadi, ini adalah kriteria yang kita pandu, kita guna sebagai panduan sebelum kita buat keputusan untuk membina satu balai bomba.

Namun demikian, kami juga faham kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak, terutamanya di kampung air, di pulau-pulau, dari segi kriterianya mungkin tidak dapat ditepati kerana ia adalah satu tempat yang penduduknya tidak ramai tetapi ia tersendiri. Jadi, KPKT di bawah Jabatan Bomba Negara juga telah sekarang memikirkan sama ada, ada keperluan untuk kita membuat satu lagi kategori iaitu kita ketika ini ada balai bomba ada empat kategori, A, B, C, D. Kita cuba sekarang melihat sama ada kita boleh mengeluarkan satu lagi kategori iaitu kategori E untuk pulau-pulau dan untuk kawasan-kawasan pedalaman dan di kampung air. Sementara ini, kita galakkan untuk semua *MPs* dalam Dewan ini untuk menubuhkan pasukan bomba sukarelawan yang akan dilatih oleh Jabatan Bomba sendiri. Saya ingat Yang Berhormat Tebrau *very active*. Banyak dia punya bomba sukarelawan dan berapa lagi kawasan yang di Perak yang banyak menubuhkan bomba.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau, saya ada tiga pasukan dan juga ada kereta, *fire engine* lah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Nanti Yang Berhormat Tebrau boleh kasi taklimat kepada *MP* dekat sini macam mana hendak buat sukarelawan. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Saya terpanggil. Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ini sikit saja. Saya rasa terpanggil, boleh.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Paya Besar dululah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Pasukan sukarelawan, saya ada di kawasan saya, ada bantuan daripada kementerian untuk kita membantu pasukan sukarelawan itu? Minta penjelasan sikit.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat gembira mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Cumanya pada sidang yang lepas, Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan pembinaan Balai Bomba Gambang yang bernilai RM4 juta. Akan tetapi semasa bulan lepas, saya masuk dalam satu Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah dekat Kuantan dan bila dibentangkan oleh bomba daerah, saya tidak nampak *list* projek itu akan dijalankan. Saya hendak tahu status pembinaan Balai Bomba Gambang. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh, sikit ya? Saya bukan hendak bertanya fasal bomba. Oleh kerana kurang seminit dari masa. Saya ada menyebut dalam cadangan iaitu kos sara hidup. Apakah langkah berkesan dibuat oleh

KPKT untuk mengawal kadar sewa rumah di seluruh Malaysia yang tidak dikawal dan caj penyelenggaraan, *maintenance fees*....

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Pontian, ada. *You* punya soalan ada, nanti saya jawab ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...untuk pangsapuri, *apartment*, kondominium.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Point taken.*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Insya-Allah* saya jawab. Okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tunggu masa, hendak habis sudah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey, okey tidak apa, kita akan jawab. Okey, untuk bomba bantuan, memang kita ada buat latihan dan juga sumbangan juga di situ. Untuk Gambang, biar saya semak semula. Kalau betul saya sebut berdasarkan daripada laporan yang saya dapat. Akan tetapi saya lihat apa status ia sekarang ya. Nanti boleh rujuk pada saya luar daripada Dewan. Untuk Kota Samarahan, bangkitkan tentang bomba, pembinaan balai bomba daerah Asah Jaya telah diluluskan, *insya-Allah* akan selesai pada tahun 2021 dengan berharga RM7 juta. *So, at the moment, you* kena dibantu oleh Balai Bomba Kota Samarahan dan juga beberapa pasukan sukarelawan.

Yang Berhormat Setiu juga cakap, mengadu tentang- Yang Berhormat Setiu ada kan? Fasal uzurnya peralatan bomba ketika mengawal api di kebakaran di Setiu. Memang jentera bomba yang disebut itu dalam proses pelupusan, maknanya kita akan ganti yang baru.

#### ■1220

Yang satu itu tidak ada dia punya siren, pada 18 Mac dilaporkan dan pada 24 Mac, kita sudah selesaikan. Jadi *Insya-Allah* kita amat peka dengan anggota bomba kita dan amat peka dengan peralatan mereka. Kita memang hendak memartabatkan bomba dalam negara ini [*Tepuk*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat sila menggulung. Saya bagi 3 minit lagi tambahan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tadi Yang Berhormat Pontian

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Menteri, ada dua lagi tadi, yang kedua berkait dengan elaun kerja berstruktur.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Oh ya, okey.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Dan juga masukkan isu kebakaran dalam *list* bencana.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tadi - okey, kritikal itu memang bulan empat ini, *Insya-Allah* ada satu mesyuarat khas untuk rombak semula *allowance* untuk jabatan-jabatan kerajaan (JPA) yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan *Insya-Allah* saya sendiri juga memastikan perkara ini akan dapat dibawa dan dibincangkan sebaik-baiknya untuk memberikan mereka *critical allowance*.

Yang Berhormat Pontian, saya sudah ada *you* punya soalan ini saya nampak tapi - mengenai kawalan sewaan kan? *So, we are in the process of* menggubal ataupun *submitting Residential Tenancy Act* iaitu di bawah akta itu akan dapat mengawal harga dan juga proses jual beli di antara pemilik dan juga penyewa.

Mengenai kos *management fee - management fee by JMB and those things*, itu memang ditentukan oleh JMB masing-masing. Namun demikian, saya juga memang rimas dengan perkara ini. Selama 10 tahun saya sebagai MP pembangkang, memang perkara ini sangat remeh, merimaskan dan susah untuk diselesaikan oleh kerana banyak sangat *complication*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), sekarang tengah melihat untuk Akta Strata itu di perhalusi dan dipermudahkan dan peranan COB juga tengah dalam proses untuk kita permudahkan segala urusannya. Jadi *insya-Allah* itu, saya faham tentang isu-isu ini. Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Akhir sekali, saya hendak menjawab mengenai pengurusan sisa pepejal, Yang Berhormat Rasah juga membangkitkan tentang pengurusan sisa pepejal di tapak Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Ladang Tanah Merah. So untuk pengetahuan Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Rasah khuatir, sama ada tapak pengurusan ini menggunakan teknologi WTE akan memberikan *guarantee* jaminan kepada penduduk sekitar, tidak akan terjejas kesihatan mereka dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Rasah, setiap tapak yang kita luluskan, mesti ada beberapa proses dan beberapa kelulusan yang perlu mereka lalui. Satu adalah *Detail Environmental Impact Assessment* (DEIA) yang dilakukan JAS. Satu lagi mereka kena patuhi Akta Kualiti Alam. Ketiganya, ada KPI yang mana mereka harus patuhi tiap-tiap bulan harus memastikan Loji Bersepadu ini beroperasi dengan baik. Keempat, pembangunan fasiliti WTE ini mesti merangkumi rawatan secara biologi, *mechanical* dan juga pengolahan haba. Bagi negeri yang pakai Akta 672, kita akan cuba *transform* ataupun *upgrade landfill* yang ada untuk dijadikan WTE.

Untuk negeri-negeri yang tidak menandatangani Akta 672, kita juga akan mewajibkan mereka untuk menjalankan satu proses yang mana cadangan-cadangan untuk penubuhan atau penubuhan pelan WTE ini harus dikemukakan di satu Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal yang dianggotai 14 anggota yang mempunyai pakar-pakar tertentu termasuk Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi, Unit Bekerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Sains dan Teknologi, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCORP), Jabatan Alam Sekitar, Bahagian Air dan Marin, *Sustainable Energy Development Authority Malaysia* (SIDA), Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Kementerian Kesihatan juga dibabitkan dan Jabatan Bomba juga dibabitkan. PELAN Malaysia, pakar dari UKM dan juga pakar dari UPM, pakar dari UM juga dibabitkan dalam komiti ini untuk memastikan bahawa teknologi yang kita akan angkat adalah teknologi yang *full prove* yang telah ada *track record* dan yang boleh diguna pakai untuk sampah-sarap yang ada di dalam negara kita.

Sojadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua telah mengambil bahagian dalam Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan. Terima kasih di atas kepekaan dan *Insyah-Allah*, semoga kita berdoa kita akan dapat melaksanakan kerja yang baik demi untuk rakyat dan juga negara, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Masa 45 minit, sila.

**12.25 tgh.**

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh dan salam sejahtera.* Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Saya juga ingin menyampaikan ucap salam daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang tidak dapat hadir menjawab perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat pada kali ini kerana beliau turut terlibat dengan program rasmi melibatkan Kementerian di Langkawi pada ketika ini. Ini memandangkan sektor-sektor yang berkaitan memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi di negara.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa menyampaikan Titah di Dewan yang Mulia ini telah menyentuh bahawa kerajaan akan meneruskan pelaksanaan pelbagai program dan projek bagi memastikan semua rakyat dapat menikmati manfaat pembangunan, selaras dengan dasar kerajaan agar kehidupan rakyat dapat dipertingkatkan dan kekayaan negara dikongsi secara adil dan saksama. Tema ini adalah asas kepada penggulungan saya pada hari ini di mana lapan isu utama telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa mem bahas Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertama, isu pembangunan wilayah. Isu pembangunan wilayah Yang Berhormat Bentong telah membangkitkan mengenai pembangunan infrastruktur asas di Sarawak. Manakala Yang Berhormat Tuaran telah membangkitkan langkah-langkah baharu untuk merapatkan jurang pembangunan wilayah di Sabah. Yang Berhormat Kangar pula membangkitkan mengenai perancangan pembangunan di Negeri Perlis.

Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri telah diberi penekanan khusus dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (KSP RMK-11) iaitu di bawah tonggak ke tiga menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang. Strategi-strategi berkaitan telah diperincikan dalam dokumen KSP RMK-11. Selaras dengan hasrat tersebut, kerajaan akan memberi keutamaan enam negeri yang kurang membangun di dalam mengagihkan peruntukan pembangunan bagi tempoh dua tahun terakhir RMK-11. Negeri-negeri tersebut termasuklah Sarawak, Sabah dan Perlis.



Di bawah Rolling Plan Keempat 2019, negeri Sarawak telah diperuntukkan sejumlah RM4.35 bilion atau 7.9 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan. Peruntukan kepada Negeri Sarawak ini merupakan ketiga tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan sebanyak 563 projek melalui pelbagai kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat Betong dalam tempoh terakhir RMK-11, inisiatif pembangunan di Sarawak termasuk infrastruktur asas akan dipergiat. Dalam hal ini, peruntukan yang disalurkan untuk pembangunan luar bandar Sarawak bagi 2019 adalah sebanyak RM844.9 juta. Peruntukan ini turut meliputi pelaksanaan projek infrastruktur asas di Sarawak seperti jalan luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, Program Ameniti Sosial dan jalan perhubungan desa yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Silakan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Dari Kapit. Sedikit. Saya mohon yang mudah sahaja, tolong secara bertulis diperincikan senarai jalan-jalan di luar bandar yang akan diteruskan pelaksanaannya untuk Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Kita akan sediakan jawapan bertulis untuk hal tersebut. Bagi Parlimen Betong di bawah RMK-11, lima projek dengan kos sebanyak 83.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, sebelum bertukar ke tajuk lain. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang strategi untuk merapatkan jurang antara wilayah dan juga antara negeri-negeri. Kalau kita lihat Pantai Timur misalnya, pembangunannya lebih lambat dan dari segi kemajuannya kurang dibandingkan dengan Pantai Barat.

■1230

Adakah Yang Berhormat mempunyai strategi di dalam merapatkan jurang perbezaan antara pantai timur dan pantai barat. Ini kerana dulu salah satu cara kita untuk merapatkan jurang ini dengan pembinaan ECRL misalnya, kerana melalui ECRL tentu bandar-bandar kecil di kawasan laluan ECRL terutamanya kawasan stesen ECRL dari segi pertumbuhan ekonominya dapat ditingkatkan. Jadi sekarang ini mungkin dah ditangguhkan dan adakah kementerian mempunyai strategi lain untuk merapatkan jurang perbezaan ini.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Bercakap tentang pantai timur, sepertimana yang saya sebut tadi dalam KSP RMKe-11 ada enam buah negeri yang akan diberi keutamaan dan dua daripadanya adalah di Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu.

Tentang ECRL seperti mana yang disebut sebelum ini bahawa masih di peringkat akhir perundingan dan akan dinyatakan keputusannya dalam masa terdekat. Untuk pembangunan di wilayah timur, satu contoh terbaru seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi semasa ke Kelantan tempoh hari tentang pelaksanaan LPT3 daripada Gemuruh di Terengganu ke Tumpat di Kelantan. Ini membentuk satu jajaran baru di bahagian

Pantai Timur meneruskan ekonomi di bahagian pesisir Kelantan seterusnya ke Tumpat dan juga membantu pembangunan Pelabuhan Tok Bali di Kelantan. Seterusnya membantu akses daripada Kelantan dan Terengganu, seterusnya ke Pahang dalam konteks Pelabuhan Kuantan. Terima kasih.

Bagi Parlimen Betong di bawah RMKe-11, lima projek dengan kos sebanyak RM83.42 juta juga telah diluluskan. Lima projek ini adalah dua projek pembinaan jalan luar bandar, dua projek pertanian dan satu projek bekalan air luar bandar. Daripada lima projek ini, satu projek telah siap dilaksanakan manakala empat projek dalam pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuaran, jumlah keseluruhan belanjawan negara bagi tahun 2019 adalah RM316.55 bilion dan ianya merangkumi peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan. Daripada jumlah ini, 17 peratus atau RM54.7 bilion merupakan keseluruhan peruntukan pembangunan. Di bawah *Rolling Plan 4 2019*, negeri Sabah memperoleh sebanyak RM5.01 bilion atau 9.2 peratus daripada jumlah RM54.7 bilion peruntukan pembangunan bagi tahun 2019.

Peruntukan kepada negeri Sabah ini merupakan kedua tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia bagi tahun 2019. Jumlah peruntukan pembangunan bagi negeri Sabah ini telah meningkat 21.3 peratus iaitu sebanyak RM879 juta daripada tahun sebelumnya. Peruntukan tersebut adalah untuk melaksanakan 638 projek pembangunan melalui pelbagai kementerian.

Bidang keutamaan C di dalam tonggak ketiga KSP RMKe-11 telah menggariskan dengan jelas strategi-strategi untuk mempercepatkan pembangunan negeri Sabah. Di dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11 ini, kerajaan akan menumpukan kepada usaha untuk iaitu:

- (i) mempergiat pertumbuhan ekonomi dan perancangan pembangunan;
- (ii) mempertingkatkan infrastruktur untuk menambah baik ketersambungan;
- (iii) memperluas akses kepada infrastruktur, ameniti dan perkhidmatan asas;
- (iv) menambah peluang pekerjaan; dan
- (v) meningkatkan pembangunan tanah adat.

Akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan di kawasan luar bandar Sabah adalah menjadi salah satu tumpuan utama kerajaan. Dalam hal ini, sebanyak RM654 juta telah diluluskan di bawah peruntukan RP4 2019 untuk pembangunan luar bandar Sabah. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 35.9 peratus iaitu sebanyak RM173 juta daripada tahun sebelumnya. Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan program atau projek seperti jalan luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik, jalan perhubungan desa dan ianya melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM166.1 juta bagi tahun 2019 kepada pelbagai kementerian untuk mengurangkan jurang kemiskinan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar mengenai perancangan pembangunan di negeri Perlis. Pelaksanaan projek

fizikal berimpak tinggi yang telah diluluskan dalam RMKe-11 di negeri Perlis seperti *Perlis Inland Port* (PIP) dan Kawasan Industri Lembah Chuping (CVIA) kini sedang dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja awalan. Projek CVIA apabila siap di laksana, dijangka akan mewujudkan sebanyak 12,674 peluang pekerjaan, manakala projek PIP akan mewujudkan sebanyak 4,056 peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga memberi penekanan kepada pembangunan modal insan bagi menyokong perkembangan industri di negeri Perlis. Dalam hal ini, kerajaan telah meluluskan satu projek baharu tahun 2019 iaitu penubuhan Universiti Kuala Lumpur Asia *Sustainable Transportation Institute* di negeri Perlis dengan kos projek sebanyak RM196.9 juta. Projek di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini merangkumi pusat pendidikan dan penyelidikan, hab logistik dan *business park*. Ianya akan dibangunkan di Chuping dan bakal menyokong pembangunan modal insan berkepakaran dalam bidang logistik.

Pada masa yang sama, peruntukan sebanyak RM239.5 juta juga disediakan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi pembinaan beberapa pusat pengajian termasuklah dalam bidang kejuruteraan bahan, kejuruteraan sistem elektrik dan kejuruteraan mikroelektronik di samping penyediaan beberapa kemudahan lain seperti makmal, bangunan pentadbiran, pusat kesihatan serta pembelian perolehan peralatan.

Daripada jumlah peruntukan ini, sebanyak RM52.1 juta atau 21.75 peratus adalah projek baharu tahun 2019. Usaha ini dilihat dapat membantu universiti tersebut menyediakan fasiliti dan kemudahan mengajar yang diperlukan dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang akan menyumbang kepada pembangunan industri khususnya di negeri Perlis.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM1.7 juta kepada Institut Latihan Perindustrian Kangar bagi tujuan perolehan peralatan latihan untuk keperluan revolusi industri 4.0 dan pelan transformasi bagi institusi latihan tersebut. Peruntukan ini bakal membantu negeri Perlis bersedia mengharungi perubahan seiring dengan transformasi digital untuk maju dan berdaya saing.

Perancangan bagi pembangunan institusi pengajian tinggi dan latihan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan ekonomi melalui perwujudan peluang perniagaan dan pekerjaan untuk masyarakat tempatan. Ini juga memberi peluang kepada belia tempatan untuk memajukan diri melalui pendidikan dan latihan kemahiran yang disediakan di UniMAP dan ILP seterusnya memberi impak ekonomi kepada rakyat Perlis pada masa akan datang.

Dalam usaha kerajaan meningkatkan pembangunan negeri Perlis, sektor pelancongan turut diberi tumpuan. Kerajaan melalui PLANMalaysia akan menyediakan pelan induk perancangan fizikal pelancongan negeri Perlis pada tahun 2019 untuk mengoptimumkan potensi pelancongan di negeri Perlis. Selain itu, bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di negeri Perlis, beberapa projek fizikal sedang dilaksanakan termasuklah kerja-kerja pengerukan untuk keselamatan pelayaran bagi laluan bot dan feri di *basin* Kuala Perlis, menaik taraf taman awam negeri Perlis dan projek pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Negeri Perlis atau Kangar Sentral.

Di samping itu, kemudahan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Padang Besar, Perlis sedang dinaik taraf. Kesemua aktiviti pembangunan berjumlah hampir RM65 juta ini dilihat akan membantu meningkatkan sektor pelancongan negeri Perlis melalui peningkatan kemudahan dan pergerakan pelancong dalam dan luar negeri Perlis. Bagi meningkatkan ketersambungan luar bandar, sebanyak RM126.2 juta telah diperuntukkan bagi membina jalan perhubungan desa serta jalan dari Kampung Chuping bawah bukit ke Kampung Gua Musang dan Panggas Besar, membina jalan Sungai Adam ke Kampung Banat dan membina Jalan Padang Nurani Estet ke Jalan Padang Siding.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kerajaan amat komited untuk memastikan pertumbuhan yang lebih seimbang di antara negeri terutamanya dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11.

#### ■1240

Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan yang dinyatakan dalam kajian separuh penggal RMKe-11 iaitu memastikan pengagihan peruntukan pembangunan yang lebih baik kepada negeri kurang membangun dengan keutamaan diberi kepada enam negeri. Sehubungan itu, adalah amat diharapkan kerajaan negeri terus menyokong usaha kerajaan untuk bersama-sama menggembeng tenaga dalam menjayakan agenda pembangunan negara.

Isu kedua berkaitan projek pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan isu kedua mengenai projek pembangunan yang pertamanya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak telah membangkitkan mengenai keputusan kerajaan mengenai projek *high-speed rail* (HSR). Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura telah mencapai persetujuan untuk menangguhkan projek HSR sehingga 31 Mei 2020 setelah kedua-dua pihak berunding dan menandatangani surat sampingan pada 5 September 2018 di pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putrajaya.

Dalam tempoh penangguhan projek HSR, kerajaan akan mengkaji semula skop projek *business model* dan kaedah pembiayaan bagi tujuan pengurangan kos keseluruhan projek melalui kajian komersial dan kajian teknikal. Tujuan kajian adalah untuk menilai semula projek dalam memastikan ia berdaya saing dan mendatangkan kebaikan serta manfaat kepada rakyat Malaysia. Cadangan baharu ini perlu dirundingkan dengan Kerajaan Singapura bagi mencapai persetujuan dalam menentukan hala tuju projek seterusnya. Izinkan saya habiskan sedikit lagi Yang Berhormat ya. Satu *paragraph*.

Seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi, kerajaan berhasrat untuk meneruskan projek ini. Namun keputusan penangguhan dibuat kerana ia melibatkan komitmen kewangan kerajaan yang tinggi dan keadaan kewangan negara pada masa ini tidak mengizinkan. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan HSR ini satu projek yang patut kita teruskan demi manfaat Singapura dan Kuala Lumpur. Saya ingin bertanya seperti mana yang kita sedia maklum pada tahun lalu, satu perjanjian telah dibuat

melibatkan pampasan SGD15 juta yang dibayar pada pihak Singapura dan kita minta penangguhan sampai tahun depan, tahun 2020 iaitu menjelang Mei.

Setakat ini kajian yang telah dibuat berdasarkan kepada aspek komersial dan teknikal, apakah dapatan daripada kajian itu kerana itu sangat penting bagi kita? Saya setuju dalam keadaan yang gawat mungkin kemampuan ekonomi yang tidak seberapa ini barangkali kita memikirkan *downsizing* daripada skop asal. Misalnya *station* boleh dikurangkan ataupun kalau tidak kurangkan pun, lebih baik dan ia mungkin dari segi terminalnya kita boleh reka bentuk supaya tidaklah terlalu besar dan ia tidak mengekang pada pembangunan akan datang.

Jadi, saya hendak tanya bagaimana kajian secara teknikal dan adakah laluan itu telah kita muktamadkan? Apa yang pentingnya ialah kalau kita hendak cari tempat lain ataupun satu laluan ataupun *road* baharu itu mungkin mengambil masa yang agak lama. Setahu saya di pihak Singapura di Jurong, mereka telah membuat penempatan termasuk *golf club* dia sudah dialihkan. Jadi, dalam keadaan ini supaya tidak melibatkan pampasan lebih besar, apakah kajian setakat ini yang boleh didedahkan pada orang awam sekurang-kurangnya kita tidak terjerat dengan pampasan yang lebih besar kepada pihak Singapura. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan Timbalan Menteri. Dalam perancangan yang pertama HSR itu akan menjadikan Bandar Malaysia sebagai terminal utama daripada Kuala Lumpur. Adakah bermaksud bahawa projek 1MDB dahulu untuk membangunkan Bandar Malaysia itu akan diteruskan?

Kedua ialah apa akan jadi kepada cadangan RTS di antara Johor Bahru ke Singapura apabila HSR itu akan dilaksanakan? RTS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Pontian. Terutamanya Yang Berhormat Ayer Hitam di atas pemahaman tentang *constraint* yang dihadapi oleh kerajaan. So, apa yang saya sebut tadi bahawa ia masih dalam peringkat kajian tetapi kita tidak boleh dedahkan pada peringkat awal kajian ini. Masih berterusan. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi bahawa kerajaan berhasrat untuk teruskan. Cumanya ingin melihat dari sudut ekonominya. *Flexibility* dan sebagainya.

Untuk jawapan Yang Berhormat Pontian tentang RTS. Saya tidak mempunyai jawapan tersebut bersama dengan saya. Mungkin saya boleh berikan jawapan bertulis tentang hal tersebut.

Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Mengenai projek tebatan banjir yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Kerajaan telah pun meluluskan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB), Sungai Golok di bawah Keselamatan dan Pembangunan Malaysia-Thailand (KESBAN) fasa satu dengan *ceiling cost* projek sebanyak

RM300 juta dan telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran dalam RMKe-11.

Projek PLSB Sungai Golok KESBAN fasa 1 ini, telah bermula pada 23 April 2018 dan dijangka siap pada tahun 2022. Skop yang terlibat dalam fasa satu adalah di kawasan Sungai Mentua, Sungai Lanchang Lemal dan Sungai Golok yang melibatkan jajahan Tumpat dan Pasir Malaysia. Pelaksanaan kerja-kerja tapak projek adalah sebanyak lima peratus yang mana kerja-kerja cerucuk bagi pembinaan *gate* di Kuala Jambu sedang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap. Tidak ada ya? Ada. Okey saya jawab. Menteri Hal Ehwal Ekonomi telah menyatakan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim akan dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Kemudahan infrastruktur ini adalah diperlukan bagi menarik pelaburan dalam sektor perindustrian di wilayah utara Semenanjung di samping mengimbangi kemajuan antara negeri dalam arus pembangunan negara.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, pencilahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti, bagi Yang Berhormat Padang Terap dahulu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Padang Terap. Soalan asal dia.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Pada lawatan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi ke Kedah pada 19 hari bulan. Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM3.6 bilion untuk peruntukan negeri Kedah. Daripada situ RM1.6 bilion adalah untuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim. Tidak disebut swasta, tidak disebut PFI, tidak disebut peruntukan kerajaan. *Public* mengandaikan bahawa ia adalah peruntukan daripada kerajaan.

Dua hari selepas itu Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa projek pembinaan Lapangan Terbang Kulim ini adalah melalui inisiatif swasta. Pada hujung minggu sekali lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan di Pulau Pinang bahawa inisiatif ini adalah inisiatif swasta dan untuk juga Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Yang Berhormat Menteri Kewangan sebut bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan ditender dahulu. Jadi, saya agak keliru Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, apakah kenyataan Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada 19 hari bulan itu bertentangan dengan kenyataan Menteri Kewangan. Selepas itu Menteri Hal Ehwal Ekonomi juga menyatakan bahawa projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim ini adalah atas inisiatif swasta.

Jadi, saya hendak minta penjelasan tentang dua kenyataan daripada dua Menteri kanan yang telah membuat kenyataan itu. Kalau dari awal boleh disebut sebagai inisiatif swasta, saya

ingat itu lebih, sebab itu disebut di depan pegawai-pegawai kerajaan di negeri Kedah dan ramai yang mengatakan ini adalah peruntukan daripada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dulu.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Hendak sambung yang itu sedikit sahaja. Hendak sambung yang itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Perkara yang sama, biar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dulu.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tidak, ada sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti dia tidak sempat jawab, masa tinggal sedikit.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya jawab dulu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, jawab dulu.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ia adalah satu inisiatif swasta dan apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Kedah adalah nilai projek. Nilai keseluruhan projek dan pembiayaan projek tersebut boleh datang dari kerajaan atau swasta. Itulah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Kedah tempoh hari dan penjelasan berikutnya.

#### ■1250

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya minta diulangi semula.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Perkara yang sama. Boleh mencelah?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tadi disebut bahawa ini adalah pembiayaan swasta. Selepas itu Timbalan Menteri cakap pembiayaan ini boleh datang daripada kerajaan ataupun swasta. So, yang mana?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Perkara yang pertama, yang mana?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya jelaskan dulu ya.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sekejap, sekejap. Duduk. Kedua, yang kedua...

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya jelaskan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Kalau pembiayaan swasta, apakah jenis dan model pembiayaan swasta? Sama ada PFI ataupun adakah kerajaan hendak bagi *facilitation grant*? Kena jelas.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Okey.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** ...Dan kena berhati-hati dalam menjawab di sini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Perkara yang sama. Boleh?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya jelaskan Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau, apa yang saya sebut tadi, apa yang diumumkan oleh Menteri adalah nilai projek ya yang Yang Berhormat Padang Terap sebut tadi nilai yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri semasa di Kedah. Ia adalah nilai projek pembangunan yang akan dilaksanakan di Kedah. Itu adalah nilai projek. Bagaimana projek ini dilaksanakan dalam nilai itu, adanya projek daripada peruntukan kerajaan dan adanya daripada inisiatif swasta. Dalam kes Lapangan Terbang Kulim ini, ia adalah dari inisiatif swasta. Silakan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh bagi saya *chance* sedikit, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Takut tidak relevan nanti. Pembiayaan swasta model apa? Sepenuhnya swasta? PFI? *Facilitation grant*? Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rembau, sekarang Yang Berhormat Pasir Salak. Biarlah Yang Berhormat Pasir Salak tanya. Janganlah hendak rebut peluang dari rakan-rakan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Yang Berhormat Rembau, saya jelaskan. Tentang model dan pelaksanaan ini, perkara ini akan diperincikan. Telah diumumkan tentang model dan tentang kaedah pelaksanaannya. Ia akan diperincikan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini saya faham sangat ini. PFI ini saya tahu sangat. Bagi saya bercakap sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tanya soalan ya. Jangan jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Soalan saya dan peringatan saya, PFI ini kaedah pembiayaan oleh swasta. Dianya merupakan hutang. Hutang. Kalau 20 tahun kena bayar, dia jadi *double*, tahu? Berapa kos projek? *RM500 million*. Dia jadi RM1 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia sudah jawab tadi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak ingatkan kerajaan. Kerajaan kata hutang banyak. Ini, *you are creating more debt. Sure*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, sudah jelas.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *It's a long term debt, you know. I know very well about this matter.*



**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Semua orang tahu, Yang Berhormat Pasir Salak tahu. Okey, Yang Berhormat Pendang dari Kedah.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat, tumpat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ya, Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Diberi kepada saya. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan peruntukan untuk negeri Kedah dalam PFI. Saya faham PFI. Dia tidak ada butiran lagi dalam bentuk unjuran bajet, tidak ada lagi.

Cuma, saya hendak minta, sekarang ini kalaulah kita *skip* RM3.6 bilion ini untuk kita fokus yang lebih *awlawiyat* ataupun yang lebih keutamaan, di mana segala *piping* yang ada dalam negeri Kedah dibina pada tahun 70-an dan memang sekarang dia terlalu tua, *aging*, kita minta dalam PFI ini, keutamaan baik pulih *piping ayaq* yang menyalurkan air daripada *dam* ke rumah-rumah ini yang mana banyak sudah yang tersumbat dan sekarang kita difahamkan NRW sudah 45 peratus yang ada. NRW, *non-revenue water* ini. Ini kesan yang besar menyebabkan kerugian pendapatan kerajaan.

Jadi saya hendak minta, boleh tak pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ini supaya pindahkan PFI ini RM3.6 bilion— ataupun tambah lagi tanpa mengganggu RM3.6 bilion. Saya difahamkan unjuran telah dibuat oleh kerajaan negeri hanya tak sampai RM1 bilion. Lebih kurang RM900 juta lebih untuk kita ambil alih dan bina *dam-dam* baru untuk mencukupi. Itu yang pertama.

Keduanya, kita lihat apa yang difahamkan oleh MIDF, jualan asing di pasaran ekuiti tempatan— sebab ini ekonomi. Dia kena bangunkan ekonomi negara untuk rakyat. Jualan asing di pasaran ekuiti tempatan berjumlah kira-kira RM11 bilion pada 14 Disember 2018. Berbanding aliran masuk bersih kira-kira RM10 bilion bagi keseluruhan tahun 2017. Kenapa jadi begini? Kita tengok penanda aras FTSE, *Financial Times Stock Exchange* yang menjadi penanda aras Bursa Saham Kuala Lumpur yang mana kita tengok pada angka 1,690.58 pada 31 Disember 2018 susut menjadi 106.23 mata ataupun 5.91 peratus berbanding dengan 1,796.81 pada hari dagangan terakhir tahun 2017 iaitu pada 29 Disember 2017. Maknanya semakin teruk selepas 9 Mei 2018.

Jadi saya hendak minta, apa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merancang untuk mengatasi perkara-perkara yang sedang berlaku melibatkan nilai mata wang Malaysia semakin susut dan jatuh? Walaupun dijawab oleh Menteri Kewangan kelmarin bahawa dia yakin akan naik. Yakin, tetapi tidak naik lagi, masih turun. Bila, tidak tahu, akan naik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Akan tetapi, inilah penanda aras.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua, *airport, airport*.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta Tumpat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pendang, baca perkara 24(3). Jangan jadikan pertanyaan helah untuk berbahas. Kita bagi lah peluang untuk rakan-rakan bertanya.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Saya berdiri dari tadi.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat, tumpat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya bagi Ketua Pembangkang dulu. Ketua Pembangkang, sila.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya sedikit saja, *straight forward*. Saya hendak tahu, apakah rasionalnya mendirikan *airport* sejumlah RM1.6 bilion di Kedah, *international airport* di Kulim yang sangat berhampiran dengan *international airport* di Penang? Di Kedah, sudah pun ada *international airport* di Langkawi. [Disampuk] Alor Setar bukan *international airport* ya. Maknanya, di Kedah sendiri ada tiga *airport* nanti— Alor Setar, Langkawi, Kulim. Dan Penang dengan Kulim, kedudukannya sangat dekat. Jadi, apakah rasionalnya berbelanja begitu besar untuk mewujudkan satu lagi *international airport*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya lah, pindah ke negeri Perak lah.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat. Tumpat minta Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** *Airport* juga. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi sebut mengenai peruntukan kerajaan. Peruntukan kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah jelas, tidak payah memperbesarkan. Tadi sudah tanya.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Okey, tetapi sekarang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, inisiatif swasta. Inisiatif swasta ada dua. Satu disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak sebut fasal PFI. PFI ini maknanya kalau ada RM2 bilion, dalam masa 20 tahun *you* kena bayar RM2 bilion itu dengan *interest*. Akan tetapi, yang disebut inisiatif swasta, minta penjelasan dalam Dewan ini. Adakah RM1.6 bilion itu dikeluarkan oleh swasta, siap *airport* itu, swasta ABC Sdn Bhd itu akan kutip segala hasil dalam *airport* itu?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu *default payment* nama dia.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Dia bukan *default payment*. Dia kira semua sekali dibuat oleh swasta, swasta yang kutip. Jadi minta penjelasan betul-betul yang itu sebab ini ada kaitan dengan apa yang— apa kaitan dengan hutang, peruntukan? Ataupun *directly* inisiatif swasta?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak payah berulang. Yang Berhormat Tumpat sama juga?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta undur sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sudah bangun daripada tadi tetapi tidak dapat peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya tahu. Yang Berhormat Menteri hendak bagi? Okey, sekali ya.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Berkenaan dengan Projek Tebatan Banjir Lembangan Sungai Golok yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita mendapat maklum bahawa ada bantahan daripada penduduk tempatan mengenai laluan dan sebagainya. Jadi, apakah kerajaan telah pun menyelesaikan isu-isu bantahan tersebut dalam usaha untuk memastikan kejayaan melaksanakan projek ini demi kebaikan rakyat?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, saya nak campur sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya telah meneliti perbincangan *airport* Kulim ini, *international airport* ini dan berbagai-bagai hujahan telah dibuat. Saya hendak pesan kepada kementerian, jangan melibatkan wang rakyat sebab janjinya swasta. Ini tidak boleh berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kapar, ini...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya mohon ia direkodkan supaya kita kalau serah pada swasta, swasta. Jangan melibatkan wang rakyat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hutang kena bayar. Mana boleh tidak melibatkan rakyat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Itulah yang saya hendak tekankan supaya dijadikan sebagai rekod untuk memastikan tidak berlaku nanti pembayaran yang bukan-bukan akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, terima kasih. Sila.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Izinkan saya menjawab satu persatu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, bagi Menteri jawab.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Pertama, saya ambil maklum apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak.

Kedua tadi Yang Berhormat Pendang, *piping* di negeri Kedah, saya memang maklum tentang hal tersebut.

Tentang ekuiti market, pasaran saham, saya sebutkan sebelum ini bahawa dalam mana-mana negara dalam dunia ini, apabila berlaku peralihan kerajaan khususnya apabila ia tidak pernah berlaku dalam sejarah, maka *investors* akan mengambil pendekatan yang cukup berhati-hati. Oleh yang demikian, tempoh— jika kita tengok di negara-negara lain, bila ada pertukaran kerajaan, tempohnya akan mengambil masa sekitar setahun ke setahun setengah. Dalam keadaan ketidaktentuan, itu adalah satu normal, satu *behavior* pasaran, dengan izin.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat Bera menyebut tentang apa perlunya *airport* ini diadakan memandangkan terdapat *airport-airport* lain yang lebih dekat.

Seperti mana yang dinyatakan tadi, ia adalah sebagai satu pemangkin di wilayah Kedah di kawasan tersebut. Jika kita lihat dalam dunia, *airport-airport* yang dekat ini— banyak terdapat *airport-airport* yang dekat tetapi model setiap *airport* itu mungkin berbeza. Saya ambil contoh *airport-airport* yang baru dibina di Sydney. *Sydney Kingsford Smith Airport* dibina yang baharunya adalah 50 kilometer daripada *Badgerys Creek*. Itu adalah satu keadaan di mana...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Mana boleh banding Kulim dengan Sydney.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Tak. Maksud saya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa hasil Kedah nya pun? Padi saja.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Maksud saya, apabila kita cakap untuk memangkinkan pembangunan sesuatu tempat, maka *airport* ini adalah satu usaha kerajaan, satu infrastruktur yang diperlukan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf ya. *This is all political.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, jam Parlimen menunjukkan pukul 1. Majlis Mesyuarat akan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita teruskan dengan sesi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri. Silakan Menteri Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Sila, Timbalan Menteri. Ada sembilan minit lagi.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan dengan topik yang ketiga iaitu pembangunan ekonomi Bumiputera.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan sebelum pergi ke topik lain.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Ya.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, lapangan terbang amatlah diperlukan untuk negeri Kedah tetapi rakyat sedang bertanya, bilakah Hospital Kulim akan dibesarkan? Pada masa ini, tiga

Parlimen menggunakan Hospital Kulim. Tolong beri penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Salah kementerianlah ya?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, itu merujuk kepada Kementerian Kesihatan tetapi kami di pihak EPU, jika ada sebarang maklumat tentang hal tersebut, kita akan berikan jawapan bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Bagi topik pembangunan ekonomi Bumiputera, Yang Berhormat Jeli telah membangkitkan tentang TERAJU. TERAJU akan terus diperkasa supaya lebih fokus dalam menerajui, menyelaraskan dan memacu pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Dalam hal ini, TERAJU berperanan sebagai sebuah agensi strategik dalam memartabatkan pembangunan bumiputera dengan lebih holistik dan komprehensif. Melalui pemeraksanaan TERAJU, peranan agensi tersebut akan diperhebatkan sebagai penyelarasan keseluruhan kepada pemeraksanaan dan lonjakan perubahan landskap sosioekonomi Bumiputera pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong pula membangkitkan mengenai strategi pembangunan Bumiputera termasuk penyediaan insentif kepada usahawan seperti Program Dana Mudahcara di bawah TERAJU. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengambil maklum mengenai pandangan Yang Berhormat Batang Sadong yang mencadangkan agar Program Dana Mudahcara TERAJU diteruskan oleh kerajaan. Kementerian kini sedang menjalankan kajian impak sehingga akhir Ogos 2019 untuk mengenal pasti keberhasilan Program Dana Mudahcara ini. Sekiranya program ini menunjukkan impak yang tinggi, sudah pasti program tersebut akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan berhubung Dasar Pembangunan Bumiputera. Kerajaan telah pun memberikan komitmen bahawa strategi pembangunan Bumiputera akan terus menjadi agenda nasional yang penting tanpa meminggirkan segmen masyarakat lain di negara ini. Untuk mendepani cabaran ekonomi semasa, kerajaan sedang merangka satu pendekatan ekonomi yang holistik berteraskan pertumbuhan, menjamin kesaksamaan serta perkongsian kemakmuran. Pendekatan ini akan mencerakinkan semangat inklusiviti dan nilai keadilan yang akan menyumbang kepada kekayaan untuk dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia berkonsepkan *shared prosperity*. Keberhasilan strategi Bumiputera akan terangkum dalam setiap teras pendekatan ini.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, 71.3 peratus daripada isi rumah B40 adalah daripada Bumiputera. Sebarang usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka sudah tentu akan memberi kesan yang positif kepada rakyat secara keseluruhannya. Ini tidak bermakna golongan isi rumah B40 daripada segmen masyarakat lain akan dipinggirkan. Apa yang penting, pertumbuhan ekonomi negara akan terus dipacu supaya semua golongan masyarakat akan dapat merasai nikmat pertumbuhan ini. Dalam merangka agenda nasional ini, pandangan daripada semua pihak akan diperolehi melalui sesi libat urus yang akan diadakan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapar bangun.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya walaupun dia teralih sedikit di bawah peraturan 24 tetapi saya hendak mengaitkan sebagai salah satu daripada agenda Dasar Bumiputera. Saya dapat maklum bahawa adakah benar FELDA tak bayar kos sara hidup dua bulan? Bulan 11, bulan 12, bulan 1, bulan 2 dan bulan 3. Kalau benar tak bayar, tolong bayar sebab ini adalah perjanjian yang ada untuk mereka meraih RM1,500 yang mereka terpaksa menampung penghidupan seharian kerana kawasan lingkaran yang mereka kerjakan, pokok itu tidak dapat dibuat kerana ini tanaman semula. Jadi saya mohon kalau tidak dibayar, Tuan Yang di-Pertua, tolong bayar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yang di-Pertua tolong bayar? Berat ini. *[Ketawa]*

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya akan dapatkan maklumat terkini akan hal tersebut, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, ada kaitan RM1,500 tadi. Memang saya pun mendengar benda yang sama iaitu dua bulan dah tak dibayar. Cuma satu lagi, saya difahamkan jumlah tersebut dikurangkan daripada RM1,500 saya difahamkan turun kepada RM1,000 dan saya difahamkan terkini, nak turun kepada RM750. Jadi, silalah dapatkan jawapan. Kalau tak boleh beri jawapan sekarang, bertulis pun tak apa.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya ada jawapan tersebut tapi kemudian ya. Izinkan saya habiskan ini, kalau tak sempat, saya berikan jawapan bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Selayang membangkitkan tentang *social cohesion* dan memberikan keutamaan kepada pertumbuhan inklusif atau *inclusive growth*. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan terus memberi pengukuhan kepada pelaksanaan pembangunan inklusif dalam meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Berasaskan penekanan kepada pertumbuhan dengan ekuiti, pelaksanaan ini akan menyediakan peluang yang saksama bagi membolehkan rakyat turut serta dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Pendekatan pembangunan inklusif adalah berteraskan kepada beberapa prinsip utama iaitu ketelusan, berdasarkan keperluan dan merit, mesra pasaran, mampan dan menyokong pertumbuhan.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan berkaitan merit dalam kalangan usahawan Bumiputera, kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal RMKe-11 telah pun memberi penekanan supaya sebarang insentif kepada mereka akan dibuat berdasarkan merit dan pertimbangan perniagaan secara telus dan adil. Usaha juga akan diteruskan untuk membina komuniti ekonomi Bumiputera yang lebih berdaya tahan dan mampan. Ini termasuklah melalui pembentukan budaya berprestasi tinggi dan peningkatan produktiviti dan inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada topik keempat iaitu pengukuran pendapatan garis kemiskinan dan keadilan ekonomi. Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Nibong Tebal dalam perbahasannya membangkitkan mengenai pendapatan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah serta golongan M40.

**■1440**

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan terus berusaha dengan perancangan yang mantap untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan isi rumah B40 dan M40 melalui pendekatan berikut:

- (i) menyediakan program peningkatan pendapatan serta keperluan asas meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan;
- (ii) meningkatkan keupayaan mendapat pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan;
- (iii) menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan untuk menjana pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan; dan
- (iv) keempat meningkatkan sistem perlindungan sosial dengan mewujudkan satu rangka kerja sistem perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif.

Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Petaling Jaya juga membangkitkan tentang penambahbaikan kaedah pengukuran kadar kemiskinan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang membuat kajian semula pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan supaya lebih menggambarkan keadaan kemiskinan semasa negara. Sehubungan itu, model PGK semasa akan dikaji semula dengan mengambil kira corak penggunaan ataupun *consumption pattern*, makanan dan bukan makanan serta keperluan dan demografi semasa isi rumah.

Selain itu, keperluan kalori semasa rakyat Malaysia bagi PGK makanan akan turut dinilai semula dan di kemas kini. Hasil kajian semula ini akan diguna pakai untuk merumus strategi pembasmian kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas Tahun 2021-2025. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Petaling Jaya supaya penggunaan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) diperluaskan. Untuk makluman, dalam KSP RMKe-11 kerajaan telah menggunakan MPI sebagai salah satu inisiatif untuk menambah baik pengukuran kemiskinan supaya lebih inklusif selaras dengan amalan antarabangsa.

Seterusnya, Yang Berhormat Keningau telah menyentuh mengenai langkah-langkah strategik kerajaan untuk menangani masalah kemiskinan di Sabah dan Sarawak. Kerajaan sedar akan isu kemiskinan di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, kerajaan telah memberikan tumpuan khusus bagi mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak antaranya ialah:

- (i) mempergiat perancangan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi melalui pemerkasaan, peranan agensi pembangunan di Sabah dan Sarawak contohnya Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak;
- (ii) mempertingkatkan infrastruktur untuk menambah baik kesinambungan di Sabah dan Sarawak;
- (iii) memperluaskan akses kepada infrastruktur ameniti dan perkhidmatan asas;

- (iv) memastikan perwujudan peluang pekerjaan baharu melalui peningkatan kemahiran dan industri khusus selaras dengan strategi pembangunan wilayah; dan
- (v) meningkatkan pembangunan di tanah adat.

Ini membuktikan kerajaan prihatin dan serius dalam usaha untuk memastikan pembangunan di Sabah dan Sarawak lebih seimbang, berupaya merangsang aktiviti ekonomi dan dapat menangani isu kemiskinan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak dengar lagi hujahan saya yang saya bawa dalam perbahasan saya iaitu berkenaan dengan CEO FELCRA yang kurang ajar dan biadab, yang pegang kepala orang, jampi kepalanya, maki hamun orang, maki hamun sini. Apakah tindakan kementerian untuk mendisiplinkan dan memberi tindakan terhadap pengurusan yang sebegini biadab? Mohon kementerian ambil *action*, kalau tidak sesi akan datang saya balun lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengutarakan soalan-soalan yang penting tetapi belum dijawab contoh, 10 tahun Khazanah rugi, kenapa? Apa perancangan masa depan? Enam tahun FGV untung, 10 tahun Khazanah untung baru-baru ini rugi, kenapa dan mengapa? Kemudian FGV untung enam tahun baru tahun ini baru ini rugi.

Jadi jawapan-jawapan itu nampak belum ada lagi. Begitu juga senarai-senarai aset yang dibeli mulai Mei tahun sudah sehinggalah sekarang. Aset yang dibeli, yang dijual kita tahulah yang dibeli ini berapa banyak?

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri. Isu..

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana masa terhad, jawapan yang bertulis.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, saya pun seperti rakan-rakan yang lain banyak isu yang dibangkitkan. Cadangan mengenai FELDA iaitu tentang ditangguhkan pemotongan hutang jikalau pendapatan tidak mencapai RM1,500, saya ada cadangan tapi tidak ada jawapan. Begitu juga dengan isu penjualan aset FELDA, FELCRA di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Saya faham waktu tidak ada jadi saya mohon jawapan secara bertulis.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri. Isu..

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]:** Tuan Yang di-Pertua, tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Royalti minyak belum lagi untuk Sabah dan Sarawak.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]:** Saya minta...

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Royalti minyak belum dijawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua dalam jawapan bertulislah.



**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang lebih spesifik bagi kawasan-kawasan Parlimen yang telah saya timbulkan juga tidak mendapat jawapan secara *detail*. Saya minta kementerian untuk beri penjelasan secara bertulis Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, tentang Kuala Krai. Saya ada bangkit isu berkaitan dengan apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu lawatan ke Kelantan berkaitan dengan CSR, yang saya pohon ialah supaya dipercepatkan atau didahulukan laluan Kuala Krai-Machang kerana ini adalah merupakan laluan yang paling sesak dalam laluan tersebut dan soalan saya ialah bilakah projek ini akan dimulakan? Itu soalan yang saya kemukakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan bertulis, itu saja.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya mempunyai jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan tapi atas kekangan masa saya berikan jawapan bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Masih ada 30 muka surat sebenarnya. *[ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada 30 muka surat? Jawapan bertulislah. *[Ketawa]*

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Jawapan lengkap. Kita *address the issues* tapi kekangan masa. Jadi saya rasa setakat ini saja penjelasan saya Tuan Yang di-Pertua terhadap isu...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan supaya kementerian yang sebegini penting dapat diberikan masa tambahan, masa yang lebih kerana ini adalah merupakan antara masalah dan juga kekangan, rungutan rakyat yang harus dijawab di Dewan yang mulia ini.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Saya setuju. Setuju Tuan Yang di-Pertua, setuju patut diberi masa lebih panjang lagi.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Setuju, setuju.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Memang setuju Tuan Yang di-Pertua sebab apabila bertulis dengan berjawab *direct* ini berbeza. Apabila dia tulis dia kata akan ditimbang dan sebagainya kalau dia jawab sini *at least* kita boleh tanya bila, dia boleh jawab terus.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sokong Tuan Yang di-Pertua, sokong.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tolong bagi masa yang panjang sedikit pada Menteri-menteri untuk jawab Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik kita akan ambil perhatian. Seterusnya Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia. *[Ketawa]* Silakan. Masalahnya Yang Berhormat hampir semua kementerian dianggap penting.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Mungkin Tuan Yang di-Pertua, sebelum Menteri menjawab. Mungkin boleh dipertimbang untuk tahun hadapan kita

tambahkan jumlah hari bersidang supaya setiap Menteri boleh diberikan masa yang lebih dan kita bincangkan dengan lebih teliti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin itu lebih...

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Puncak Borneo bagi sokongan penuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. [Ketawa]

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu pun sokong.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Sabah pun sokong penuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**2.48 ptg.**

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun begitu prihatin dan mengambil bahagian dalam memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong masa Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Majlis Parlimen yang ke-14.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 16 orang Ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan perkara-perkara yang bersangkutan paut dan juga terletak di bawah tanggungjawab kementerian saya. Penggulangan jawapan saya Tuan Yang di-Pertua, akan menyentuh kepada secara amnya lima perkara iaitu:

- (i) berkenaan dengan penyalahgunaan media sosial;
- (ii) berkenaan dengan ekonomi digital;
- (iii) berkenaan dengan kandungan penyiaran khususnya RTM;
- (iv) perkhidmatan telekomunikasi; dan
- (v) berkaitan dengan perkhidmatan Internet ataupun jalur lebar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh berkenaan dengan isu yang dibangkitkan berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Igan dan juga Yang Berhormat Tenom. Bagi menyentuh isu berhubung penapisan berita berunsurkan fitnah atau negatif di Internet.

■ **1450**

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Pengerang, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Lembah Pantai, dan juga Yang Berhormat daripada Pontian, Kementerian Komunikasi dan Multimedia komited dalam usaha, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia dan ini berdasarkan kepada apa terkandung di dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan kita.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun baru-baru ini menerima banyak aduan khususnya dan juga pandangan berkenaan dengan penyalahgunaan

media sosial dan juga kita telah pun menerima banyak cadangan-cadangan dalam bagaimana kita boleh mengatasi masalah-masalah penyalahgunaan media sosial ini.

Kementerian berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara ataupun berita-berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu kita hormati. Akan tetapi, dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, ianya harus dibuat dengan cara yang berhemah dan cara yang tidak mencetuskan sebarang masalah sosial ataupun dalam cara yang menjejaskan keselamatan negara.

Usaha ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sama sekali bertujuan untuk menyekat kebebasan bersuara, tetapi Tuan Yang di-Pertua, untuk mengekalkan kesopanan dan mengelakkan pandangan berbau hasutan serta sensitif yang boleh membawa kepada kesan yang negatif terhadap keselamatan negara dan juga perpaduan antara kaum di negara kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan, termasuk pihak media dalam mencari jalan dan membangunkan rangka yang boleh dikatakan sesuai, Tuan Yang di-Pertua, berhubung mekanisme yang terbaik yang kita menangani masalah-masalah penyalahgunaan media sosial yang berbangkit dan juga untuk kita mencorak hala tuju penggunaan media sosial dan berita berunsurkan fitnah atau pun negatif di laman sosial dan Internet.

Berhubung pemberian kuasa kepada pihak SKMM, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyekat atau memadam kandungan serta paparan di media sosial- kerajaan masih lagi mengkaji beberapa cadangan yang telah pun dikemukakan dan perlu mengambil kira *input* serta maklum balas daripada pihak-pihak yang berkepentingan serta pertimbangan dari segi kebolehlaksanaan dan juga kekangan-kekangan teknikal dan juga perundangan yang kita ada.

Jadi, perkara ini masih di dalam pertimbangan, cadangan-cadangan masih diberikan dan kami melihat kepada semua cadangan diberikan kepada kita. Kita mengambil serius perkara ini. Akan tetapi, dalam pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, sebelum apa-apa keputusan dibuat, kita ingin memastikan bahawa semua yang berkaitan diberi peluang untuk didengar supaya kita boleh bersama-sama mencapai satu rangka untuk menyelesaikan masalah ini secara terbaik.

Isu berhubung penghinaan Tuan Yang di-Pertua, ke atas institusi beraja, perkauman dan agama dan manipulasi berita di media massa Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Igan...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Sebelum...

**Tuan Gobind Singh Deo:** Baik terima kasih. Sila, sila Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya terima baik apa yang telah disebut Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan- adakah

apa yang diusahakan ini sama dengan usaha Majlis Media ataupun, dengan izin, *Media Council* yang pernah disebut ataupun pernah dilaporkan dalam berita?

Kedua saya harap, selain daripada isu fitnah yang dibangkitkan, fitnah sama ada fitnah jahat dan sebagainya. Akan tetapi, ada satu elemen juga Yang Berhormat Menteri yang saya ingin tekankan- elemen yang mungkin, isi kandungan dan juga *headline* yang tidak serasi. Saya harap elemen-elemen termasuklah *gender sensitivity*- saya bagi contoh sewaktu perbahasan.

Saya nyatakan ada *headline* tajuk berita yang telah dipaparkan yang konon-kononya- ia agak *sexist* tentang tubuh badan wanita. Walhal isi kandungannya langsung tidak ada kaitan dengan apa yang menjadi tajuknya. Saya tidak mahu ulang di sini, tetapi itu satu perkara.

Kedua, adakah kami Ahli-ahli Parlimen boleh dijadikan salah satu daripada *stakeholder*, diadakan satu perbincangan di Parlimen agar kami juga dapat berikan maklum balas dalam usaha ini. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, saya terima cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat dengan baik dan saya memang akan juga mendapat pandangan dan pendapat daripada Ahli-ahli Parlimen yang ingin memberikan pandangan-pandangan mereka, sebelum apa-apa keputusan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan *Media Council*- memang ianya dalam proses ditubuhkan dan ianya dilakukan oleh pengamal-pengamal daripada media sendiri. So, jadi apa yang berlaku adalah mereka ada kumpulan sedang dalam perbincangan dan saya difahamkan telah pun sedia untuk jumpa saya untuk memberikan kepada saya pandangan dan juga cadangan rangka *Media Council* ini. Saya harap bahawa ia dapat ditubuhkan dalam bulan depan. Sekiranya ianya ditubuhkan memang sudah semestinya saya juga akan mendapat pendapat dan pandangan daripada mereka sebelum kita membuat apa-apa cadangan berkaitan dengan apa perlu dilakukan supaya kita boleh menangani masalah penyalahgunaan media sosial ini.

Justeru itu, Yang Berhormat Lembah Pantai, saya sebut tadi, buat masa sekarang memang kita akan berbincang dengan semua pihak yang berkepentingan termasuk juga pihak media. So, ianya telah pun dirangkumi *and of course if the Media Council is set up*, dengan izin, *their views should be more welcome as well*.

Yang Berhormat daripada Lembah Pantai juga bangkitkan isu berkenaan dengan *title*, tajuk. Kerap kali kita lihat tajuk sebuah rencana itu jauh berbeza daripada isi kandungannya. Juga kita dapat lihat bagaimana dia ada *slant* yang mungkin tidak tepat ataupun tidak berpatutan dan sebagainya. Itu adalah isu-isu yang memang kita akan lihat juga. Banyak aduan diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Yang Berhormat Menteri, kita terima aduan daripada pelbagai pihak. Jadi ada orang-orang yang terkilan dengan apa yang mereka baca. Mereka mempunyai isu dengan tajuk, mereka mempunyai isu dengan komen-komen dalam rencana dan sebagainya. Jadi, sebagai Yang Berhormat Menteri, saya mendengar semua aduan yang dibuat. Akan tetapi, sebelum kita ingin mencadangkan apa-apa rangka untuk kita selesaikan masalah ini, kita akan mendengar dan memberi peluang kepada semua supaya kita dapat pastikan

bahawa apa yang kita lakukan, apa yang kita rangkakkan ada satu cara dalam mana kita semua boleh bekerjasama untuk kita mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham, media sosial ini semakin lebar dan semakin meluas. Dalam kementerian saya satu daripada perkara yang kita lakukan adalah kita hendak memanjangkan, kita hendak kembangkan infrastruktur di negara ini supaya kita boleh perembangkan sistem jalur lebar. Itu bermaksud bahawa dalam tahun-tahun yang akan datang, kita lihat lebih banyak daripada masyarakat kita yang menggunakan media sosial. Jadi, media sosial ini adalah satu perkara yang kita kena lihat dengan baik. Kita kena pastikan bahawa walaupun kita setuju bahawa Perlembagaan Persekutuan ini menjamin hak kebebasan bersuara dan sebagainya, tetapi kita juga perlu pastikan bahawa tidak adalah penyalahgunaan media sosial sehingga boleh membawa kepada padah yang berat seperti mana yang kita lihat baru-baru ini.

Ini adalah satu perkara yang saya rasa kita semua sebagai rakyat Malaysia, kita ada tanggungjawab masing-masing. Kita perlu pastikan bahawa negara ini- kita boleh pastikan bahawa ianya aman dan damai dan juga pada masa yang sama kita hendak wujudkan satu sistem di mana bila ada diskusi ataupun perbincangan, maka perbincangan itu adalah perbincangan yang baik. Ianya akan meningkatkan pengetahuan, pembaca artikel itu berkenaan dengan apa yang seharusnya disampaikan melalui rencana itu, itu yang penting. Kita tidak mahu satu keadaan di mana ada rencana Yang Berhormat daripada Lembah Pantai, di mana rencana itu bertajuk- mempunyai tajuk seperti tajuk yang berbeza daripada rencana. Kemudian kita lihat bahagian komen-komen dan sebagainya itu, ia komen itu berkenaan dengan topik yang berlainan pula.

So, ini satu fenomena baharu, ini adalah perkara yang kita lihat dalam sosial media hari ini. Akan tetapi, dalam masa sama kita juga faham bahawa *discussion is very important*, Tuan Yang di-Pertua. Kita harus menggalakkan sejauh mana yang boleh. Kepada saya ini boleh ataupun ini menjadi satu cabaran yang besar kepada kita. Akan tetapi, kementerian memang sedar berkenaan dengan masalah ini dan kita dalam proses mengambil langkah-langkah supaya kita boleh pastikan supaya kita boleh wujudkan satu sistem, di mana kita boleh mengimbangkan kedua-dua cabaran ini dan kita mencapai satu solusi yang terbaik. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Satu minit. Yang Berhormat Menteri saya ingin menyentuh perkara yang Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi berkenaan dengan isi kandungan media sosial yang mana mungkin saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan beberapa, dengan izin, *tweet*. Ciapan, ada disebut ciapan- *tweet* oleh beberapa individu yang berkait dengan parti politik yang mengatakan sebagai contoh tembak ahli politik, tembak- dan juga menggunakan perkataan-perkataan yang saya rasa menimbulkan satu keadaan yang tidak begitu selesa.

**■1500**

Adakah Yang Berhormat Menteri mengetahui tentang isu seperti ini? Apakah langkah-langkah yang boleh digunakan? Oleh kerana saya melihat individu-individu yang mempunyai kedudukan ataupun mereka merupakan *public figure*, dengan izin, sekiranya mereka menggunakan perkataan-perkataan seperti ini, ia seperti membenarkan, mengiyakan keganasan terhadap orang awam ataupun individu-individu tertentu. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih, Yang Berhormat daripada Lembah Pantai. Ini adalah satu juga perkara yang kita lihat. *It is a good observation*. Di situ kita boleh lihat bagaimana kita menggunakan media sosial hari ini secara meluas. Kita ada *Twitter*, kita ada *Facebook*, kita ada *Instagram*, *Telegram*, *WhatsApp* dan sebagainya, di mana kita kena pastikan bahawa apabila kita sampaikan sesuatu mesej itu, kita tidak menyampaikan satu mesej yang boleh mencetuskan huru-hara ataupun mencetuskan satu keadaan di mana sesiapa di dalam keadaan terancam, terugut dan juga kita tidak ada di mana satu perpaduan negara ini terancam ataupun keselamatan negara ini terancam. Ini adalah perkara-perkara yang kita lihat sering kali berlaku.

Kita ada, Yang Berhormat Lembah Pantai, undang-undang yang mencukupi sebenarnya. Kalau kita lihat, kita ada peruntukan dalam Kanun Keseksaan. Kita ada peruntukan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia, kita ada peruntukan di dalam akta-akta yang lain, Akta Fitnah, *Computer Crimes Act* dan sebagainya yang sudah mencukupi dan memang ada peruntukan untuk kita ini mengambil tindakan.

Jadi, dalam keadaan-keadaan tersebut, kalau laporan dibuat, laporan polis, polis ada kuasa untuk mereka siasat, ambil tindakan dalam keadaan ini. Akan tetapi kalau kita lihat kepada jumlah, dengan izin, *if you look at the extent of use*, Tuan Yang di-Pertua, *of media social*, kita juga kena faham bahawa kita sebagai satu negara, kita kena pastikan bahawa masyarakat faham dan sedar berkenaan dengan akibat sekiranya ada usaha-usaha untuk menggunakan media sosial untuk mencetuskan huru-hara ini. Ianya bergerak dengan sangat pantas, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat pelbagai jumlah mesej-mesej yang boleh disampaikan dalam satu saat. Ianya boleh menjadi satu perkara yang sangat besar dalam masa yang sangat pendek. *This is the reason why* kita kena lihat kepada satu keadaan di mana kemungkinan kita ada *self-regulation* ataupun kita ini ada usaha-usaha supaya kita boleh mendidik dan kita juga boleh menunjukkan kepada masyarakat ramai, apakah sebenarnya kesan kalau kita menyalahgunakan media sosial ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo:** Saya harap bahawa kita boleh dalam perbincangan yang saya adakan ataupun yang saya akan adakan ini kita akan adakan semua perkara ini. *To what extent we can self-regulate, to what extent we can educate, to what extent we as society can make sure*, dengan izin, *there is no such abuse*. Kalau ada, memang dalam keadaan seperti yang saya sebut tadi, undang-undang yang sedia ada diambil ataupun diguna pakai ataupun

dikuatkuasakan untuk kita pastikan bahawa ianya tidak berulang lagi. Terima kasih Yang Berhormat daripada Lembah Pantai. Seterusnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar minta penjelasan. Silakan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Sila. *Sorry, I didn't see you.* Minta maaf.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sudah tukar dekat sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pencerahan atau pandangan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan keadaan sekarang ini ada keadaan trend pemimpin-pemimpin parti politik membuat kenyataan. Bila dilaporkan oleh media, media pula disalahkan kerana salah *quote* atau tidak. Walhal pemimpin parti politik itu sendiri yang menyebut perkara-perkara sedemikian. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Paya Besar. Minta maaf, tadi tidak ternampak. Yang Berhormat, satu ciapan ataupun satu-satu paparan di atas media sosial itu dilihat dari segi fakta. Undang-undang merangkumi semua keadaan, ianya tidak melihat kepada individu-individu tertentu. Jadi, kalau fakta-fakta dalam ciapan ataupun paparan satu artikel tersebut itu berjumlah kepada satu kesalahan, maka tindakan perlu diambil. Itu adalah haluan ataupun itu adalah *approach* yang diambil. Saya rasa itu adalah apa yang perlu dilakukan.

Kita ada undang-undang, ianya dikuatkuasakan sama ada terhadap semua. Itu adalah jawapan saya. Kerap kali kita juga lihat dan saya setuju ada kes-kes di mana ia melibatkan tokoh politik. Ada keadaan-keadaan di mana ia melibatkan NGO dan orang daripada pelbagai latar belakang. Akan tetapi kita tidak melihat kepada siapa yang menyatakan apa, kita melihat kepada kandungannya sama ada kandungan itu boleh berjumlah kepada satu kesalahan dalam takrifan undang-undang yang sedia ada. Sekiranya adalah laporan, memang saya rasa pihak polis perlu mengambil tindakan sewajarnya. So, itu adalah jawapan saya. *Can I?* Mungkin Yang Berhormat Paya Besar dahulu, kemudian saya akan ambil soalan daripada Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Oleh sebab saya setuju Yang Berhormat Menteri. Di awal pentadbiran Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri ingin kita lihat kebebasan media. Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri wujudkan *media council*. Cumanya kalau kita asyik salahkan media, *misquote*, media salah anggap kenyataan Menteri, kenyataan pemimpin kerajaan, kenyataan ahli-ahli pemimpin parti pembangkang, siapa pula yang hendak mempertahankan media? Walhal kenyataan dibuat secara terang-terang telah dibuat kenyataan sedemikian. Akan tetapi akhirnya, media juga disalahkan. Macam mana? Siapa yang hendak mempertahankan media? Walhal kita asyik hendak salahkan media sahaja.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih, itu sebab atas mana Yang Berhormat, saya sebut tadi kita lihat kepada fakta. Kita tidak salahkan media, kita tidak salahkan sesiapa. Akan tetapi apabila berlaku satu masalah, kita lihat kepada fakta. Semua kes-kes itu ada fakta-fakta yang berbeza. Jadi, *we cannot generalize*. Akan tetapi memang dalam keadaan di mana satu laporan itu dibuat atau satu aduan dibawa, memang kita akan melaksanakan ataupun polis ada yang menerima laporan polis itu, mereka akan laksanakan siasatan. Siasatan akan menunjukkan apa yang sebenarnya berlaku dan sebagainya.

Itu sebab atas mana saya kata, pendekatan yang diambil itu seharusnya pendekatan yang adil. Kita lihat kepada undang-undang yang sedia ada. Kalau ada laporan polis dibuat, maka siasatan akan diambil, siasatan akan dilakukan dan *statement* akan diambil daripada semua pihak. Pihak-pihak itu ada ruang untuk membawa apa-apa pembelaan yang mereka hendak bawa. Itu terpulang kepada mereka. Kita tidak menyalahkan sesiapa, kita tidak menyalahkan media, kita tidak salahkan mana-mana pihak atau individu tertentu. Ianya bergantung kepada apa yang ditunjukkan melalui hasil siasatan selepas satu laporan itu dibuat. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat daripada Pontian, sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini mengenai media sosial juga, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya mengenai akaun media sosial palsu. Saya kira sudah begitu banyak, saya tidak tahulah berapa puluhan ribu agaknya. Kadang-kadang mereka ini yang membuat segala perkara yang tidak betul dan apabila hendak dicari, mereka itu tidak ada. Apakah tindakan kementerian tentang perkara ini? Kedua ialah berapa banyak kes-kes yang telah dihukum? Kita tidak mahu jumlah kes yang dilapor tetapi yang telah dihukum. Kita hendak tahu angka-angka itu, terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Pontian. Dua perkara dibangkitkan. Satu berkenaan dengan akaun media sosial palsu. Ini perkara yang benar, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Pontian, ini masalah yang besar. Satu perkara yang saya dimaklumkan oleh khususnya SKMM adalah kita ada beberapa laporan, kalau kita lihat kepada siasatan-siasatan menunjukkan bahawa akaun itu adalah bukan sahaja akaun palsu, itu ada, memang banyak.

Akan tetapi juga ada keadaan-keadaan di mana akaun itu digunakan atas nama samaran. Itu juga menjadi masalah. Di situ kita lihat ianya akan mempunyai kesan di mana siasatan akan tergendala, di mana kita perlu mengambil langkah-langkah yang lebih untuk kita siasat dan ianya mengambil masa yang lebih panjang. Jadi, kalau kita lihat ada satu siaran atau paparan yang sensitif dan sebagainya, masa ini adalah penting. So, saya setuju ini adalah satu perkara yang kita lihat dan ini adalah satu perkara yang akan dibangkitkan dalam perbincangan yang saya akan adakan. Itu adalah satu perkara yang dirangkumi di dalam kita ini berbincang bagaimana kita boleh selesaikan masalah ini.

So, itu satu perkara yang saya setuju dan saya terima. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian, saya lihat kepada perbincangan Yang Berhormat Pontian, isu berkenaan dengan beberapa kes yang sebenarnya itu tidak dibawa secara spesifik. Akan tetapi saya ada angkanya, boleh saya minta mungkin saya berikan secara bertulis? *I have the figures, but* saya tidak ada bersama dengan saya hari ini. Saya akan kemukakan Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dibenarkan secara bertulis. Minta maaf, Yang Berhormat Pontian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu yang berhubung penghinaan ke atas institusi diraja, perkauman dan agama dan juga perkara yang berkaitan dengan manipulasi berita di media massa.



**■1510**

Untuk maklumat Yang Berhormat Igan dan Yang Berhormat Parit, keharmonian kita semua tahu Ahli-ahli Yang Berhormat adalah kunci kemajuan dan kestabilan negara kita, terutama sekali bagi negara Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Kementerian saya melalui SKMM dengan kerjasama pihak polis, PDRM sentiasa komited Tuan Yang di-Pertua dan tidak akan berkompromi sama sekali dalam mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang mengugut keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara, khususnya pihak yang menghina institusi-institusi diraja, perkauman dan agama.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Jenayah Siber ataupun Jenayah Siber PDRM, MCMC telah ditubuhkan bagi kita menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan juga tersusun termasuklah bagi perkara melibatkan penghinaan terhadap institusi-institusi diraja, perkauman, agama dan penyalahgunaan media sosial berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Kerjasama Tuan Yang di-Pertua dan kolaborasi di antara semua pihak khususnya dalam perkongsian maklumat dan kepakaran adalah bertepatan bagi melancarkan gerak kerja dan penguatkuasaan untuk kita semua menangani isu penyalahgunaan media sosial...

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Jerai.

**Tuan Gobind Singh Deo:** ...Dengan lebih efektif.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jerai.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Sila sahabat saya daripada Jerai. Terima kasih.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah langkah-langkah drastik pihak Yang Berhormat Menteri untuk mengharmonikan suasana agar sebarang bentuk penghinaan agama, raja dan hak-hak orang Melayu, adakah tidak ada kerjasama dengan mana-mana pihak untuk menerbitkan rencana ataupun dokumentari yang berkaitan bagi menyedarkan masyarakat. Sekian.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Memang itu satu perkara yang juga terlibat. Saya akan sebutkan perkara-perkara itu dalam jawapan saya seterusnya. So, saya akan balik kepada perkara ini kemudian. Terima kasih Yang Berhormat Jerai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu manipulasi berita di media massa. Untuk maklumat Yang Berhormat daripada Ledang yang ada. Prinsip asas dalam kewartawanan adalah melaporkan berita secara benar, adil dan juga saksama. Wartawan dipandu Tuan Yang di-Pertua oleh etika kewartawanan dalam urusan tugas mereka. Etika kewartawanan walaupun bukan undang-undang yang wajib dipatuhi Tuan Yang di-Pertua, namun secara umumnya wartawan sentiasa menghormati etika ini dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Secara umum Tuan Yang di-Pertua, majoriti pengamal media arus perdana negara ini mematuhi dan menjunjung kepada etika kewartawanan dalam menyampaikan berita dan maklumat. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya satu laporan itu adalah tidak

benar, di manipulasi atau mempunyai kesan yang memfitnahkan sesiapa, terdapat peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang sedia ada seperti mana saya sebut tadi melalui Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia dan sebagainya yang terpakai. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita semua tahu, pihak-pihak juga boleh mengambil tindakan sivil untuk menangani masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada soalan yang dibangkitkan berkenaan dengan ekonomi digital dan ia khususnya dibawa oleh Yang Berhormat Port Dickson. Untuk makluman Yang Berhormat...

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, maaf Yang Berhormat Menteri. *Can I just- before you leave the area...?*

**Tuan Gobind Singh Deo:** *Thank you.*

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya mohon Yang Berhormat Menteri, ketika sesuatu perkara disebut dan penghinaan berlaku, *the damage is done*. Macam manakah Yang Berhormat Menteri, untuk *as stop* supaya *damage* itu ataupun kerosakan itu tidak *over flow* ataupun menjadi lain daripada seperti ia dimulakan. Jadi *there must be mechanism* di pihak kementerian untuk *as stop* perkara ini serta-merta. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Seperti mana saya sebut dalam jawapan saya yang lebih awal, perbincangan juga berkisar kepada soal pemberian kuasa kepada SKMM untuk menyekat atau memadam kandungan-kandungan serta paparan media sosial seperti itu. Ini adalah satu perkara yang saya rasa kita semua faham, dengan izin, *the manner in which things develop very quickly today*. Kita perlu fikir bagaimana kita boleh mewujudkan satu sistem di mana kita boleh menyekat perkara itu daripada berkembang terlalu luas. Saya rasa ini adalah satu cabaran dan kita lihat kepada perkara ini. Jadi memang dalam pertimbangan kita, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, Jelutong.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat Jelutong. Sila Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hadir tepat pada waktunya untuk mendengar penggulungan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang menyentuh perkara-perkara yang melibatkan masyarakat dan isu-isu semasa.

Berkenaan dengan berita dan wartawan, kita lihat baru-baru ini berlaku satu kejadian di mana wartawan yang membuat liputan di Universiti Malaya berkenaan dengan satu demonstrasi aman telah pun diserang dan dipukul, terutamanya oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang merupakan penyokong-penyokong kepada Yang Berhormat Pekan.

Dalam konteks ini, saya ingin tanya, adakah kementerian Yang Berhormat Menteri berhasrat untuk membuat apa-apa cadangan untuk menentukan bahawa terdapat undang-undang khusus yang memberi kawalan ataupun, dengan izin, *protection* kepada wartawan-

wartawan yang membuat liputan tentang isu-isu semasa dan sebagainya. Ini kerana kita lihat wartawan menjadi sasaran dan ini bukan kali pertama ia berlaku.

Serangan terhadap wartawan setiap kali berlaku dan kita lihat bahawa tidak ada apa-apa undang-undang khusus yang boleh membenarkan pihak Jabatan Peguam Negara untuk membawa pertuduhan-pertuduhan jenayah terhadap pihak-pihak yang terlibat. Apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memberi perhatian kepada perkara ini dan membuat apa-apa cadangan kerana perkara ini telah berleluasa dan kita lihat ia harus dihentikan, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kes ini masih dalam siasatan dan kini saya difahamkan melalui petikan surat khabar ia di peringkat Jabatan Peguam Negara, saya tidak ingin komen atau mengulas dengan lebih mendalam apakah pendapat saya sendiri berkenaan dengan kes itu. Biar Peguam Negara yang membuat keputusan berkenaan dengan isu itu.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi, jangan kita menyerang ataupun mengugut wartawan-wartawan yang menjalankan tugas mereka. Tugas mereka Tuan Yang di-Pertua adalah untuk melaporkan fakta. Mereka melakukan kerja mereka. Apabila berlaku sesuatu perkara, mereka itu diminta untuk hadir ke tempat itu supaya boleh sampaikan kepada masyarakat apa sebenarnya apa yang berlaku. Jadi kalau kita tidak setuju dengan fakta yang dilaporkan dan sebagainya, kita ada ruang untuk kita perbetulkan. Kita boleh hubungi mereka dan beritahu apakah penjelasan kita. Itu adalah satu perkara yang kita boleh lakukan ataupun sekiranya perlu, ambil tindakan di mahkamah ataupun membuat laporan polis dan sebagainya.

Akan tetapi kalau kita ini akan *resort*, dengan izin, kepada *violence and threats*, saya rasa ini adalah satu perkara yang memang tidak seharusnya digalakkan dan dalam keadaan itu, sekiranya perlu untuk kita lihat kepada undang-undang, pada saya kalau ditanya Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa undang-undang yang kita ada sekarang memang boleh ataupun mempunyai kesan untuk melindungi mereka, wartawan yang melaksanakan tugas mereka. Akan tetapi kita akan membincangkan dalam perbincangan yang saya adakan dengan pengamal-pengamal media sama ada ataupun tidak, kita perlu memudahkan ataupun mengadakan satu peruntukan khusus untuk kita memastikan bahawa keadaan-keadaan ini tidak berulang pada masa hadapan.

Saya sekali lagi menyatakan, wartawan ini menjalankan tugas, jangan kita mengugut atau pukul mereka. Kita tidak harus melakukannya dan sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia, saya ingin menegaskan di Dewan ini bahawa saya memang tidak setuju kepada tindakan-tindakan sedemikian. Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih. Ya, mungkin kita gelakkan di Dewan ini tetapi kalau kamu di situ hari itu sebagai wartawan yang kena serang itu, saya rasa perasaan Yang Berhormat mungkin berbeza. Jadi jangan kita ketawakan perkara-perkara itu, seolah-olah ianya

perkara-perkara yang remeh di mana perkara itu seharusnya kita ambil serius Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Port Dickson membangkitkan isu-isu berkenaan dengan ekonomi digital.

■1520

Untuk makluman Yang Berhormat Port Dickson, di bawah kerangka strategi dan dasar Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), penerapan teknologi digital ataupun apa yang disebutkan sebagai *widespread digital adoption* dan pemacuan pembangunan teknologi digital daripada *acceleration growth of digital tech entrepreneurship* adalah merupakan dua perkara atau agenda dan *outcome* utama yang ditumpukan oleh KKMM dalam menambahbaikkan ekosistem dan memacu ekonomi digital negara.

Tuan Yang di-Pertua, KKMM melalui agensi-agensinya seperti MDEC dan juga SKMM telah melaksanakan beberapa program dan inisiatif bagi memastikan rakyat, industri, institusi kerajaan dan seterusnya negara mendapat manfaat dan faedah daripada kemajuan era ekonomi digital ini. Berikut adalah antara usaha-usaha yang telah pun dilaksanakan:

- (i) KKMM melalui SKMM telah menyediakan akses dan juga infrastruktur internet termasuk juga kemudahan pusat internet di seluruh negara untuk menyediakan peluang dan memberikan akses yang luas kepada golongan B40 termasuk miskin bandar dan penduduk desa;
- (ii) bagi memanfaatkan infrastruktur-infrastruktur yang sedia ada, MDEC turut telah melaksanakan inisiatif merakyatkan *digital economy* melalui program-program eRezeki dan eUsahawan yang bertujuan untuk memberi peluang dan kemahiran kepada golongan sasaran ini untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui penggunaan teknologi internet;
- (iii) sehingga akhir tahun 2018, seramai 220,832 peserta telah dilatih dan seramai 123,536 pekerja digital dari golongan B40 telah berjaya meraih pendapatan tambahan dan pendapatan tambahan ini bukan kecil sebanyak RM233 juta apabila mereka ini— selepas mereka ini menggunakan infra-infra ataupun kita sebut sebagai usaha-usaha yang telah pun dilaksanakan; dan
- (iv) manakala untuk program eUsahawan, seramai 270,168 usahawan telah dilatih dan seramai 92,069 telah pun berjaya melaporkan jualan tambahan dan jualan tambahan sebanyak RM421 juta.

Jadi ini menunjukkan betapa besarnya dan berkesannya usaha-usaha yang diambil untuk kita pastikan bahawa kita boleh perkasakan rakyat kita dan masyarakat kita dengan menggunakan teknologi yang sedia ada dan infrastruktur yang sedia ada mereka ini boleh menambah baik taraf kehidupan mereka dan juga perniagaan-perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi aspek pembangunan modal insan, untuk memenuhi keperluan industri masa hadapan terutamanya apabila kita melangkah menuju apa yang disebut sebagai era IR 4.0, strategi dan program yang dilaksanakan adalah bermula dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat profesional. Antara program-program yang telah dilaksanakan termasuk yang pertama Tuan Yang di-Pertua, melalui *MYdigitalmaker*. MDEC telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menerapkan kemahiran pemikiran *computational* dan sains komputer dalam kokurikulum sekolah kebangsaan bermula pada tahun 2017. Di bawah gerakan program ini, seramai lebih kurang 500,000 murid sekolah telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti pembuatan digital seperti *coding*, *content creation* dan juga sistem terbenam ataupun *embedded system* dan juga *robotics*.

Dalam usaha untuk melahirkan graduan yang berkualiti tinggi yang menepati kehendak industri, MDEC juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan di bawah Jabatan Pengajian Tinggi dalam melaksanakan apa yang disebut program *premier digital tech universities* dan *preferred digital tech polytechnics* yang memberi penarafan kepada institusi pengajian tinggi yang terpilih yang memenuhi kriteria tertentu. Program ini Tuan Yang di-Pertua, bermatlamat untuk meningkatkan kualiti institusi pengajian tinggi dalam menyediakan kokurikulum yang terbaik berdasarkan permintaan industri digital teknologi. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua melalui kerjasama dengan pihak universiti dan rakan industri juga, agensi-agensi di bawah KKMM seperti MDEC, SKMM dan CyberSecurity Malaysia telah melaksanakan program latihan untuk bidang-bidang teknologi terkini seperti *big data analysis*, *cyber security* dan juga e-dagang.

Di dalam menggalakkan penerapan teknologi digital oleh syarikat-syarikat tempatan, MDEC dengan kerjasama MIDA telah melaksanakan program *Digital Transformation Acceleration Program* yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing syarikat tempatan di dalam era *global digital disruption*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bachok tidak ada dalam Dewan jadi saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada beliau kerana Ahli Yang Berhormat lain ada membangkitkan isu berkenaan dengan perkhidmatan telekomunikasi. Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Hulu Rajang dan saya dimaklumkan tadi juga Yang Berhormat Julau telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kementerian mengambil berat berkenaan dengan keperluan rakyat untuk sentiasa terhubung tidak kira di mana sahaja mereka berada melalui perkhidmatan telekomunikasi yang baik dan stabil. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Samarahan, pihak kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan keluasan rangkaian jalur lebar di seluruh negara juga termasuk di Parlimen Kota Samarahan. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tiga menara komunikasi yang sedang dalam peringkat pelaksanaan di Parlimen Kota Samarahan yang akan turut meliputi kawasan pesisir Asajaya apabila siap kelak nanti.

Menara telekomunikasi yang sedang dalam peringkat pelaksanaan tersebut terletak di Kampung Asajaya Laut, *that's the first one*. Kampung Beliung dan juga Kampung Boyan Laut. Ia dijangka akan siap dibina dan beroperasi pada suku ketiga tahun ini. So, dalam beberapa bulan lagi. Ini merupakan tambahan kepada lima menara komunikasi yang telah beroperasi di Parlimen Kota Samarahan. Di samping itu Yang Berhormat, sebanyak 83 menara telah pun dibangunkan secara komersial. Ini komersial inisiatif oleh syarikat pemberi perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar mudah alih di Parlimen Kota Samarahan. So, ini adalah apa yang kita ada sekarang. *Please come forward and talk to me* kalau saya boleh bantu untuk apa-apa perkara yang berkaitan dengannya. *Please*.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan tadi apa yang saya ingin utarakan di sini bukan berkaitan dengan menara ataupun pencawang tetapi pencawang memang ada di kawasan dan tiga tadi memang dalam pelaksanaan. Apa yang saya ingin mohon pencerahan adalah *service provider*. Maksudnya agensi-agensi contoh Celcom dan Maxis yang belum mahu beroperasi di kawasan berkenaan. Alasan dia dari sudut operasi ataupun kos operasi yang besar dan tidak menguntungkan. Sebab itu saya mohon Kerajaan Persekutuan agar membantu jugalah *private sector* ini *in terms of* subsidi *costing*-nya dan untuk memastikan perkhidmatan yang sama dapat diberikan di kawasan luar bandar ini. Apa yang saya maksudkan ini *service provider* maksudnya Telekom (TM), Celcom, Maxis, Digi dan sebagainya. Kalau operator dapat beroperasi berdasarkan pencawang-pencawang ini, saya rasa isu ini dapat kita selesaikan dengan mudah. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Saya akan lihat kepada pertanyaan itu dari sudut apa yang kita ada dan siapa sebenarnya menjadi *service provider* dan sebagainya dan apa masalah yang berlaku, *I will come back to you on that*. Saya akan beri jawapan bertulis ataupun saya akan jumpa dan kita akan bincang perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, ada pertanyaan daripada Yang Berhormat Libaran. Untuk makluman Yang Berhormat Libaran, pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk melaksanakan inisiatif bagi memperluaskan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di Sabah dan Sarawak. Antaranya adalah penyediaan kemudahan jalur lebar yang berkelajuan tinggi di ibu negeri dan bandar-bandar utama di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi ataupun HSBB. Sehingga kini sebanyak 260,000 sambungan telah disediakan. Ini menyebabkan penaiktarafan 23 ibu sawat di Sabah dan Sarawak.

#### ■1530

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek jalur lebar luar bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan-kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Lebih daripada 61,000 sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan sebanyak 124 ibu sawat di Sabah dan Sarawak. Manakala sebanyak

22,000 sambungan masih di dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun ini di bawah Projek SUBB dan RBB.

Pihak kerajaan juga, Tuan Yang di-Pertua, turut melaksanakan inisiatif perluasan liputan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi yang sedia ada di seluruh negara yang juga termasuk Sabah dan Sarawak.

Sehingga kini, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 767 menara komunikasi baharu telah pun siap dibina, manakala 16 menara masih di dalam peringkat pelaksanaan di Sabah dan Sarawak. Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 2,253 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G, manakala 129 menara komunikasi sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di seluruh Sabah dan Sarawak.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri, sikit. Dari Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kanowit.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat Kanowit, sila.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu pembahagian tugas di antara pelbagai agensi dan kementerian. Sebab, di Sarawak kita ada *Sarawak Multimedia Authority* (SMA) yang sekarang ini memang ditugaskan untuk membangunkan menara *communications tower* di Sarawak.

Bagaimana kementerian Yang Berhormat Menteri menjalankan tugas untuk mempercepatkan pembinaan menara-menara ini di Sarawak? Kita ada kementerian, kita ada SMA, kita ada di Sarawak apa nama itu yang dulu, pelbagai agensilah. Okey, terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan sebut berkenaan dengan *Sarawak Multimedia Authority* (SMA) dalam jawapan saya kemudian. *So, I will explain that.* Memang ada kerjasama dan kita juga faham bahawa di Sarawak memang diselenggarakan oleh SMA. *I will come to that in a moment.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puncak Borneo...

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Puncak Borneo minta laluan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Sila.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Menteri, di negara Malaysia ini, kita mempunyai pelbagai jenis *bandwidth* iaitu kita mempunyai analog, 2G, 3G dan juga 4G. Adakah kerajaan melalui pihak kementerian untuk menyelaraskan kepada satu *bandwidth* ataupun satu rangkaian sahaja?

Sebab, seperti di negara-negara lain seperti di Vietnam dan negara-negara lain yang telah mempunyai penyelarasan, adalah lebih mudah untuk kita menyelaraskan dan menyelenggarakan satu jenis generasi telekomunikasi ini sahaja. Ini kerana kalau kita mempunyai banyak jenis generasi, kita akan mempunyai perbelanjaan yang cukup besar untuk negara. Jadi, apakah pandangan pihak kementerian mengenai perkara ini?

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Itu satu soalan yang baik. Ini berkaitan dengan sebenarnya kalau kita lihat, ia berkaitan dengan spektrum dan bagaimana kita akan gunakan spektrum dan sekiranya kita boleh *optimize* dengan spektrum

yang ada. Ini adalah satu perkara yang kita sedang lihat. SKMM sekarang kita sedang *refarming*, bagaimana kita boleh pastikan bahawa walaupun kita telah membenarkan pihak-pihak tertentu menggunakan spektrum dan sebagainya tetapi kita tidak mahu keadaan di mana spektrum itu tidak digunakan *and of course, then there is lack of use*.

Kedua, berkenaan dengan frekuensi. Kita lihat ada 2G, 3G, 4G dan kita juga sekarang memulakan satu *test biding*, Tuan Yang di-Pertua, di Putrajaya dan di Cyberjaya dalam bulan depan yang berkaitan dengan 5G. Apa yang kita kena faham, Yang Berhormat, adalah bahawa kegunaannya berbeza di tempat-tempat yang berbeza. So, dalam keadaan itu, memang saya setuju ada kemungkinan kita hendak lihat kepada perkara itu. Dalam masa yang sama, kita kena faham bahawa di mana kita ada keadaan-keadaan geografi yang berlainan dan sebagainya di kawasan bandar, kawasan terpencil dan sebagainya, penggunaannya berbeza. Jadi, itu semua kita kena lihat.

Saya setuju apa yang kita perlu pastikan bahawa mereka tidak ada *wastage* dan sebagainya. Kalau boleh kita berjimat sebanyak mana yang kita boleh. Penjimatan itu boleh digunakan untuk perkara lain seperti infra dan sebagainya. Itu satu perkara yang memang dalam perhatian saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Sikit, boleh? Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Menggulang...

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, sikit.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Ada soalan. Ya, sila.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya harap pegawai-pegawai kementerian dapat bagi taklimat kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan *migration of technology* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo tadi. Spektrum itu berbeza, Yang Berhormat Menteri, dengan *migration of technology*. Sebab, 2G, 3G, 4G dan yang disebutkan 5G ini, itulah *migration of technology*, bukan spektrum.

Cuma, persoalan saya, kenapa Telekom tidak diberikan hak seperti mana TIME dotCom (TIME) untuk pakej 1 Gigabit *per second* dengan harga RM199?

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Ya, saya setuju. Saya tahu perkara itu berbeza. Akan tetapi, apa yang dibangkitkan ialah kita tidak mahu *wastage*. Dalam keadaan itu, dari sudut itu, saya sebut bahawa memang kementerian kita lihat bukan sahaja kepada isu berkenaan dengan 2G, 3G, 4G atau 5G tetapi juga kepada perkara itu yang juga menjadi satu perbincangan di kalangan industri pada masa ini. So, ini adalah satu perkara yang kita lihat.

Saya setuju bahawa apabila kita lihat kepada perkara itu, ia berbeza tetapi ia juga berbalik kepada bagaimana kita boleh mewujudkan satu sistem yang *efficient* yang tidak ada



*wastage*. Kita mahu pastikan bahawa apa yang kita ada, *whatever it is that we have, we use it and we optimize* dan itu adalah perkara yang saya jawab tadi dalam jawapan saya.

Berkenaan dengan apa pakej yang digunakan, saya— perkara berkenaan dengan apa pakej yang ditawarkan oleh TM dan sebagainya, itu adalah perkara yang akan dibincangkan. Ia boleh dibincangkan dengan pihak TM. Kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, *first time* kita ada TIME, kalau saya tidak silap, yang menawarkan pakej-pakej di mana kita ada 1 *gigabits* dan sebagainya. *This is something* baharu di dalam negara ini. Ia baru dilancarkan saya rasa dalam bulan Ogos atau September tahun yang lalu.

Akan tetapi, pada saya, ia adalah berbalik kepada apa yang boleh di dalam keupayaan sesuatu *telco* tersebut. Memang ada banyak pakej-pakej yang telah pun dicadangkan. Pada saya, apa yang saya telah maklumkan kepada mereka, mereka perlu pastikan bahawa kos pakej itu penting, kelajuan itu juga kena berada di dalam tahap yang kita boleh katakan kelajuan yang setaraf dengan kelajuan munasabah dalam dunia ini.

*At the end of the day*, apa yang penting sekali adalah kualiti. Kualiti *and of course, infrastructure*. *We have to make sure that there is what we called, we are in the position to provide infrastructure to all Malaysians as soon as possible. That is the real challenge that we are having at this point of time.*

Yang Berhormat, sila.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, sikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju kalau kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Atau Yang Berhormat Paya Besar? Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun tadi. Yang Berhormat Kuala Kangsar, silakan. *[Disampuk]* Yang Berhormat Paya Besar dulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya setuju, Yang Berhormat Menteri, untuk mengelakkan pembaziran. Apa yang berlaku di lapangan, saya ingat Yang Berhormat Menteri pun dapat taklimat daripada pegawai-pegawai, apabila kita ada 4G terpapar di telefon bimbit masing-masing, tetapi kualiti untuk capaian 4G itu tidak tercapai. Itu yang pertama. *Waste* itu bukan *waste* kepada kegunaan teknologi tetapi *waste* kepada pemilik atau pembayar servis itu.

Cuma, macam mana Yang Berhormat Menteri dan kementerian membuat unjuran berkaitan *congestion* apabila berada di sesuatu tempat dan satu keadaan kita mempunyai 4G tetapi kita masih tidak boleh dapat akses dengan *internet*? Bagaimana *speed to access, speed to download*? Ini perkara yang saya sebutkan dalam sidang yang lepas dan Yang Berhormat Menteri berjanji untuk membuat dalam kajian perkara ini.

Satu lagi yang terakhir daripada Paya Besar, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri Agama ada menubuhkan satu unit dengan SKMM. Bagaimana bidang kuasa ini terlingkup dalam jawatankuasa untuk melihat perkara-perkara yang berkaitan media sosial, penghinaan melibatkan agama Islam? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, ini adalah berkenaan filem-filem di *Netflix*. Adakah mekanisme yang berbeza yang digunakan untuk menapis filem-filem di peringkat biasa dan juga di peringkat *Netflix*? Sebab, saya lihat berleluasa sekarang ini adegan seks dan juga elemen-elemen LGBT yang menggusarkan rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1540

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin selepas ini Yang Berhormat boleh menggulung. Masa penggulungan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Okey. Yang Berhormat daripada Paya Besar, balik kepada apa yang disebut tadi berkenaan TM, saya baru sahaja diberikan jawapan oleh mereka memang ini melibatkan *commercial arrangement 1 gb*. Kalau TM boleh buat tawaran tersebut saya rasa tidak ada masalah. Saya juga dimaklumkan bahawa TM turut menyediakan, mereka ada menyediakan perkhidmatan jalur lebar pada peringkat *1 gb* yang ditawarkan dengan harga yang ditetapkan oleh pihak TM *itself*. *So, they already have services of that nature but what the actual cost the figure, I don't have it with me., If you want, I can get it for you later on.*

Berkenaan dengan isu berkaitan dengan jawatankuasa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid yang dibawa oleh Yang Berhormat. Ini adalah satu perkara yang akan dibawa oleh Datuk Seri Dr. Mujahid, bila dia bagi jawapan kemudian. *So, can you please take that issue with him later on* apabila beliau menggulung nanti.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu Yang Berhormat Kuala Kangsar. Yang Berhormat Kuala Kangsar, *can I give it to you in writing because that is a same issue, among the same issue that also raised by Yang Berhormat Bachok. So, I will come back to you* isu berkenaan dengan tapisan dan sebagainya, bagaimana kita akan menangani masalah ini.

Yang Berhormat Puncak Borneo, saya ada jawapan untuk Yang Berhormat Puncak Borneo, *I will give it to you after this, otherwise it will take some time. I have many pages to go so* saya akan bagi jawapan bertulis, kebanyakan melibatkan angka-angka dan sebagainya. Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan infra, saya akan bagikan secara bertulis. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yes?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Berkaitan Telekom. Saya ingat patut kita bincang fasal Telekom ini.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Saya ada jawapan, saya akan berikan secara bertulis. *I have the answers, I will give it to you straight away.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil

kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun menyentuh mengenai peranan KKMM.

Kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Kepada semua Yang Berhormat yang saya tidak sempat jawab tadi saya minta maaf, saya akan berikan jawapan secara bertulis dalam masa yang terdekat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.  
[Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang giliran Kementerian Sumber Manusia, dipersilakan Yang Berhormat.

### 3.42 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia ingin mengucapkan terima kasih kepada 16 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan yang menyentuh tujuh perkara utama yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Kita membahagikan kepada tujuh perkara utama iaitu kluster yang pertama ialah peluang pekerjaan dan hak pekerja. Tuan Yang di-Pertua, seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan peluang pekerjaan dan hak pekerja. Berkaitan dengan peluang pekerjaan warganegara yang diklasifikasi dalam kumpulan tenaga kerja yang menganggur termasuk belia ataupun graduan yang berada dalam proses transisi dari alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan.

Tempoh untuk mereka mendapat pekerjaan bergantung kepada kekosongan jawapan yang wujud dalam ekonomi negara kita ini. Sistem portal pekerjaan *JobsMalaysia* telah dinaik taraf di bawah projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Objektif pembangunan sistem ini adalah bertujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan di seluruh negara sebagai hab pekerjaan utama.

Portal ini bertujuan meningkatkan mobilisasi tenaga kerja secara optimum melalui padanan pencari kerja dan juga kekosongan jawatan secara atas talian. Kemudahan ini disediakan di semua pejabat tenaga kerja meliputi 54 pejabat tenaga kerja di Semenanjung, 14 pejabat di Sabah, 16 pejabat di Sarawak, 18 Pusat *JobsMalaysia* (JMC) dan 13 buah pusat sehenti perkhidmatan pekerjaan kebangsaan di *Urban Transformation Center* (UTC).

Perkhidmatan ini turut diperluaskan melalui Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2010 panduan urusan pengambilan tenaga kerja menerusi penggunaan portal *JobsMalaysia*. Tujuan untuk memberikan panduan penggunaan portal *JobsMalaysia* sebagai saluran utama pengambilan tenaga kerja di agensi-agensi kerajaan.

Pada tahun 2018, *JobsMalaysia* telah melaksanakan sebanyak 3,726,966 padanan pekerjaan, *job matching* terhadap 93,171 kekosongan aktif terhadap semua kategori pekerjaan.

Daripada usaha ini seramai 168,677 yakni 98.1 peratus pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan. Daripada jumlah tersebut seramai 47,073 orang siswazah dan 121,604 yang bukan siswazah telah mendapat pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu siswazah yang baru menamatkan pengajian serta pencari kerja yang telah bekerja dan ingin meningkatkan kerjaya mereka. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran karnival pekerjaan di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun bagi memudahkan padanan pekerjaan kepada graduan dan juga belia dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan.

Selain itu, *JobsMalaysia* juga giat melaksanakan program-program seperti penempatan melalui *JobsMalaysia*, *client account*, temu duga terbuka, kerjasama antara agensi, *holiday placement for student*, penyesuaian kerjaya, kembara kerjaya, penempatan dengan kerjasama agensi pekerjaan swasta dan juga penempatan golongan khas.

KSM juga melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan NOSS bagi 21 sektor ekonomi yang mana telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *industry lead body* (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini termasuk bidang-bidang berkaitan dengan Industri 4.0 automasi, digitalisasi dan sebagainya.

Kerajaan juga melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah menggariskan strategi mentransformasikan sistem pendidikan negara, memperkasakan institusi pengajian yang bertanggungjawab melahirkan siswazah yang celik teknologi serta menambah baik kualiti pendidikan kemahiran iaitu TVET di negara ini. Kerajaan pada masa ini turut memberikan tumpuan kepada pengukuhan ekonomi domestik serta lebih banyak *foreign direct investment* (FDI) yang menyumbang *high value job* ataupun *knowledge workers* berpendapatan tinggi secara berterusan dalam jangka masa panjang agar merangsang pertumbuhan ekonomi negara, seterusnya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dalam negara di pelbagai sektor ekonomi.

Kementerian Sumber Manusia optimis untuk terus memanfaatkan peranan TalentCorp sebagai agensi tumpuan bagi menangani isu-isu berkaitan dengan bakat berkemahiran tinggi melalui kerjasama strategik selaras dengan keperluan-keperluan guna tenaga di negara ini. Pertama ialah graduan dan bakat baru yang merangkumi pelaksanaan *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR) bagi pemegang biasiswa JPA, latihan industri berstruktur, program mobiliti bakat ke negara ASEAN, MyASEAN Internship dan juga negara Asia Pasifik, My APEC Youth Connect serta analisis bakat dan pangkalan data, *Nurturing Expert Talent* (NEXT)

Kedua, bakat profesional berkemahiran tinggi seperti Program Kepulangan Pakar, Program Diaspora Perantauan Profesional Malaysia, Pas Residen-Bakat dan juga MYXpats Centre iaitu *one stop centre* yang memproses dan mengeluarkan semua permohonan pas pengajian dan pas berkaitan dengan '*appeal*' yang lain.

Ketiga, bakat rentan yang merangkumi program penglibatan kembalikan wanita dalam kerjaya. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada tahun 2018 adalah 3.3 peratus daripada 15.45 juta orang tenaga kerja negara berbanding 3.4 peratus pada tahun 2017. Mengikut standard antarabangsa, kadar pengangguran yang kurang daripada 4 peratus dianggap sebagai *full employment*.

Isu kedua adalah pemberhentian. Merujuk kepada isi pemberhentian pula, berdasarkan kepada notifikasi yang diterima oleh...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta pencelahan sebelum pergi ke item yang lain.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Meneliti daripada perancangan dan juga gerak kerja yang dibuat oleh kementerian dalam memastikan bahawa pengangguran itu telah disiapselikan untuk mereka keluar daripada pendidikan mereka akan mendapat pekerjaan.

#### ■1550

Namun daripada penjelasan Timbalan Menteri tadi, 3.3 peratus pengangguran itu sebenarnya dalam ILO *Convention* tidak ada pengangguran. Betul, tetapi nilai yang kita nampak ialah apabila pekerja asing dalam pembuatan dan juga dalam perkhidmatan iaitu kilang dan juga perkhidmatan di hotel dan sebagainya, jumlah mereka ini sudah menghampiri 1.02 juta. Jadi, apa salahnya ataupun buat pendekatan supaya dalam perkhidmatan itu dan juga dalam pembuatan itu, dikurangkan pekerja asing separuh dan automatik 511,000 orang penganggur ini dapat kita isikan untuk mereka, daripada kita mengisi kepada pekerja asing. Apa pandangan kementerian untuk langkah drastik, cepat dan mudah difahami oleh rakyat? Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar yang tidak berhenti berjiwa Malaysia, yang mengutamakan anak-anak Malaysia untuk diisi ke dalam pasaran pekerjaan. Saya pada prinsipnya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa iaitu prinsip untuk kita mengurangkan pekerja asing tetapi sudah tentulah tidak boleh terlalu drastik kerana kita harus memberikan peluang kepada pengeluaran, apa nama mereka-mereka yang ada bidang kemahiran ini untuk mengambil tempat dalam sektor pekerjaan itu, satu.

Keduanya kita harap bahawa industri di negara kita ini harus berubah kepada teknologi yang lebih tinggi yang memerlukan kepada pekerja-pekerja yang berkemahiran. Itu satu...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Menteri, mencelah...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, ya. Keduanya ialah kita juga harus mengambil kira bahawa setakat ini, saya percaya bahawa rakan sejawat saya dahulu yang menduduki di kerusi ini pun tahu bahawa kita hanya membenarkan kepada bidang-bidang tertentu, tujuh ataupun enam bidang iaitu apa nama untuk diambil pekerja-pekerja asing ini tetapi dengan syarat yang begitu ketat iaitu terlebih dahulu kita membuka peluang melalui pengiklanan kepada di dalam portal *JobsMalaysia*. Apabila ada permintaan daripada pekerja tempatan, maka syarikat yang

memohon untuk mengambil pekerja asing itu haruslah mengutamakan pengambilan kepada pekerja tempatan.

Dalam tempoh-tempoh tertentu selepas itu, barulah diproses untuk diberikan kebenaran untuk diluluskan pengambilan pekerja-pekerja asing. Jadi, saya kira bahawa kementerian saya khususnya JTK, saya boleh beri tabik hormat kepada pegawai-pegawai dan kakitangan JTK yang begitu mengambil berat masalah masa depan anak-anak Malaysia. Sebab itu permohonan pekerja asing ini kalau tahun yang sudah itu lebih daripada 200,000 yang ditolak, kerana tidak memenuhi syarat. Majikan-majikan yang memohon itu tidak memenuhi syarat seperti mana yang dikehendaki oleh kementerian atau JTK. Seterusnya, sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak terlibat sama dalam masalah pekerja asing dan juga pekerja berkemahiran ini. Kalau dahulu semasa 2017 akhir, rasa saya pekerja asing kita sudah kurangkan kepada 1.7 juta tetapi saya mendapat maklumat terbaru hampir lebih daripada 2 juta pekerja asing telah meningkat.

Kedua saya ingin bertanya, dahulu kita ada di zaman Perdana Menteri kerajaan terdahulu, ada usaha-usaha bagi menjenamakan semula TVET ini. TVET ini tujuannya untuk kita meningkatkan kemahiran pekerja kita, dengan tujuan untuk mengambil alih peranan yang dimainkan oleh pekerja-pekerja asing, termasuklah mereka dalam bidang teknikal dan sebagainya. Kita tahu bahawa lebih daripada, saya kira 200,000 agaknya ekspatriat di negara kita ini yang juga mereka daripada lebih kurang 51 buah negara. Jadi, peranan TVET ini dahulunya diselaraskan, dijenamakan semula pada 27 September 2017 oleh bekas Perdana Menteri kita dengan melibatkan tujuh agensi kementerian.

Baru-baru ini apabila kerajaan baharu mengambil alih, saya tidak menafikan usaha yang dibuat oleh kerajaan. Saya kira dasarnya tidak akan berubah dan cuma bagaimana kita harap pencapaian patut lebih bertambah, bukan lebih bertambah buruk. Jadi, apa sudah jadi dengan TVET ini dan dahulu difahamkan, dimaklumkan bahawa salah seorang daripada Ahli Parlimen Permatang Pauh telah dilantik sebagai pengerusi penyelarasan kepada TVET tetapi akhirnya nampaknya senyap. Saya tidak tahu, apakah yang telah berlaku dan apakah pencapaian kita untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja kita, terutama diterajui oleh tujuh kementerian yang dipelopori utama oleh Kementerian Sumber Manusia ini telah menjadi sedikit longgar ataupun tidak berjaya. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih kepada rakan saya daripada Maran. Dahulu dia berada di sini, saya percaya bahawa dia pun lebih mengetahui daripada saya kerana dia lebih lama berada di kerusi ini. Saya tidak menafikan tentang bahawa isu pekerja asing tetapi ia masih lagi di bawah kadar yang ditetapkan iaitu kita tidak boleh melebihi 15 peratus daripada guna tenaga kerja yang ada dalam negara kita. Sekarang ini, tidak sampai 14 peratus. Jadi dia tidak melanggar dasar yang telah pun diputuskan. Itu diputuskan oleh kerajaan yang terdahulu. Jadi, kita masih mengguna pakai dasar tersebut iaitu tidak melebihi 15 peratus. Itu yang Yang Berhormat sini pun sebut-sebut sebelum daripada ini.

Jadi berkaitan dengan soal TVET, kita sedang berusaha untuk memperkasakan TVET. Sekarang ini di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu melalui Akta 652, kalau tidak silap saya, telah mewujudkan seperti mana yang terdahulu iaitu mewujudkan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) dan kita telah pun mengenal pasti hasil daripada penemuan-penemuan kajian yang dibuat oleh PricewaterhouseCoopers dan kita telah pun membentuk lapan jawatankuasa. Dua jawatankuasa yang telah sedia ada, jawatankuasa kecil kemudian kita lantik lagi enam jawatankuasa kecil untuk merumuskan apakah dapatan-dapatan daripada PwC itu dan juga dapatan-dapatan baharu daripada pandangan semua jawatankuasa yang membabitkan tujuh kementerian tadi.

Jadi, kita sekarang dalam proses pemurnian dapatan-dapatan tersebut dan saya telah pun menyemak pada satu peringkat selaku pengerusi MPKK untuk melihat bahawa ada asas-asas, perkara-perkara yang perlu diperbaiki selepas daripada ini untuk kita memperkasakan TVET. Jadi, *insya-Allah* kita mengharapkan bahawa dengan pemerkasaan TVET ini akan lebih memberikan satu usaha yang lebih merangsang kepada masa depan pendidikan kemahiran di negara kita ini.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Yang kedua, berkaitan dengan apa tadi lupa fasal Yang Berhormat Parit Sulong mencelah. *[Ketawa]* Berkaitan dengan pekerjaan. Baik. Sebab itu sekarang ini kita telah melaksanakan kepada pusat-pusat bertauliah ini iaitu sistem bintang untuk mereka mendapatkan daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran ini. Syaratnya mereka mesti mendapatkan rating tiga bintang ke atas. Tiga sampai lima baru *depa* boleh, dengan syarat mereka ini hendak dapat bintang ini mereka mesti *link, deal* dengan industri untuk memastikan supaya pelajar-pelajar mereka itu mendapat jaminan peluang pekerjaan. Jadi, kita berusaha untuk memastikan supaya peluang pekerjaan itu akan dapat diperoleh oleh mereka-mereka yang berada dalam sistem pendidikan TVET ini.

Sebab itu setakat hari ini, saya melihat 94 peratus keluaran daripada TVET ini terjamin pekerjaan mereka. *Alhamdulillah*. Yang Berhormat Parit Sulong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan mengenai pengangguran. Ada banyak pengangguran disebabkan ketidakcukupannya kemahiran belia-belia ini terutamanya. Saya ada membaca satu laporan baru-baru ini, yang mana ia menyatakan bahawa pengangguran di kalangan belia ini yang mencatatkan kadar yang paling tinggi iaitu sekitar 13.2 peratus.

Kemudian, daripada belia-belia ini pula, bumiputera adalah merekodkan kadar pengangguran daripada jumlah belia itu tadi, kaum bumiputera yang merekodkan kadar pengangguran yang paling tinggi antara yang lain. Mungkin disebabkan jurang kemahiran ini. Jadinya saya hendak minta respons daripada Yang Berhormat Menteri, mengenai laporan dinyatakan di dalam media dan apakah tindakan daripada pihak kementerian dalam menangani

masalah-masalah seperti ini, terutamanya pengangguran di kalangan belia bumiputera. Terima kasih.

■1600

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Dalam konteks kemahiran, peratus pelajar-pelajar daripada yang bukan bumiputera ini terlalu kecil. Peratus dalam pusat-pusat bertauliah yang mengambil bidang kemahiran TVET ini, peratus yang bukan bumiputera itu terlalu kecil. Jadi, bumiputera terlalu besar. Apatah lagi yang paling besarnya ialah anak-anak Melayu yang terlibat dalam pendidikan TVET ini. Jadi, saya fikir bahawa masalah yang kita hadapi sekarang ini untuk memastikan peluang pekerjaan yang lebih banyak ialah penggalakan pelaburan dan peningkatan pelaburan bagi meningkatkan ekonomi di negara kita.

Jadi, itu yang akan menyediakan, akan melahirkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih besar kepada anak-anak Malaysia. Jadi, kita harap bahawa tahun ini akan memberikan rangsangan ekonomi yang lebih baik selepas daripada tempoh 10 bulan ini dan 10 bulan yang kedua. Seterusnya, saya fikir bahawa usaha kerajaan sekarang adalah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dengan membawa pelabur-pelabur dalam ataupun luar negara.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [*Bangun*]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat Bera pun nak juga?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ya, sambung lagi, sambung lagi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Eh! Okey. Sayalah dulu, Ketua Pembangkang. Terima kasih. Betul, yang itu betul tapi kementerian kena ada satu pelan yang komprehensif dari segi bagaimana membuat jangkauan berapa ramai yang kemungkinan akan keluar daripada pusat-pusat kemahiran ini, jadinya berapa ramai yang keluar. Maka, perlulah juga diminta supaya majikan-majikan ini ada jenis pekerjaannya. Oleh sebab dulu, masa saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dulu pun saya berada di tempat, walaupun sekejap, saya pun berada di tempat Yang Berhormat Menteri juga. Kita dapati bahawa ada satu kekosongan di antara permintaan dan juga pengeluaran. Oleh sebab bila ada kekosongan itu, jadinya Yang Berhormat Menteri yang berada sekarang di kementerian, perlu memikirkan mesti ada *demand and supply* itu kena seragam. Bila kita tidak ada, bermaksud jabatan-jabatan boleh keluarkan sendiri sedangkan yang belajar ini dalam bidang lain. Jadi, saya hendak minta komen Yang Berhormat mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Oleh sebab itu, kementerian sedang mempertingkatkan usaha kolaborasi dengan industri dalam pendidikan dan latihan dalam pembangunan tenaga kerja untuk memenuhi keperluan industri kini dan akan datang. Usaha ke arah menawarkan latihan berkualiti dan menggalakkan pembangunan tenaga kerja melalui pembangunan kokurikulum dan latihan.



**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Walaupun Yang Berhormat Menteri dia baca jawapan tetapi saya tidak ada kena-mengena dengan jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita bagi peluang.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, tidak, saya hendak sebutnya, masalah isunya sekarang ini ialah isu ketidakpadanan penawaran. Itu yang menyebabkan ramai graduan TVET kita, sebahagian kecil graduan TVET itu tidak dapat memenuhi pasaran kerja, berbanding dengan permintaan dalam pasaran pekerjaan yang mana tidak sepadan dengan kursus yang dijalankan. Jadi, sekarang ini kita hendak kolaborasi. Oleh sebab itu kita lantik untuk menyediakan NIOSH ini daripada industri sendiri supaya mereka tahu apa yang mereka hendak, itu yang harus berada di pusat-pusat bertauliah kita.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, sila kawan lama saya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Dulu saya sentiasa beri kepada Yang Berhormat laluan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, saya pun.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Okey, Yang Berhormat. Apabila pihak Pakatan mengeluarkan manifesto, mewujudkan satu juta pekerjaan. Tentulah Pakatan mempunyai strategi-strategi tertentu, terutamanya untuk menambahkan peluang pekerjaan. Jadi setakat hari ini, berapa jumlah peluang pekerjaan yang telah pun disediakan untuk bakal-bakal pekerja ini? Itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, kita lihat hari ini ramai pekerja yang dibuang pekerjaan. Misalnya, berbelas ribu daripada sekuriti sekolah dibuang pekerjaan, pegawai-pegawai kakitangan kontrak kerajaan tidak disambung kontrak dan sebagainya. Jadi, saya hendak tahu juga, sehingga hari ini dari segi statistik yang ada pada kementerian Yang Berhormat, berapa yang telah pun hilang pekerjaan selepas PRU ke-15 baru-baru ini sehingga sekarang?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Timbalan Menteri, boleh sekali dengan Yang Berhormat Bera? Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya keliru disebabkan oleh walaupun kita kata dalam manifesto, 1 juta ruang pekerjaan tapi sedangkan pengangguran 511 ribu. Jadi, apa yang kita maksudkan dalam manifesto ini Yang Berhormat Bera, maksud kita ialah persiapan pelajar-pelajar daripada Tingkatan 5 dan mereka yang habis keluaran kolej atau universiti. Oleh sebab kalau dari segi logiknya, di luar sana bicara soal kita janji 1 juta, betul kita janji 1 juta untuk persiapan masa depan generasi akan datang. Jadi, untuk mengukuhkan hujah saya ini, pengangguran hanya sekitar 3.2 peratus.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Layak jadi Menteri gayanya ini.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Iaitu bersamaan dengan 511 ribu.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Pokok Sena, macam mana Yang Berhormat Pokok Sena? Orang lain yang tolong jawabkan ni.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Bukan, saya hendak betulkan suara di luar sana itu yang banyak sangat berbicara soal kita khianat pada manifesto tetapi kita tidak khianat. Kerajaan Pakatan Harapan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu betul, khianat itu betul.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Kerajaan Pakatan Harapan, kita punya cantiknya ialah diletakkan ruang pekerjaan selepas pelajar-pelajar habis persekolahan. Alangkah comelnya Pakatan Harapan ini memberikan ruang. Oleh sebab itu, saya hendak betulkan *statement* di luar, Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tukar tempatlah, tukar tempat.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Macam mana Yang Berhormat Pokok Sena ni?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Bahawa kita menyediakan generasi akan datang.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Pokok Sena yang nak jawab, bukan Yang Berhormat Kapar yang jawab.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Kita bersedia kerana kita tahu peluang pekerjaan akan datang memaparkan banyak persoalan dan juga kepayahan. Jadi, inilah kelebihan Pakatan Harapan yang meletakkan sasaran 1 juta. Apa pandangan Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu penjelasannya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Saya hendak tanya, saya ada bahas...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Sekejap, sikit saja. Saya hendak tanya, saya ada bahas tentang tajuk ini, tanya berapa jumlah pemberian kerja dan lebih panjang daripada itu. Sama ada jawapan itu ada dalam teks Yang Berhormat ataupun...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Sama ada saya sempat baca ataupun tidak.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Tak apa, Yang Berhormat jawab dulu, saya akan celah kemudian.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Banyak pencelahan ini. Baik, saya hendak anggap bahawa ini sebagai satu contoh wira Malaysia, anak Malaysia, dia *positive thinking*, dia seorang yang *positive thinking*, yang melihat ke hadapan, melihat ke hadapan dengan mengambil kira apa yang ada pada hari ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini main badminton kah apa ni?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Masukkan sebahagian daripada ucapanlah, masukkan sebagai jawapan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Dia tidak melihat kepada apa yang belum ada, dia melihat kepada apa yang sedang ada. Kalau kita ada satu sen tapi kita memerlukan RM1, satu sen itu sangat bermakna, tanpa satu sen, tak dapat RM1.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Balik semula kepada asasnya. KSM, jangan satu sen apa benda.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** *[Ketawa]* Pemikiran iaitu sahabat saya daripada Kapar, orang lama dalam *union*, dalam Kesatuan Sekerja. Syabas, saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Menteri, yang baik dia orang tak mahu terima, yang tak baik baru dia orang terima.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Menteri, yang baik itu asal daripada sini juga. Kami minta tolong kekalkan saja dan tambah baikkan, itu saja.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, suruh Timbalan Menteri habiskan jawapan ini, banyak lagi ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Timbalan Menteri sedikit saja, sedikit saja Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri nak jawab tapi terlalu ramai yang hendak mencelah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya akan dapatkan maklumat berkenaan kata yang hilang pekerjaan itu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dia pukul 4 ini, kena celah-celah sedikit. *[Ketawa]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Akan tetapi pada tahun 2018, kadar tidaklah begitu membimbangkan kerana masih dalam keadaan yang terkawal. Kita berusaha untuk membantu mereka yang dalam pembuangan pekerjaan sama ada pembuangan biasa ataupun pemberhentian melalui VSS ini untuk mendapatkan kerja semula, termasuk *Utusan Malaysia* yang dimiliki oleh UMNO satu ketika dahulu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tengok, ha! Menteri tengok. Jawapan yang betul tidak boleh hendak bagi, mesti nak kaitkan UMNO dan sebagainya. Padahal, Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional dah buat terbaik, tidak pernah menganiaya rakyat, khususnya dalam konteks pekerjaan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Timbalan Menteri. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah, dah, dah. Memang benar ya, kalau pukul 4 ia *start* ya, *ruler*. *[Ketawa]*

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Timbalan Menteri minta sikit, boleh ya?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Sekejap. Saya menyebut *Utusan Malaysia* itu sebab saya sendiri hadir ke *Utusan Malaysia* untuk memberikan duit daripada peruntukan caruman daripada PERKESO kepada mereka. Kita mengadakan mini karnival pekerjaan untuk membuka peluang kepada mereka yang terlibat dalam skim pemberhentian itu untuk mendapatkan pekerjaan semula. Walaupun yang buang masa itu ialah syarikat *Utusan Malaysia* yang dimiliki oleh UMNO. Akan tetapi kita tidak kisah, walaupun syarikat itu UMNO punya kah, siapa kah, kita bantu untuk memastikan anak Malaysia terus mendapat pekerjaan dan masuk dalam pasaran pekerjaan.  
[Tepuk]

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Akan tetapi ini adalah tanggungjawab kerajaan, tak kira daripada mana.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, ya, tanggungjawab kerajaan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tak perlu disebut daripada mana, daripada mana, semua sekali.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya bersetuju.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Amboi, *depa* masuk tidak minta izin *no*.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** *Even* dulu pun kita buat, bawah Kerajaan Barisan Nasional pun kita buat, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Untuk pengetahuan...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Masuk tak minta izin ni.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Yang Berhormat Bera, pekerja-pekerja yang terlibat dalam pemberhentian bagi syarikat yang masih beroperasi ataupun penutupan sebahagian operasi, peruntukan di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 turut memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja terhadap sebarang bentuk pembuangan kerja tanpa sebab atau tanpa alasan yang munasabah. Pekerja-pekerja yang ingin membuat *reinstatement* boleh memfailkan kes ini di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM), *insya-Allah*.

#### ■1610

Jadi kementerian sentiasa memberikan perlindungan kepada golongan-golongan pekerja dan mereka itu juga diberikan perlindungan melalui caruman SIP dalam PERKESO untuk diberikan elaun selama beberapa bulan, ada elaun latihan semula dan sebagainya bagi mereka itu dapat ditempatkan semula ke dalam pasaran pekerjaan.

Berkaitan dengan isu pemberhentian tadi. Merujuk kepada isu pemberhentian pula, berdasarkan kepada notifikasi yang diterima oleh kementerian, bilangan pekerja yang diberhentikan di sektor swasta pada tahun 2018 adalah seramai 23,168 orang pekerja yang melibatkan 17,236 orang iaitu 74.4 peratus untuk pemberhentian biasa. Manakala 5,932 orang

atau 25.6 peratus adalah pemberhentian sukarela. Itu untuk Yang Berhormat Bera, iaitu VSS. Maklumat tambahan akan dikemukakan secara bertulis jika diperlukan selepas daripada ini.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Maklumat tambahan itu Yang Berhormat Menteri, boleh tidak ikut jantina sekali. Oleh sebab saya hendak tahu juga berapa ramai bilangan wanita.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, baik, *insya-Allah*. Saya harap pegawai-pegawai kementerian akan mengambil maklum. Menurut statistik guna tenaga suku tahunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran pewujudan jawatan bagi tempoh Jun hingga Disember 2018 adalah sebanyak 45 ribu. Daripada jumlah ini sebanyak 20,000 pewujudan jawatan adalah bagi kategori mahir manakala bagi kategori separuh mahir, sebanyak 23,000 dan berkemahiran rendah sebanyak 2,000.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu rakyat Malaysia yang ditipu oleh sindiket pekerjaan untuk dibawa ke luar negara yang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak khususnya komited dalam usaha untuk membendung isu penipuan peluang pekerjaan di luar negara oleh agensi pekerjaan yang tidak bertanggungjawab dengan sentiasa mengingatkan kepada orang ramai khususnya pada pencari kerja agar tidak mudah terpedaya dengan apa-apa iklan peluang pekerjaan yang ditawarkan di luar negara...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Melalui medium surat khabar mahupun secara dalam talian menerusi platform media massa atau pun media sosial.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar. Minta paling awal tadi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya hendak habiskan perkara ini dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Kangar di belakang.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Isu ini saya hendak habiskan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum habis.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Peringatan tersebut disampaikan melalui ceramah kerjaya bakal pencari kerja yang dianjurkan di sekolah dan institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta termasuk lah hebahan melalui stesen radio tempatan. Jabatan percaya bahawa tawaran gaji yang lumayan yang ditawarkan dalam kadar mata wang asing menjadi salah satu faktor yang menyumbang ke arah minat pencari kerja tempatan untuk memohon pekerjaan di luar. Orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk pergi ke Pejabat Tenaga Kerja (JTK) yang berdekatan bagi mendapatkan khidmat nasihat berkenaan dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan di dalam negara mahupun di luar negara...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Selain itu, pencari kerja juga yang ingin bekerja di luar negara adalah diwajibkan menggunakan perkhidmatan agensi pekerjaan yang berlesen yang diiktiraf oleh JTK untuk mengelakkan berlakunya sebarang kejadian atau pun isu penipuan oleh sindiket pekerjaan. Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rantau Panjang?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat Rantau Panjang dulu. Dia bangun awal tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar bangun awal tadi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak apa. Kejap. Kejap. Tidak apa.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya mengucapkan tahniah di atas pelbagai usaha kerajaan untuk membantu terutama pekerja yang dibuang kerja. Akan tetapi banyak aduan yang kita terima, di antaranya contoh ex pekerja kontrak yang bekerja dengan PLKN sebelum ini. Contohnya, mereka dari Sarawak, pekerja PLKN yang dibuang kerja di Sarawak. Akan tetapi mereka mendapat tawaran kerja di Putrajaya. Sedangkan mereka duduk di Sarawak. Jadi sudah tentu lah tidak berbaloi dengan gaji hanya seberapa, sedangkan tempat tawaran ini tidak diberi di Sabah dan Sarawak.

Jadi, banyak aduan yang kita terima, bagaimana seolah-olah mereka dizalimi dan dianiaya. Jadi, saya hendak tahu apa tindakan untuk memastikan supaya pekerja-pekerja kontrak khususnya yang sebelum ini mendapat tempat di agensi kerajaan. Akan tetapi sekarang ini tidak tahu hala ke mana, hala tuju mereka untuk menyara kehidupan sekolah dan anak-anak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ada kaitan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Jadi, apakah kebajikan yang dijamin oleh kerajaan? Begitu juga masalah ramai lagi aduan yang kita terima bagaimana pekerja-pekerja Islam terutama yang bekerja di bawah agensi penerbangan yang masih mereka diberi amaran tidak boleh berpakaian patuh syariah. Ada yang mengadu, ada di antara mereka terutama yang bekerja dengan majikan-majikan yang bukan Islam, mereka masih disekat untuk melakukan ibadah seperti solat Jumaat.

Jadi, sejauh mana kementerian mengambil berat tentang isu-isu yang sangat penting ini demi kebajikan pekerja kita? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ada kaitan yang ini. Ada kaitan tentang pemberhentian kerja. Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Ha! Bagi Yang Berhormat Pontian dulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Angka yang Timbalan Menteri sebut sehingga Disember pemberhentian pekerja ialah 23,168. Itu saya kira yang dilaporkan. Ada yang tidak dilaporkan bererti angkanya berkemungkinan lebih besar. Yang Berhormat Timbalan Menteri, penganalisis ekonomi ada menyebut dua bulan berturutan iaitu pada bulan Januari dan Februari, ekonomi Malaysia berada dalam keadaan deflasi. Deflasi ini berlawanan dengan inflasi. Dalam putaran deflasi yang menakutkan ialah pembuangan pekerja. Jadi, saya kira angka Januari dan Februari itu akan bertambah pembuangan pekerja. Apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh kementerian? Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sikit boleh?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Menteri. Sikit sahaja. Sama.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar, silakan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Sebelum saya pergi ke soalan yang sebenar, saya cuma hendak sebut dekat sini, semasa tahun 2013, seingat saya kawan-kawan kita di sebelah sana pun, dia dalam manifesto, meletakkan juga angka yang sama, 1 juta peluang pekerjaan baharu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebanyak 3 juta sebenarnya, bukan 1 juta. Kerajaan Barisan Nasional, manifesto 1 juta peluang pekerjaan baharu... [*Dewan riuh*]

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sebanyak 3 juta. Seingat saya 1 juta lah. Kadang-kadang kehilangan kerja ini bukan lah satu yang terlalu buruk. Misalnya...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan kelirukan Dewan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Misalnya, ada orang pernah jadi Pengerusi Tabung Haji, dia hilang kerja, belum tentu dia dapat kerja yang teruk sebagai contoh. Saya cuma hendak tanya daripada banyak-banyak peluang kerja yang kita *dok* sebut, kita selalu bercakap tentang peluang kerja yang berpendapatan tinggi, sebab kalau kita hendak sedia kerja semata-mata kerana kerja tetapi kerja yang ada itu tidak berbaloi. Itu akan menimbulkan masalah.

Saya hendak tanya, apakah perancangan kementerian kerana kita ada juga berdepan dengan situasi kita ini ramai pelajar di universiti ini wanita. Akan tetapi ramai wanita yang terkeluar daripada sektor pekerjaan atas faktor-faktor yang pelbagai di mana dalam kajian, ada menunjukkan bahawa sekiranya kita dapat meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan, kita berpotensi meningkatkan KDNK di antara 6 bilion hingga 9 bilion. Jadi, apakah usaha kementerian?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Menteri. Sama. Sikit tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa pemberhentian pekerja ini ada dua cara. Pertama ialah pemberhentian biasa, penutupan *company* dan sebagainya.

Kedua ialah VSS yang bermakna sukarela. Akan tetapi selepas Kerajaan Pakatan Harapan ambil alih kerajaan, ini mungkin Kementerian Sumber Manusia banyak kepada swasta. Akan tetapi di sektor awam, ini peranan juga Kementerian Sumber Manusia sebab Yang Berhormat jaga manusia kan? Dulu saya jaga manusia. Kita masih lagi manusia.

Kita mendapati banyak pegawai-pegawai awam kita diberhentikan kerja. Saya tidak mahu benda ini berlaku kerana politik, sedangkan dalam perkhidmatan awam, kita ada tatacara. Kita ada jawatankuasa perjawatan. Jawatan Sumber Manusia, kita ada jawatan tatatertib. Kalau apa-apa berlaku, mesti lah dibawa ke jawatankuasa yang ini, sebelum mereka dibuang.

Oleh sebab itu, dalam perbahasan saya baru-baru ini saya bertanya, bahkan Kementerian Sumber Manusia sendiri sebagai kementerian yang bertanggungjawab kepada kebajikan manusia pekerja, saya difahamkan ada memberhentikan pekerja apabila kepimpinan

baharu ambil alih. Saya minta senaraikan agensi-agensi mana yang memberhentikan pekerja-pekerja ini dan apakah sebab-sebab mereka? Sila Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang bertanya. Berkaitan dengan, apa banyak sangat ini? Tadi, PLKN ya, PLKN. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. PLKN itu di bawah JPA ya, khususnya kakitangan kontrak PLKN di bawah Kementerian Belia telah diambil untuk penempatan semula kepada agensi-agensi awam dan juga swasta.

Walaupun saya tidak tahu apa maksud yang disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, dari Sarawak hendak *mai* kerja di Kuala Lumpur itu sama ada *depa* bekerja dalam sektor awam juga atau pun sektor swasta, saya pun tidak ada kepastian lah. Sebab sememangnya begitu lah peluang-peluang pekerjaan.

Kadang-kadang macam di Kelantan peluang pekerjaan tidak banyak. Oleh sebab itu ramai rakyat Kelantan berhijrah keluar dari Kelantan sampai kepada Singapura kerana peluang pekerjaan yang lebih banyak, yang lebih menawarkan pendapatan yang lebih baik kepada mereka. Jadi, itu biasa bagi saya. Sarawak *mai*, jadi peluang pekerjaan di negara. Kalau kita duduk di negeri kita itu, kadang-kadang peluang pekerjaan itu tidak banyak tapi di Kuala Lumpur lebih besar.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Maksud saya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bagaimana mereka dijanjikan untuk dapat kerja tetapi tawaran itu hanya ada di Putrajaya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, ya, ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Itu aduan mereka.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Itu maksud saya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi, itu saya katakan bahawa tawaran itu sememangnya begitu lah. Oleh sebab peluang pekerjaan antara di Wilayah kita itu, di negeri kita itu agak kurang. Jadi peluang pekerjaan yang ada hanya di Lembah Klang. Umpama, contoh di Putrajaya. Jadi, mereka harus bersedia lah untuk melihat kepada peluang-peluang yang telah ditawarkan oleh pihak kerajaan.

#### ■1620

Jadi, yang keduanya ialah berkaitan dengan pekerja-pekerja kontrak. Jadi pekerja kontrak itu memang dia ada tempoh tidak disambung. Bila sampai kepada habis tempoh dia, dia tidak disambung. Dia bukan dibuang, dia tidak disambung. Akan tetapi itu pun bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia seperti mana Yang Berhormat Maran tahu bahawa itu ialah dalam sektor-sektor awam.

Berkaitan dengan soal pakaian dan sebagainya, undang-undang perburuhan yang sedia ada, ini sudah lama yang sedia ada dalam negara kita. Saya percaya Yang Berhormat Maran dan juga Yang Berhormat Parit Sulong pun tahu hal ini bahawa tidak memperuntukkan klausa yang spesifik berkaitan dengan pematuhan majikan mengenai perkara-perkara yang berkaitan



dengan keagamaan. Akan tetapi sudah tentulah bahawa kami daripada Kementerian Sumber Manusia, saya percaya rakan saya dulu pun Yang Berhormat Maran pun sentiasa melakukan usaha-usaha untuk *deal* dengan pihak-pihak majikan melalui persatuan-persatuan majikan dan sebagainya supaya mereka dapat memahami situasi perkembangan yang ada ini supaya mereka dapat memberikan hak-hak yang ada kepada pekerja-pekerja Islam itu, *insya-Allah*. Jadi, kita sentiasa akan terus mengadakan perbincangan dengan mereka-mereka ini untuk memastikan supaya hak-hak ini akan terjamin. Ada juga syarikat-syarikat...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ada yang dibuat tak Yang Berhormat?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ada juga syarikat-syarikat yang bukan Islam, saya pergi dia tidak ada masalah pun. Dia tidak ada masalah. Dia kata untuk bagi peluang waktu sembahyang, waktu sembahyang Jumaat. Tidak ada masalah kepada mereka dan ini menunjukkan bahawa bagi yang faham, faham dan yang tidak faham, tidak faham juga. Akan tetapi kita akan terus *deal* dengan mereka. Baik.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat, minta sedikit sahaja sebab yang itu penting. Saya mengharapkan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, tidak saya hanya ada lima minit saja lagi.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Isu berkaitan dengan pakaian patuh syariah ini, sepatutnya dia agenda penting bagi orang Islam.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kemudian berkaitan dengan isu yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pontian. *Insya-Allah* kita akan terus melakukan usaha-usaha ke arah untuk memastikan bahawa peluang-peluang pekerjaan kepada mereka ini akan terus terjamin untuk diambil semula bekerja dalam sektor-sektor tertentu. Yang Berhormat kena ingat bahawa sebarang pemberhentian sama ada pemberhentian secara biasa ataupun VSS ada syarat-syarat yang tertentu yang harus dipatuhi oleh pihak majikan.

Jadi, saya mengharapkan bahawa perkara-perkara tersebut boleh dilaporkan. Masalah yang tidak dilaporkan memang kita tidak tahu dalam perkara ini. Akan tetapi sebab kita hendak supaya mana-mana pekerja yang diberhentikan dalam apa cara sekalipun harus tampil ke hadapan untuk memberikan laporan kepada pihak yang berwajib.

Jadi, saya akan teruskan kepada perkara yang seterusnya berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan isu *special scheme inspection* (SSI) serta langkah yang diambil oleh JKPP supaya SSI dapat memberikan manfaat kepada industri kecil dan sederhana (IKS). Bagi makluman Dewan yang mulia, Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Skim Pemeriksaan Khas) (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2018 memberikan alternatif kepada mana-mana pemunya untuk memperoleh perakuan kelayakan jentera bertekanan daripada kaedah berasaskan kepada masa setiap 15 bulan kepada kaedah berasaskan risiko.

Skim pemeriksaan khas (SSI) ini selaras dengan konsep peraturan sendiri berdasarkan kepada data-data pemeriksaan maklumat jentera, mekanisme, kerosakan dan analisis tertentu

pada mana-mana jentera dapat dijangkakan baki usia bagi jangka hayat jangka tersebut. Kaedah ini dapat membantu pemunya menentukan integriti sesuatu jentera yang bertekanan sama ada ia selamat untuk digunakan. Jadi ada banyak syarat, satu, dua tiga, empat, lima syarat dan antaranya ialah mereka yang hendak masuk dalam skim SSI ini apabila diluluskan, dia kena *bayaq fee* sebanyak RM50,000 setiap skim permohonan. Setakat ini 53 permohonan telah pun dibawa dan 41 permohonan syarikat itu telah pun diberikan kelulusan.

Mereka yang ambil skim ini, mengikut kajian kami ialah setakat ini telah berjaya menjimatkan kos mereka sebanyak RM9.42 bilion. Jadi ini terbuka kepada termasuk IKS, sebab itu kita menggalakkan IKS untuk melihat SSI ini juga merupakan satu keperluan kepada mereka dan mereka harus mempertingkatkan mereka punya sektor SSI mereka.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan. Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kemudian, saya hendak terus...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya hendak teruskan kerana saya hanya ada tiga minit lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak diberi laluan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kepada TVET...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Berkaitan dengan apa yang telah disebut secara umumnya tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Kapar bahawa mengikut maklumat, kementerian telah menyemak dakwaan mengenai isu syarikat *China Communications Construction* berkaitan dengan 650 pekerjaan tidak dapat dilaksanakan melibatkan... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, dalam Manifesto Kerajaan PH bahawa kita akan mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan. Yang Berhormat kata tidak ada [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, dia tidak bagi laluan, sila duduklah. Ya, silakan. [*Ketawa*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong kalau bangkit bercakap tidak minta kebenaran pun bercakap, saya pun hendak buat macam itulah. Saya ikut contoh Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Dia masa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebab dia kawan baik... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah, sudah. Hari ini Yang Berhormat Jelutong tidak bangun lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Janji untuk mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan. Jadi bila hendak bagi? Yang Berhormat pergi jawab kilang sana, kilang sini tidak penting. Sekarang rakyat hendak tahu, bilakah kerajaan akan mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan? Bila? *[Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pembohong nombor satu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya memang seronok, saya syabas kepada...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ingin bertanya sini Tuan Yang di-Pertua, jawab kilang... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini drama petang ini drama petang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya *under control* kat sini. Jadi... *[Ketawa]* Sila menggulung, silakan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya cukup...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Dulu saya jawab pakai kertas dia *complaint*, dia kata Menteri jawab pakai kertas buat apa. Hari ini kau baca apa? Tidak payah baca, jawab tengok kertas. Sekarang ini apa awak buat dekat kami, kami hendak tanya balik. Mana... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampak macam balas dendam. *[Ketawa]* Silakan menggulung, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tidak pernah ada sifat itu Tuan Yang di-Pertua, saya budiman. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, tolong jawab bilakah peluang pekerjaan 1 juta yang dijanjikan? Yang Berhormat jangan baca, jawab.. *[Pembesar suara dimatikan]* *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat menggulung.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tak payah gulung, tak payah gulung. Tolong jawab ini. Sila bagi tahu, bila peluang pekerjaan akan diwujudkan sebanyak sejuta? Ini mari jawab di Parlimen, kami hendak dengar, jawab besi kilang, besi kilang. Bila hendak bagi kerja 1 juta?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Peraturan mesyuarat. Silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Peraturan Mesyuarat 44(2) Tuan Yang di-Pertua, semalam kita ada sebut tentang penggunaan perkataan-perkataan yang tidak *Parliamentarian*. Hari ini saya mendengar Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau mengatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri 'pembohong'. Saya rasa ini bukan satu perkataan yang *Parliamentarian*. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh tegur. *[Disampuk]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, bodoh pun boleh pakai di Parlimen sekarang.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya harap...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bohong nombor dualah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada penghujung petang semalam, saya telah mengeluarkan pendapat saya bahawa perkataan seperti bodoh, penipu dan sebagainya sepatutnya tidak digunakanlah dalam Dewan yang mulia. Jadi pembohong itu pun termasuk dalam kategori yang sama.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagaimana perompak, bagaimana perompak, penyamun...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bodoh itu tidak boleh, kurang pandai itu... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bila sampai pukul 4.15 itu saya pekak sedikit, tidak dengar. Ya, silakan. Sila menggulung.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Perkataan kurang jelas] ...Jangan duduk selagi tidak jawab bilakah Kerajaan PH akan mewujudkan sejuta peluang... [Pembesar suara dimatikan]*

**Seorang Ahli:** Cukuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, mungkin Yang Berhormat boleh menjawab, kemudian menggulung kan lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak akan dapat menjawab selagi tidak mewujudkan perkataan sejuta. Bila hendak wujud? Cakap bila sahaja, esok, lusa?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Sudah, sudah, duduk, duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Lima tahun lagi tidak apa.

**Seorang Ahli:** PAS menang daripada Rantau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bertanya, berikan peluang untuk menjawab. Ya, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi saya tidak mahu duduk. Kalau duduk nanti dia...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Isu, isu peluang pekerjaan itu sudah lepas.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau ini kurang pandailah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Akan tetapi tidak apa Yang Berhormat. Walaupun dia kata saya pembohong, saya manusia pemaaf. Saya memberikan kemaafan kepada dia.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau, kurang pandailah Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini puji diri sendiri boleh lah.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Timbalan Menteri ikut sunah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Saya, saya tak... *[Perkataan kurang jelas]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tolong jawablah, bila hendak wujud...  
*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat, gulungkanlah, gulung, gulung, menggulung.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jawapan Timbalan Menteri lebih dekat dengan sunah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Dia memang dalam Parlimen ini Yang Berhormat, dia kena ada juga watak-watak gila-gila sedikit. Baru dia ada keriang. *[Disampuk]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Seperti Yang Berhormat Pokok Sena lah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Keriang.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Macam Yang Berhormat Pokok Sena lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dulu hendak bagi tahu...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Okey.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Watak yang paling jahat adalah watak Yang Berhormat Pokok Sena tau.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Sekarang saya mengharapkan kepada...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Orang belum bagi kebenaran, dia bangkit bercakap.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ... Yang Berhormat daripada Kapar tadi bahawa jelas bahawa KSM tidak... *[Tidak jelas]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bila hendak wujudkan peluang pekerjaan 1 juta? *[Pembesar suara dimatikan]* Bila hendak wujudkan peluang pekerjaan 1 juta? Bila?

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Dua ribu... *[Pembesar suara dimatikan]*  
*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, saya ingat pencelahan yang keterlaluan mungkin akan perlu diambil tindakan. Sedikit sebanyak itu mungkin bolehlah. Akan tetapi berikan peluang sekarang kepada Menteri untuk menggulung.

#### ■1630

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua nak suruh saya keluar sekarang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak. Mengapa saya nak suruh Yang Berhormat keluar?

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Jika suka, keluarlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak suruh pun. Duduk, duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oh! Duduk.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Janganlah merajuk. Main-main sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menggulung, menggulung.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau nak ambil tindakan pun, jangan ambil waktu sayalah. Saya tak gamak melihat kawan saya itu diusir keluar oleh bentara kerana dia orang tua kan, kita kena hormat kepada dia.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, tarik balik perkataan orang tua. Tarik balik. *[Dewan ketawa]* Ini *unparliamentary*.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Orang lama. Bukan orang tua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu kenyataan. *[Dewan ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tapi, Tuan Yang di-Pertua, saya muda lagi.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Orang lama, orang lama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, gulung, gulung. Sila menggulung, sila menggulung.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya muda lagi. Saya masih 60-an. Yang tua itu belah-belah sana itu, bukan saya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** *Dak aih*. Saya kata tua itu, tua daripada saya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Langkawi tua, Yang Berhormat Port Dickson tua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tua daripada saya, tua daripada saya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, tapi perkataan orang tua tak elok, tak manis ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, tua daripada saya. Jadi Ketua Pembangkang, Ketua Whip kena tengok ini. Orang *gelaq* tua ini, dia lain sikitlah. *[Ketawa]*

Saya nak pergi kepada satu berkaitan dengan perlindungan keselamatan sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong berkaitan dengan isu yang disebut dalam perbahasan itu ialah pelaksanaan i-SURI...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Dan potongan RM10 untuk tujuan caruman PERKESO. Di dalam PERKESO ini, ini dinamakan Skim Keselamatan Sosial Untuk Suri Rumah yang lebih dikenali di luar sana sebagai i-SURI tetapi ini berkaitan dengan skim perlindungan di bawah PERKESO.

Untuk makluman Dewan yang mulia, satu akta baru perlu digubal bagi melindungi suri rumah yang tidak bekerja daripada hilang upaya akibat kemalangan ataupun keilangan kerana Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] yang sedia ada hanya terpakai kepada seseorang

pekerja yang bekerja dengan majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan. Sebaliknya, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] menyediakan perlindungan kepada pekerja yang bekerja sendiri.

Jadi, sebab itu satu akta baru perlu digubal memandangkan suri rumah adalah bukan pekerja ataupun mempunyai pekerjaan sendiri. Walau bagaimanapun, PERKESO tidak boleh melaksanakan skim i-SURI jika tiada geran pendahuluan daripada kerajaan. Jadi, kita memerlukan pendahuluan dan kita memerlukan kewujudan akta baru.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey. Akta baru itu nanti, Yang Berhormat Menteri, adakah dia akan masukkan sebab kategori yang boleh *claim* balik daripada PERKESO ini apabila ada kecederaan semasa bekerja ataupun bertugas. Jadinya untuk suri rumah ini, bagaimana dia punya bertugas? Angkat anak itu jatuh, boleh *claim* kah tak? Jadinya kena ada satu kategori yang menyeluruh sebab kita bercakap mengenai suri rumah. Bila suri rumah, tugas dia daripada pagi ke pagi. Jadinya macam mana itu? Sebab kena ada *very specific* mengenai perkara ini. Jadinya Yang Berhormat Menteri kena terangkan kepada kita semua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, baik. Pertama, saya nak sebut, suri rumah dalam skim ini dia tidak terikat kepada eKasih. Dia adalah suri rumah yang tidak bekerja termasuk juga kepada orang yang bersara. Dia bersara, dia berhenti kerja, kemudian dia tak nak kerja.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Kalau suri rumah bawa anak jatuh daripada katil, adakah masukkah tidak dalam ini?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kejap, kejap.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Boleh *claim* kah tak?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi termasuk juga kalau Yang Berhormat lepas pilihan raya lagi tak bertanding, Yang Berhormat bersara, jadi Yang Berhormat layak untuk dicarum dalam skim ini, *insya-Allah*. [Ketawa] Jadi termasuk juga waktu itu kalau mengasuh cucu umpamanya, mengasuh cucu. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** So, Yang Berhormat Parit Sulong, bila nak...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ini saya marah. Saya muda lagi! Macam mana dia cakap ini saya ada cucu ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hari ini semua tak mengaku tua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Macam mana ini? Tarik balik ini. Mana boleh ini!

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Parit Sulong, yang muda sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang tua hanyalah Yang Berhormat Arau sahajalah, Yang Berhormat Parit Sulong tak tua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, saya balik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jadi, memang setakat sekarang ini tidak ada kerana akta belum dipinda tetapi pengiraannya termasuklah macam umpamanya dia bekerja di dapur kena air panas umpamanya, itu termasuk dalam skim perlindungan sebab dia bukan ada pekerjaan di luar mana, dia bekerja

dalam rumah dia. Jadi kemungkinan juga kalau dia menyusu anak umpamanya, menyusu anak, tiba-tiba berlaku kecederaan, anak *ngap* kah, tapi tak bolehlah kalau bapa ngap tapi dia *pi habaq* kata anak *ngap*. Ha! Tak bolehlah pula! Jadi, ini termasuk dalam perlindungan terhadap ibu yang tidak bekerja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kenyataan seksis ini, tak boleh.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Mana boleh cakap perkataan seksis dalam ini, Tuan Yang di-Pertua. Tak boleh ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang mana perkataannya?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tak, tak. Saya nak maklumkan supaya Yang Berhormat faham.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Mana boleh macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu saya tak dengar. Yang Berhormat, masa sudah tamat. Sila.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah pun membangkitkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa dah tamat, Yang Berhormat. Ini Tuan Yang di-Pertua punya arahan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Duduk, duduk.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Semasa perbahasan Titah Diraja. Yang belum sempat saya jawab...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tapi yang ini tak apa, lebih pun tak apa, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** ...Saya akan memberikan jawapan secara bertulis termasuk juga kepada apa-apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Arau yang mengarau tak berkata apa punca ini tetapi kita sentiasa memberikan layanan yang mesra kepada orang tua seperti mana Yang Berhormat Arau yang lebih tua daripada saya. *[Dewan ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, sekian terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(6), sangkaan buruk kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tapi saya ingat apabila kita kata kita sentiasa menghormati orang tua, itu satu penghormatan, itu bukan satu penghinaan.



**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tapi dia kata dekat saya. Saya masih muda dan saya adalah ketua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya nampak Yang Berhormat Arau itu hati memang muda.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya adalah ahli perang. Saya boleh berperang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tetapi usia itu muda kah tua, itu subjektif.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, muda. Orang tua kurang perang sikit. Saya ahli perang. Orang muda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oh! Ahli perang. Okey, boleh terus berperang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Masa 45 minit. Sila.

#### **4.36 ptg.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih di atas perbahasan yang bernas, yang baik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang Titah Diraja yang memang banyak menyentuh tentang Kementerian Pertanian yang spesifik mengambil berat tentang jaminan bekalan makanan dan daya saing sektor agromakanan. Melalui peningkatan eksport, menunjukkan bahawa sektor agromakanan adalah penting dalam kestabilan sesebuah negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk kita merakamkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil tanggungjawab ini membantu saya memberikan motivasi kepada saya dan saya mengajak kita semua dalam Dewan yang mulia ini supaya kita mengiktiraf petani-petani kita ini, khususnya pesawah-pesawah sebagai perwira negara. Mereka setanding dengan pasukan keselamatan yang menjaga keselamatan negara. Kerana merekalah, kita hari ini menikmati kecukupan makanan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri. Menyentuh tentang petani sebagai wira negara, saya ingin tanya. Saya berpeluang bertanya perkara ini sebagai seorang wakil rakyat daripada Pakatan Harapan, nasib yang menimpa pesawah petani di Kampung Kuala Terla di Cameron Highlands. Saya lihat mereka sedang menghadapi masalah di mana semua perniagaan mereka akan dimusnahkan. Saya tak lihat Yang Berhormat daripada Tapah ataupun Cameron Highlands membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Kebanyakan mereka adalah daripada kaum India dan kaum Cina dan mereka mempunyai perniagaan yang sah.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk jawab sebab dia panggil nama saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya belum habis lagi. Saya tengah tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bukan kepada Yang Berhormat Tapah.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Kalau saya nak bantu masyarakat India, tak perlu drama sini. Bincang dengan Menteri Besar Pahang, bukan di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** No. Saya ingin tanya...

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Takkan— Yang Berhormat Jelutong bodoh kah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini adalah perkara— Yang Berhormat duduk! Patuhi arahan.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tak perlu saya drama sini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tapah duduk, Yang Berhormat Tapah duduk.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Janganlah. Politik tak habis-habis. Ini *politicking*.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Kalau saya nak tolong, saya bincang dengan Menteri Besar Pahang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat Tapah dan Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Sila duduk. Sekarang adalah waktu jawapan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri pun baru mula dengan mukadimah. Biar Yang Berhormat Menteri jawab dulu. Semasa pertengahan jalan, baru minta pencelahan. Sila.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman dan juga sahabat saya daripada Jelutong. Kita sebenarnya punya tanggungjawab. Semua tahu, kalau salah pendekatan, Cameron Highlands juga akan jadi satu *time bomb* macam Sungai Kim Kim juga. Jadi ada tanggungjawab *federal* dan ada tanggungjawab *state government* yang mesti mengambil tanggungjawab.

#### ■1640

Tentang nasib mereka petani-petani itu, saya juga ditemui dan saya akan mengambil satu komitmen untuk menyelesaikan, yang mana boleh diselesaikan oleh *Federal* kita selesaikan bersama, yang mana bidang kuasa negeri, kita akan serahkan pada pihak negeri. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong kerana memberikan isu itu. Saya terus kepada..

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tentang Cameron Highlands.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong, biar Menteri jawab dulu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya hendak tanya dari segi dasar kementerian, polisi kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nantilah, belum mula lagi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terus tanya fasal sudah jawab tadi. Dari segi polisi kementerian, adakah menyokong petani yang mengerjakan secara haram di tanah kerajaan, dari segi polisinya.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Polisi biasanya dalam mana-mana kerajaan apa yang termaktub dalam Perlembagaan, peraturan mesti dipatuhi tetapi mesti ada *discretion*. Mana-mana undang-undang ada *discretion*. Perlembagaan pun boleh dipinda, peraturan mana yang tidak boleh dipinda? Demi rakyat, saya rasa ada yang kita perlu tegas dan ada perkara yang kita perlu ambil tindakan dan ada perkara yang boleh kita gunakan kuasa-kuasa Menteri untuk kita mengambil satu keputusan.

Jadi saya sudah sebut tadi, yang mana di bawah komitmen di bawah Kementerian Pertanian akan saya ambil tanggungjawab penuh, yang masalah negeri kita akan rujuk kepada negeri, yang salah tetap salah tetapi untuk kemanusiaan ini, banyak ruang yang kita boleh buka budi bicara. Itu kita lihat sebagai spesifik Yang Berhormat Bera yang saya rasa juga pernah menjawat Menteri yang menggunakan kuasa-kuasa Menteri untuk kita membuat *discretion*.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sedikit saja Yang Berhormat Menteri. Sedikit atas isu yang sama. Kita lihat bahawa tindakan yang diambil ini adalah oleh kerajaan Pahang dan Menteri Besar yang terlibat sendiri tanpa membuat soal selidik telah mengarahkan supaya semua ladang-ladang ini dimusnahkan. *[Dewan riuh]*

Saya berterima kasih kepada Menteri yang telah memberikan komitmen tetapi kita lihat bahawa wakil rakyat daripada Cameron Highlands ataupun satu-satunya wakil rakyat daripada Barisan Nasional, Yang Berhormat Tapah yang mewakili kaum India tidak menyuarakan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mereka menghadapi masalah di Cameron Highlands.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah Yang Berhormat Jelutong. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Sekiranya hendak berucap saya sukacita ingatkan. *[Disampuk]* Ya, Yang Berhormat Tapah sekarang saya tengah ingatkan, minta kebenaran dulu untuk berucap. Saya tidak hendak terlalu banyak pencelahan yang berulang-ulang mengakibatkan Menteri tidak mampu ataupun tidak sempat hendak menjawab, rakyat hendak tahu. Boleh kita dapat kerjasama kedua-dua belah pihak? Sila.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yang Berhormat Jelutong hendak membangkitkan isu untuk masyarakat India, hak dia.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ya betul sebab itu saya sudah jemput Yang Berhormat Jelutong untuk duduk. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada penerusan tentang isu keselamatan makanan ini dan sekali lagi saya meyakinkan bahawa semua Yang Berhormat yang berbahas sama ada di pihak sini ataupun di pihak sebelah sana inginkan sektor ini ataupun pertanian ini menjadi satu sektor yang mampu berdaya saing dan memastikan keselamatan makanan kita terjamin.

Oleh itu, saya akan terus untuk berlari ke hadapan untuk memastikan dasar negara mengenai pertanian harus seimbang. Dasar negara mengenai pertanian mestilah selari dengan hasrat kita bersama. Kita tidak mahu lagi menjadi sebuah negara industri yang mengesampingkan bidang pertanian. Oleh itu sekiranya kita mahu menjadi contoh negara-negara maju yang maju dari segi industrinya tetapi pertanian berdiri sama tinggi oleh itu kita harus sama-sama berjuang supaya dasar-dasar mengenai percukaian, dasar-dasar mengenai tanah walaupun itu di bidang kuasa negeri.

Sebagai contoh, saya minta negeri seperti Kedah, Kelantan, Terengganu dan negeri Perak supaya mewartakan jelapang-jelapang padi kita untuk masa depan kita kerana sekiranya perkara-perkara dasar begini tidak selesai, maka kita akan menghadapi masalah keselamatan makanan yang saya rasa akan menjejaskan harapan kita bersama. Ya, bekas Menteri Besar.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Yang Berhormat Menteri, untuk mewartakan kawasan-kawasan tanah pertanian ini saya ingat ada satu masalah. Ini antara negeri dan Persekutuan lah contohnya di Kedah, ada kawasan tanaman padi lebih kurang yang dalam kawasan MADA 250,000 ekar. Ada empangan yang didirikan dan lepas itu ada sistem pengairan *irrigation system* yang dibuat. Empangan Muda misalnya, telah dapat membekalkan air pada tahun 1969, tahun ini sudah 50 tahun empangan itu.

Jadi kerajaan negeri daripada zaman Barisan Nasional dulu sampailah satu masa PAS menjadi kerajaan satu penggal dan sekarang ini Kerajaan Pakatan Harapan ada permohonan daripada negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Cuma saya hendak mintak Yang Berhormat Menteri boleh jawab di sini ataupun kemudian iaitu adakah peruntukan yang dapat diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri ini bila kawasan itu, kawasan yang tidak boleh buat apa-apalah. Kalau *you* kata gazet ini maknanya tidak boleh buat perumahan, tidak boleh buat rumah kedai, jadi tanah itu semata-mata untuk pertanian.

Akan tetapi sekarang ini *convert* untuk kawasan perumahan banyak. Jadi adakah Kerajaan Persekutuan, dulu tidak lulus, memang Kerajaan Persekutuan tidak pernah lulus pun kepada kerajaan negeri. Apabila ada permohonan untuk kawasan gazet ini maknanya tiap-tiap tahun kena bagi satu *allocation* kepada kerajaan negeri. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan benda itu?

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas Menteri Besar, saya menghormati pandangan itu dan *actually* dengan izin *we are the same page*. Apabila kita mahu dan punya iltizam untuk menjamin keselamatan makanan negara, padi hendak tanam di mana? Padi tidak boleh ditanam di tempat-tempat yang lain dan tidak semua kawasan tanah sesuai.

Kalau misalnya contoh Kedah, kita tidak boleh hendak mengekalkan *mindset* petani miskin, petani ini golongan yang *low class*. Kalau Kedah contohnya atau Utara Perak sebagai contohnya mahu kita *secure*, mahu kita pastikan menanam padi maka di peringkat polisi saya yakin kita boleh bergerak ke atas, Kerajaan Federal mesti ambil tanggungjawab. Jadi jangan impikanlah sebagai contoh Kedah untuk menjadi negeri industri. Sebahagiannya mesti diwartakan untuk tanah pertanian, untuk sawah padi kita.

Jadi sama ada idea kita ini akan menjadi satu kenyataan tapi sebagai Menteri Pertanian pada hari ini itulah iltizam saya supaya negeri yang memang fokus menanam padi ini harus kita berikan segala kelengkapan, bantuan, insentif dan apa sahaja oleh pihak kerajaan. Kerajaan negeri yang mempunyai bidang kuasa, *jurisdiction* dengan izin untukewartakan tanah, saya rasa itu boleh kita bincang bersama sebab ada mesyuarat berkala antara Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang semua MB atau CM hadir termasuk Menteri Pertanian yang menjadi anggota tetap. Jadi itu boleh kita bincang bersama pada masa akan datang.

Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kubang Kerian..

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, sebelum jawab isu lain, isu *food security* ataupun keselamatan makanan. Kalau kita lihat isu keselamatan makanan bukan setakat makanan itu mencukupi tetapi juga makanan itu mampu dimiliki. Bermakna tidak sepatutnya fokus kepada *self-sufficient, substantial level* semata-mata untuk mencukupi tetapi juga dari segi harga kerana walaupun makanan mencukupi tetapi kerana harga terlampau tinggi dan tidak mampu dimiliki ia juga menjejaskan dari segi isu keselamatan makanan.

Jadi soalan saya, setakat mana tindakan Kementerian Pertanian sama ada bekerjasama dengan KPDNHEP dan sebagainya bagi memastikan harga makanan tidak terlalu sehingga tidak mampu dimiliki.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih rakan saya. Kita berkongsi pengalaman. Kita menjadi Menteri Pertanian, berusaha memberikan peruntukan kerajaan untuk petani kita hidup senang, tingkatkan produktiviti. Akan tetapi kementerian di sebelah kita, hal ehwal pengguna juga menjaga pengguna dan rakyat.

#### ■1650

Jadi kita kadang-kadang macam *seesaw*. Kadang-kadang, *conflict of interest*. Kadang-kadang kita berbahas tentang perkara ini. Kita hendak petani menjual harga padi, harga ikan dengan harga yang munasabah. Akan tetapi, rakyat juga mesti beli barangan juga dengan harga yang berpatutan. Oleh itu, saya, *I'm agree with you*, dengan izin, bahawa bukan sahaja *security, accessibility, affordability* dan juga dari segi *safety* itu, harus juga diperhitungkan.

Saya bagi contoh, kita dalam rangka untuk *break monopoly* BERNAS. Di peringkat cadangan, kenapa tidak kita angkat syiling harga beras putih tempatan, supaya dia boleh *move*, kita letakkan syiling untuk beras import. Akan tetapi, itu masih lagi dalam perbahasan untuk kita mengemukakan satu modal baharu untuk kita gantikan BERNAS.

Akan tetapi, kepentingan petani harus dipelihara kerana kita pernah jadi Yang Berhormat Menteri Pertanian. Akan tetapi, di sebelah sini pula harus juga memerhatikan rakyat juga dapat membeli harga makanan ruji ini dengan harga berpatutan. Jadi, ini saya rasa *collaboration* itu harus berlaku, tetapi yang penting bagi kita adalah rakyat mesti *benefit*, pesawah mesti *benefit*. Petani kita mesti mendapat keuntungan daripada apa juga polisi yang kita lakukan pada hari ini.

Oleh itu Yang Berhormat, terima kasih di atas ingatan itu, saya ambil perhatian. Kemudian Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Batang Lupar, Yang Berhormat Petaling Jaya.

Terima kasih walaupun di bandar pun, menyebut tentang mungkin kita *concern* tentang *urban farming*. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Mas Gading, Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Saratok dan Yang Berhormat Kinabatangan yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Pasir Salak tak masuk...?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak masuk?... [*Dewan Ketawa*]. Mana boleh tidak masuk. Masuk.

**Tuan Haji Salahuddin bin Ayub:** [*Ketawa*] Tidak ada nama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri kata tidak ada tidak ada lah. Sila, jangan bazir masa.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ada, *check* betul-betul. Saya cakap fasal koridor utara antara lain adalah untuk membangunkan ekonomi petani-petani di sana. Bukankah itu termasuk?

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Yes, tapi tidak termasuk dalam perbahasan dalam bidang pertanian.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Petani! Masalah petani! Kebangkitan petani... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang penting Yang Berhormat Menteri jawab, selesaikan menjawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya tunggu sahaja masa sesuai hendak masuk.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Saya ada *discretion*, *insya-Allah*.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, saya tunggu *the right time to* tembak... [*Dewan ketawa*]

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Saya juga ada masa untuk beri penjelasan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah sedikit? Bagan Serai.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Saya tidak bergerak lagi ini.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Oh! Tidak bergerak lagi? Baru sebut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai, biar Yang Berhormat Menteri jawab dahulu, baru minta pencerahan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Isu pengurangan bantuan baja dan elaun sara hidup nelayan kepada petani, pesawah dan nelayan yang mengaitkan dengan pengurangan peruntukan pembangunan dari kementerian ini.

Ini makluman Yang Berhormat, saya telah berjanji dalam Dewan yang mulia ini pada masa sesi Bajet, walaupun kita mengalami kekurangan, tetapi kerajaan ada cara, *we have many ways* untuk kita mengatasi isu-isu ataupun masalah yang berlaku. Dengan iltizam kita untuk menyelamatkan petani dan kepentingan mereka, kita sebagai Yang Berhormat Menteri kita boleh guna mana-mana peruntukan dahulu, di samping kita mohon kepada Kementerian Kewangan.

Sebagai contoh dan boleh kita terus berjuang dalam bajet tambahan untuk kita pastikan ketidakcukupan itu kita sempurnakan sebab kita tidak lengah apabila kita melihat tentang kekurangan itu. Yang penting, padi, tanaman harus tumbuh dengan subur dan bekalan baja, racun dan seumpamanya segala *equipment* ini menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memenuhinya.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Sebagai contoh, saya habiskan. Sebagai contoh untuk bajet tambahan, SIPP yang tidak masuk sebenarnya yang dibimbangi oleh Yang Berhormat di sebelah sana. Saya faham. Macam Yang Berhormat Pasir Salak, kawasannya banyak sawah dan Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya mengambil maklum dan saya telah meminta supaya baja ini dihantar dan kita menghulurkan peruntukan sedia ada sebanyak RM62 juta dan kita telah hantar hampir ke seluruh kawasan yang memerlukan. Sila, Yang Berhormat Setiu dahulu, selepas itu Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, saya menerima aduan daripada para petani mengatakan bahawa kelewatan mereka menerima baja. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa pembentangan bajet tempoh hari, ada kekurangan hampir RM1 bilion dan untuk pesawah ada lebih kurang RM200 *million* dan juga

untuk harga padi, RM200 *million*. Semua sekali hampir satu bilion kita kira, termasuk pesawah padi bukit yang banyak di Sarawak dan di Sabah. Yang Berhormat Menteri telah berjanji untuk mendapatkan bajet tambahan, *supplementary budget*. Adakah ini masih lagi jadi satu janji yang boleh kita harapkan untuk diperolehi? Terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiu, baja telah dihantar. Kalau lewat itu tidak mengapa saya minta maaf kalau berlaku kelewatan. Akan tetapi, setakat hari ini saya telah pastikan semua tempat telah mendapat bekalan yang secukupnya.

Untuk Yang Berhormat Pasir Salak, saya ada sebut tadi, kebimbangan kita semua bulan 11 semasa Bajet- tidak cukup tetapi saya berjanji saya akan berusaha dan *alhamdulillah* kita dapat. Untuk padi bukit memang *zero*, mereka perlukan RM70 juta dan untuk bajet tambahan saya telah meminta pegawai-pegawai untuk mengadakan perundingan dan positif. Saya memberikan jaminan *insya-Allah*, mereka mendapat bekalan yang secukupnya. Itu janji yang telah kita berikan dan kita berikan satu komitmen.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Antaranya Yang Berhormat, bantuan yang kita beri dahulu dalam tempoh tiga bulan sebelum pesawah dapat menuai. Kita beri tiap-tiap bulan lebih kurang RM200, tiga bulan RM600. Saya difahamkan bantuan itu sudah ditiadakan. Macam mana, boleh dikembalikan atau tidak? Sebab ini penting juga.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Kita telah menukarnya di peringkat *output*. Selagi banyak mereka tuai, mereka hasilkan kita bagi pada RM300 tambah RM60. Ini cara kita menggalakkan. Kita tukar caralah Yang Berhormat, bukan tinda. Kadang-kadang dalam mendidik anak ataupun mendidik pegawai-pegawai kita, kita ada kadang-kadang menukar pendekatan. Jadi kita tambah RM60 itu, lagi banyak mereka tuai, mereka jual lagi banyak mereka dapat. Akan tetapi, untuk yang *basic* saya telah beri komitmen, ia mencukupi dan akan saya terus pastikan sampai kepada golongan sasaran kita.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Kemudian saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih sebab oleh Tanjong Karang tadi. Ini mengenai peruntukan, sudah sebut petani, nelayan termasuk itu nelayanlah. Apa jaminan kementerian hendak terus bagi elaun nelayan ke RM300? Dahulu memanglah bermula RM200, sekarang ini RM300.

Dahulu RM300 sekarang tinggal RM200. Kalau kata sebab bajet, mengapa kerajaan boleh beri RM100 kepada golongan belia di bawah Program BSH? Dapat duit daripada mana itu? Adakah duit itu dirompak daripada duit elaun nelayan ini tadi? Nelayan dapat RM300, tinggal RM200, kurang RM100.

Kemudian Yang Berhormat kata ya lah, sebab RM100 itu datang daripada mana? Yang Berhormat kata bajet tambahan, saya tengok bajet yang dibentangkan dalam ini yang dibentangkan di atas meja ini... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]* Iaitu Bajet Anggaran



Perbelanjaan Tambahan 2018 yang pertama ini. Saya tak tahulah, saya tengok tidak ada pula Kementerian Pertanian, yang ada untuk ternakan biri-biri sahaja. Jadi jaminan apa yang Yang Berhormat boleh beritahu? Bila agak-agaknya nelayan ini boleh mendapat kembali RM300, itu yang pertama.

Kedua, polisi yang Yang Berhormat kata tadi, apakah dengan polisi yang baharu ini untuk mengatasi masalah orang tengah. Kajian baru dibuat, ikan jual, nelayan dapat RM6. Jual di pasar dia boleh jadi sampai RM20. Apakah polisi baharu untuk mengatasi masalah memerangi orang tengah? Ketiga mengenai *urban farming*. Memang kita mulakan dahulu, tetapi Yang Berhormat Menteri KPKT ada di sini.

Saya baca kenyataan Yang Berhormat Menteri KPKT, "*Kalau hendak buat urban farming, kena minta kelulusan daripada PBT pula, baru dibenarkan buat urban farming*". Jadi macam mana hendak buat *urban farming*? Kalau hendak tanam pertanian di kawasan perumahan, dalam kawasan perbandaran kena minta kebenaran PBT. Adakah betul kena minta kebenaran PBT untuk buat *urban farming* ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### ■1700

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih, saya rasa Yang Berhormat pun ada jasa sebagai Menteri Pertanian dahulu. Kita banyak tolong nelayan, untuk orang tengah. *Alhamdulillah*, saya mendapat dan sempat membaca apa yang pernah dilakukan dengan penuh serius dan tanggungjawab oleh Yang Berhormat Bera sewaktu menjadi Menteri Pertanian. Jihad memerangi orang tengah. *The most bold action has been taken*, jihad. Saya ucap terima kasih, ada berjaya dan ada yang masih tidak berjaya. MARDI yang membuat satu yang *conclude* usaha ini, saya juga berkongsi kegembiraan dan apa yang kurang akan saya tambah.

Menyentuh dengan itu, Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya- cuba kita fikir bersama. Pemborong kita beri lesen, nelayan ke laut kita beri Lesen 'A', 'B', 'C1', 'C2', kita lesenkan, peruncit kita lesenkan. Jadi, mesti ada tempat, pasar mana. Orang tengah kita lesenkan. So, cuba kita fikir bersama macam mana kita boleh *engage* dengan mereka, jumpa dengan mereka. Tidak akan tidak boleh kenal taikun-taikun ini? Kartel-kartel ikan ini? Kita kenal, bukan tidak kenal. Mungkin sebab baik dengan Yang Berhormat Pasir Salak, mungkin.

Contohnya, jadi kita harus *engage* dengan mereka dan kenapa kita tidak *regulate*? Jadi, bila kita *regulate*, kita boleh pegang mereka, kerajaan boleh pegang mereka dan mereka akan ada tanggungjawab. Di situlah kemungkinan ini baru ideal sebab 60 tahun tidak pernah selesai isu orang tengah. Saya kaji juga mana-mana negara, tidak boleh selesaikan isu orang tengah, kecuali kerajaan *engage* mereka semaksimum mungkin. Dalam laporan ini ada orang tengah yang baik, *to be fair*, yang memberikan pinjaman, kadang-kadang tidak ada *percent* pun, hendak tolong orang Melayu, hendak tolong orang Cina, orang Cina pun tolong kaum mereka dengan-ada yang menindas.

Ini yang kita tidak boleh kawal, *so why not we regulate*? Akan tetapi bukan mudah, ia perlu kepada satu *concerted effort*, dengan izin, untuk kita- mungkin dengan KDN, dengan Hal

Ehwal Pengguna dan juga dengan kementerian lain untuk kita *collaborate*, bincang betul-betul, kita hadam dan mungkin kita boleh *regulate* orang tengah ini untuk kita selesaikan masalah isu orang tengah. Tentang *urban farming*, mestilah...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya harap kalau boleh Yang Berhormat Menteri teruskan jihad memerangi orang tengah itu. Walaupun kita berbeza dari segi parti tetapi tanggungjawab kita dan peranan kita, saya harap kita sama iaitu untuk membantu nelayan dan petani-petani yang lain.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Saya rasa itu sikap Pakatan Harapan, yang baik kita teruskan, yang tidak baik, kita jadikan sempadan. Saya rasa itu *fair*, mana-mana polisi pun tidak semua tinggal. *Republican* kemudian...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sempadan jangan diubah.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Kemudian *Labour party*, kemudian *Conservative*. Ada benda yang mereka tukar, mereka perlu buat pendekatan baharu. Ada yang *fundamental*, yang demi rakyat yang kita kena kekalkan, itu tiada masalah. Tentang *urban farming*, saya rasa kita cadang hospital sebagai contoh.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan orang tengah tadi?

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Sekejap. Saya habiskan dahulu.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Dah tukar tajuk lain ini. Berkaitan dengan orang tengah.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tentang *urban farming*, hospital sebagai contoh, balai bomba, balai polis, bangunan-bangunan kerajaan dan juga taman-taman perumahan, kondominium mewah. Kita sudah lihat dalam lawatan-lawatan kita bahawa boleh buat *vertical farming* ini ataupun kita boleh buat *urban farming* ini. Akan tetapi mestilah maknanya kita mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Perumahan. Oleh sebab kita hendak tanam tempat orang. Jadi, kita harus ada *collaboration*.

Akan tetapi itu bukan halangan untuk kita buat. Jadi, *collaboration*, perbincangan dalam Kabinet, boleh buat MJM, tiada masalah, kalau itu perlu keputusan. Yang Berhormat pun pernah jadi Menteri. Jadi, itu bukan halangan untuk kita membuat *urban farming* ini atau *vertical farming* ini di bandar-bandar supaya kita dapat mempertingkatkan produktiviti kita dalam bidang-bidang tertentu dalam sektor pertanian.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Kemudian Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Cuba untuk ringkaskan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya, ringkas. Berkenaan dengan *urban farming*, di Lembah Pantai pun kami ada usahakan *urban farming*. Akan tetapi bukan secara *vertical* tetapi mendatar menggunakan kawasan-kawasan dengan kelulusan pihak seperti JPS dan juga TNB di kawasan rintis dan sebagainya. Soalan saya, adakah pihak kementerian boleh mempertimbangkan insentif kepada sama ada komuniti persatuan penduduk, NGO dan sebagainya, boleh membincang dengan Menteri Kewangan untuk memberi sebagai contoh, pelepasan cukai ataupun insentif-insentif lain geran dan sebagainya untuk meningkatkan usaha *urban farming* seperti ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk pada perbahasan saya pada hari itu, saya menyentuh soal bagaimana kita hendak bantu petani-petani yang khususnya pesawah-pesawah yang saya hendak sebut di Parlimen Bagan Serai. Pengairan padi merupakan salah satu faktor penting untuk pendapatan, *yield* yang tinggi. Pengairan di Bagan Serai disediakan di Tasik Bukit Merah yang dikongsi untuk *domestic* dan *industry use* di Daerah Kerian, Parlimen Bagan Serai, Seberang Parit Selatan dan juga di Kemuning. Kadang-kadang berlaku kemarau, kadang-kadang berlaku banjir dan kadang-kadang air memang tidak cukup untuk pengairan.

Jadi, ada cadangan dahulu tahun lepas, berkenaan dengan mewujudkan pemindahan air daripada Ulu Sungai Perak ke Tasik Bukit Merah. Dengan ini diharapkan pengairan akan jadi lebih baik dan akhirnya pendapatan petani-petani menjadi lebih baik dan kita dapat menggembirakan semua orang dengan pendapatan lebih baik. Jadi, saya harap cadangan ini sudah banyak kali saya sebut dalam Dewan ini, saya harap mendapat perhatian kali ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai, saya sebut dahulu, kemudian Yang Berhormat Lembah Pantai. Memang saya telah mendapat maklumat tentang perkara itu dan kita sedang kolaborasi antara dua kementerian ini iaitu Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Air. Sebahagiannya di bawah bidang kuasa pertanian dan sebahagian di bawah bidang kuasa JPS.

Jadi, itu akan kita majukan. Saya pun prihatin, terutamanya di musim-musim kemarau begini, bagaimana *contingency plan* sedang kita laksanakan. Saya rasa sampai masanya semua *dam* kita ini ataupun pengairan kita ini harus dilihat semula tentang peranannya. Kita harus struktur kembali tentang bagaimana saluran ataupun teknologi pengairan air ini dapat kita pertingkatkan pada masa-masa yang akan datang. Jadi, saya ambil perhatian tentang perkara itu.

Tentang Yang Berhormat Lembah Pantai, saya juga ucap terima kasih. Kementerian ada bajet, kita ada bajet tentang *urban farming* ini. Saya akan- sekiranya Yang Berhormat berminat, boleh berhubung dengan saya sendiri ataupun dengan pegawai-pegawai kita dan tetapkan lokasi kita untuk kita mewujudkan lebih banyak *urban farming* ini di bandar-bandar dalam negara kita, *insya-Allah*. Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik, sikit ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soal disebut tadi pembahagian baja subsidi ini. Saya ingin menyentuh soal yang melibatkan penggunaan racun dan juga bahan kimia yang sangat-sangat ketara dalam pertanian kita. Jadi, saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian hendak mempunyai satu pelan yang jangka panjang untuk pertanian organik bagi dikembangkan lagi? Khususnya kalaulah kata tadi, Yang Berhormat Menteri menyebut akan ada bajet tambahan. Adakah ada juga untuk kita kembangkan insentif kepada pertanian organik yang dapat dikurangkan penggunaan kimia dan racun dalam pertanian kita? Terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Yang Berhormat Setiu, dalam hala tuju pertama yang...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik. Sik. Bukan Setiu.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Yang Berhormat Sik. Saya *confuse*, muka macam sama, duduk pun sebelah-sebelah. Yang Berhormat Sik, saya sangat berminat soalan itu. Oleh kerana ia termasuk dalam hala tuju pertama saya untuk Kementerian MOA untuk memodenkan semua sektor dalam pertanian kita. Antara pelan jangka panjang adalah tentang *precision farming*. Kita akan melaksanakan satu program mengikut ketepatan kita kepada jenis tanaman dan juga spesifik tentang baja yang betul.

#### ■1710

Kita dalam satu situasi untuk kita bergerak secara beransur-ansur daripada bergantung sepenuhnya kepada baja *chemical* ini kepada baja mikrob, contohnya yang telah teruji di mana jenis baja ini bukan sahaja memberikan kesuburan kepada tanaman tetapi kajian menunjukkan bahawa ia boleh melaksanakan *soil profiling*. Ia boleh menyuburkan tanah, ia boleh profilkan balik tanah itu. Jadi, ia perlu bajet. Ia perlu dilaksanakan sebab itu saya sebutkan di awal tadi, polisi negara tentang pertanian ini mesti seimbang.

Kalau kita mahu kemajuan maka *certain amount*, bajet yang cukup akan saya pastikan untuk kita laksanakan program ini. Oleh sebab, baja mikrob ini sebagai contoh, organik, memang berkesan. Macam pagi tadi, saya mengadakan pertemuan dengan Duta Negara Uzbekistan dan dia mendapati seluruh negara itu telah betul-betul menggunakan tanaman yang berasaskan organik dan baja mikrob. Jadi, untuk masa depan, saya rasa, *precision farming* ini akan menjadi satu polisi baharu, hala tuju baharu bagi kementerian ini untuk kita pastikan kita beralih sepenuhnya nanti satu ketika kepada *organic farming* ataupun kepada *recision farming* ini. Ini supaya semua tanaman kita akan mendapat satu hasil yang selamat, bukan sahaja *food security*, tetapi *food safety*, dengan izin... [Disampuk] Lagi?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya bertanya sikit tentang baja ini? Dalam sesi yang lepas, Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa bekalan baja ini tidak lagi dibuat secara terus kepada NAFAS? Dulu kita berikan *direct nego* kepada NAFAS untuk membantu NAFAS yang mempunyai keahlian seramai hampir 800,000 orang, kalau tidak silap. *The benefits goes to 800,000 farmers* kalau kita bagi.

Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan perbekalan baja ini atau *procurement* ini akan dibuat secara *open tender*. Jadi, sudah berlalu hampir satu tahun. *What had happened?* Apa yang telah terjadi? Itu satu.

Kedua, setakat ini Yang Berhormat Menteri bercakap soal *production*, penanaman dan pengeluaran hasil pertanian. Saya kira, minta pandangan Yang Berhormat Menteri, saya rasa setakat untuk meningkatkan *production* dari segi *volume*, dari segi aktiviti, tidak pergi ke mana-mana untuk meningkatkan ekonomi petani.

Kita kena fikir strategi yang lain. Antara yang ingin saya cadangkan ialah keusahawanan pihak petani seperti memproses hasil-hasil pertanian mereka yang boleh kita eksport ke luar negara. Eksport ke luar negara yang begitu besar pasarnya, kalau kita boleh lakukan, ia boleh memberikan keuntungan yang besar kepada petani-petani kita dan dengan cara itu kita akan dapat mengangkat kedudukan ekonomi petani kepada tahap negara maju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tadi, saya ada bangkitkan tentang nelayan, Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Saya hendak tanya, elaun RM200 sampai bila nelayan akan dapat balik RM300? Itu saya mahu dapatkan kepastian.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih saya jawab Yang Berhormat Tanjong Karang dulu takut terlupa nanti. Yang Berhormat Tanjong Karang, saya Yang Berhormat Menteri yang berterus terang. Saya mengambil alih kerajaan, tidak mahu cerita yang lama. Kita mengambil langkah berjimat cermat. Bajet yang ada setakat itu. Pada waktu itu, kita memberikan nelayan ini daripada RM300 ke RM150, asalnya. Saya tidak boleh tidur malam, saya memperjuangkan isu ini dan *alhamdulillah* tambah RM50, dapat RM200.

Saya beritahu kepada nelayan semua, inilah yang ada pada hari ini. Terimalah dahulu. *Insyallah* untuk tahun hadapan, kita pastikan kita kembalikan paling kurang pun RM300. Itu komitmen yang kita berikan. Cara macam mana? Yang Berhormat Tanjong Karang fahamlah, banyak cara dalam kerajaan yang saya boleh perjuangkan, *insyallah*.

Untuk Yang Berhormat Pasir Salak, saya setuju tadi supaya...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang Berhormat Menteri jawab Yang Berhormat Pasir Salak dulu.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak ini bagus ya. Hendakkan supaya kita punya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Eh! Baru tahu kali ini kah kita bagus?

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Semalam tidak bagus, selama hari ini itu kurang bagus. Hari ini bagus. *[Ketawa]* Kawan lama saya, kita banyak bergurau. Saya rasa bila betul, saya setuju. Untuk kita mementingkan produktiviti ini, kita mesti kayakan petani ini. Akan tetapi, sampai sekarang ini, nelayan kita miskin, pesawah kita miskin. *What is our way forward?* Saya

setuju. Dengan iltizam yang kuat, pertama, *good governance*, tidak tiris. Itu kita cuba, saya tidak kata kita *100 percent* bagus. Kita cuba sekarang ini untuk *good governance*.

Yang Berhormat Pasir Salak, *in terms of productivity*, empat faktor penting iaitu *government intervention*, kena ada polisi yang jelas daripada kerajaan. Jelas, kita boleh jalan.

Kedua, mesti *invite private sector*, itu penting. Bukan semua tidak baik, ada yang baik.

Ketiga, bila *private sector* masuk, ia boleh suburkan, dia boleh buat *small medium entrepreneur* (SME) untuk *grow*. Bila *grow*, *small suppliers* akan naik menjadi SME. Ini cara kita untuk meningkatkan pendapatan mereka dan *insya-Allah* dengan pelbagai usaha yang sedang kami lakukan, berbekalkan kepada pengalaman masa lalu, *a way forward*, saya yakin kita boleh bergerak walaupun mungkin tidak drastik.

Oleh sebab, semua faham, satu polisi yang hendak kita buat, satu penggal, dua penggal, ia memakan masa untuk kita menuai hasilnya. Jadi, doakan bersama-sama Yang Berhormat Pasir Salak supaya apa yang kita buat pada hari ini petani-petani kita akan mendapatkan manfaat...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Satu penggal cukuplah.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Bagi kami semua penggal.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sepenggal sudah.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Seumur hidup.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu. Saya takut tidak sempat mahu jawab, sebab ada lagi lima minit.

Pertama sekali saya hendak memuji Yang Berhormat Menteri Pertanian di atas cara jawab bagus. Saya merasa sangat terharu dan rasa mahu menangis bila Yang Berhormat Menteri sebut tidak dapat tidur malam memikirkan nasib nelayan kita, hendak menangis saya rasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti saya bagi *tissue paper* ya.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya, ya. Tidak ada tisu dekat sini. Jadi, saya ada bertanya tentang masalah nelayan di Terengganu berhubung dengan lesen sementara. Lesen pukut tunda sementara yang biasanya musim tengkujuh pada tiap-tiap tahun dapat. Saya minta dibezakan antara lesen pukut tunda sementara untuk udang, tidak sama dengan lesen pukut tunda yang dimaksudkan merosakkan ekosistem.

Selain daripada itu, saya mahu menyebut tentang masalah besar yang selalu saya sebutkan berkait dengan masalah pencerobohan nelayan-nelayan Vietnam yang masih berterusan di dalam jumlah yang besar sehingga menakutkan nelayan kita. Saya juga ingin bertanya, sebab di Kuala Terengganu di jeti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), setiap kali mereka buat tangkapan, jadi semakin banyak kapal-kapal nelayan Vietnam yang dirampas ini yang saya tengok sebahagiannya dalam kondisi yang baik dan sebagainya. Saya tidak tahu sama ada adakah kita ada polisi yang mana boleh dimanfaatkan kapal-kapal yang pada saya sebahagiannya sangat canggih dan sangat bagus. Terima kasih.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Tuan Yang di-Pertua, Alor Setar minta, bukan mahu celah, saya mahu minta bahawa pihak Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua bila

uruskan masa untuk penggulungan ini, kita bukan sesi soal jawab. Kita yang bahas ini sudah separuh masa kita sudah bahas tentang pertanian oleh sebab Yang Berhormat Menteri kena jawab soalan-soalan yang dibangkitkan sekarang, maka kita tidak dapat masa untuk mendapatkan jawapan. Maka kalau begini, lain kali tidak payahlah kita bahas di dalam isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Sebab itu pagi ini Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Soalan yang saya tanya berkait dengan perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Pagi ini saya sudah nasihatkan kepada Yang Berhormat Menteri KPKT, di mana berikan keutamaan kepada isu-isu yang telah dibahaskan sewaktu perbahasan. Bukannya di sini, ditimbulkan isu baharu yang tidak pernah dibahaskan. Ini kerana masa memang terhad. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua pun amat prihatin dengan kebajikan petani dan juga nelayan, saya bagi lima minit tambahan lagi. Sila.

#### ■1720

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih yang memberikan pandangan termasuk Yang Berhormat Alor Setar. Tentang NAFAS, nelayan tadi hendak NAFAS tadi. Yang Berhormat kena faham ya, NAFAS baru sahaja dipulihkan, enam bulan digantung dan kemudian sekarang telah pun di struktur kembali. Sebab mengapa datang arahan untuk *open tender* itu disebabkan oleh berlakunya *misdoing* yang dahulu. Jadi saya mengambil tanggungjawab, padi sudah tanam, pesawah sudah turun ke bendang, hendak *open tender*, kita hendak buka balik memang mengambil masa. Jadi, saya telah pun berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya untuk tahun ini masih lagi dibekalkan oleh NAFAS. Akan tetapi NAFAS jangan *complacent* lah.

Saya sudah pesan dengan pengerusi baharu. Jangan, *fourth decade* mereka bergantung kepada baja sahaja. Saya tidak hendak kata apa mereka sudah buat tetapi jangan yang baru ini hanya bergantung kepada NAFAS. *You should create* dan *alhamdulillah* mereka sudah ada hala tuju yang baru, sudah masuk bidang poultry, mereka akan masuk dalam bidang ruminan, perladangan, *trading*, *alhamdulillah* tetapi kejayaannya masih belum nampak lagi tetapi ada cara. Jadi, jangan bimbang saya akan terus memantau NAFAS ini.

Tentang Yang Berhormat Kuala Terengganu, lesen itu memang kita berikan pada musim tengkujuh mengambil kira nelayan kita yang pada waktu itu laut bergelora, mereka pergi ke pantai untuk memukat udang yang tidak memusnahkan ekosistem dan ini kekal untuk kita berikan tetapi sementara, sepanjang musim tengkujuh.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tahun ini tidak ada, tahun ini tidak dikeluarkan?

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Saya rasa dalam mesyuarat *post-Cab...*

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tahun ini tidak ada dikeluarkan.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** ...Yang lepas saya pengerusi, kita sudah luluskan. Kalau ada spesifik kes...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ada tangkapan kerana itu.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tidak apa.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Baru-baru ini di Setiu ada tangkapan penggunaan pukot tunda untuk pukot udang ini. Saya dimaklumkan bahawa pukot mereka dirampas.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tidak apa. Laporkan kepada saya, mungkin kita bagi pukot udang, mungkin mereka menggunakan pukot lain. Itu mungkin ada kes. Akan tetapi setahu yang saya ingat, mungkin pegawai saya boleh ambil tindakan bahawa saya telah mempengerusikan mesyuarat itu dan kita beri lesen itu tetapi hanya pada musim tengkujuh. Yang ada kes itu spesifik, tulis kepada saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, untuk adil kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu dalam perbahasan, masa yang tinggal fokus kepada, jawapannya kepada isu-isu itu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya pun membangkitkan isu berkenaan pukot tunda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Mana-mana yang dalam perbahasan...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Dalam perbahasan saya, saya membangkitkan isu pukot tunda. Salah satu isu besar yang dihadapi oleh nelayan adalah terutamanya nelayan zon A, nelayan pesisir pantai adalah pukot tunda. Nelayan pukot tunda ini. Pencerobohan pukot tunda bukan sahaja daripada nelayan luar negara yang menggunakan pukot banding dan sebagainya yang merosakkan bubu mereka, jaring dan sebagainya tetapi juga merosakkan anak ikan, merosakkan *coral* dan sebagainya.

Sewaktu kita memerintah dahulu, kita telah pun membuat polisi untuk mengharamkan pukot tunda daripada zon 'B' supaya tidak menceroboh ke zon A tetapi perkara itu telah pun ditunda. Jadi, kepada Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Menteri akan meneruskan pengharaman pukot tunda di zon 'B' supaya tidak menceroboh di zon 'A' malah di negara-negara Asian seperti Indonesia, Taiwan, Hong Kong dan sebagainya telah lama mengharamkan pukot tunda ini kecuali Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey Yang Berhormat Menteri, ringkaskan jawapan.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Soalan ini berkepentingan ramai. Saya pun rasa ramai yang berbahas pun ada tajuk yang sama. Saya sedang meneliti tentang isu ini secara spesifik. Betul, Indonesia, Thailand sudah mengharamkan keseluruhannya. Cuma kita kena bagi masa



yang *ample time* untuk mereka membeli bot, pinjam bank, mereka kena ada masa untuk mereka beralih sama ada ke profesion yang lain ataupun mereka pergi kepada 'C'. Akan kita berikan keutamaan. Itu menjadi perhatian saya.

Tentang isu-isu yang melibatkan tentang pesawah tadi, saya sudah sebut secara spesifik dan saya ingin pergi kepada menyebut tentang Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Batang Lepar, Yang Berhormat Papar dan Yang Berhormat Pontian. Ini akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Kita, *Alhamdulillah* menyebut tentang defisit imbalan dagangan kita yang bergantung kepada import agak berita gembiralah. Tidak gembira sepenuhnya bahawa kita telah berjaya untuk menurunkan dalam empat sektor import kita iaitu sayur-sayuran -8.38 peratus. Daging dan sediaan daging sebanyak -56.1 peratus, bahan makanan untuk ternakan sebanyak -5.56 peratus, susu segar sebanyak -3.5 peratus.

Jadi kita telah bergerak sebenarnya. Kita sudah dapat mengurangkan import ini yang mana tahun 2018 mencatatkan penurunan sebanyak 4.4 peratus iaitu RM18.7 bilion berbanding RM19.6 bilion pada tahun sebelumnya. Maknanya kita sudah bergerak dalam empat sektor ini, kita telah berjaya memberikan insentif kepada petani untuk meningkatkan SSL mereka dalam empat yang saya sebutkan tadi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tambahan yang terakhir, jumlah...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pencelahan pertama saya. Saya ada bertanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Lambatlah Yang Berhormat Pontian. Okey Yang Berhormat Pontian masa sudah habis.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Nanti kita minum kopi...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Cuma sedikit, bahan...

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Sekejap, sekejap.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...Ternakan itu perlu halal. Kalau kita bagi bahan makanan ternakan kepada ayam, ayam itu disembelih halal tetapi bahan makanan untuk ayam dan semua ternakan yang lain itu perlu halal.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Sebab itu kita telah menuju kepada tanaman jagung bijirin. Bijirin-bijirin yang kita sudah tanam dan sudah bermula industri *animal feed* ini. *Alhamdulillah* doakan mereka akan dapat menambahkan produktiviti mereka dan lebih banyak kita menggunakan jagung bijirin ini untuk *animal feed* halal itu menjadi suatu yang *insya-Allah* selamat untuk semua.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, untuk jumlah pukut tunda tadi musim tengkujuh, kita keluarkan sebanyak 25 di Terengganu, sebanyak 45 di Pahang pada Januari hingga Mac. Jadi yang spesifik tadi itu tolong beritahu saya dan *insya-Allah* saya akan dapat pastikan apakah kesalahan mereka sekiranya mereka diambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan kepada rakan-rakan yang lain, saya minta maaf...

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Minta jawapan bertulis.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Ya, saya akan beri secara bertulis ataupun boleh datang ke MOA bila-bila masa untuk berdiskusi dengan saya tentang apa juga perkara yang menyentuh tentang pertanian dan untuk kita majukan pertanian pada masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertanian.

*Badan sihat minda cergas,*

*Sekarang saya menjemput Kementerian Kesihatan.*

Yang Berhormat Menteri, 45 minit. Sila.

### **5.27 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya pastinya mahu merakamkan jutaan terima kasih kepada 30 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyinggung bidang kuasa Kementerian Kesihatan berkenaan isu-isu yang akan saya senaraikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Cameron Highlands, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Pasit, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Saratok, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Betong, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Tawau dan juga Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang mereka bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya sebutkan tadi ialah membangkitkan isu-isu yang berlegar sekitar isu vaksin, isu pembinaan pusat hemodialisis di Sabah, penggunaan kaedah dekrimilisasi dalam menangani isu penagihan dadah, cadangan pembinaan pusat kanser di Hospital Sibul yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Lanang, pengharaman lemak *trans fat*, keterlibatan masyarakat Orang Asli dalam ahli lembaga hospital oleh Yang Berhormat Cameron Highlands, duka lara, isu jarak jauh di antara suami isteri, keluarga bagi kakitangan di bawah KKM.

Isu penutupan Mawar Medical Centre (MMC), isu kenaikan harga *approves products purchase list* (APPL) bagi ubat-ubatan, isu samsu haram dan juga keterlibatan Sabah di dalam pemakluman mengenai cadangan perluasan zon larangan merokok, status rang undang-undang ke-13, kenaikan harga caj pusat dialisis DaVita dan akhir sekali penambahbaikan mutu

perkhidmatan kesihatan negara dari segi menaik taraf *facility* kesihatan sama ada klinik mahupun hospital, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1730

Saya mulakan dengan membawa, mengupas menumpu hal vaksin, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung isu vaksin yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching dan juga perkara yang sama yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, KKM sedang meneliti kebolehlaksanaan tindakan mewajibkan imunisasi kepada bayi dan kanak-kanak. Justeru, satu jawatankuasa kerja *task force*, dengan izin, yang melibatkan pelbagai agensi pemegang taruh (*stakeholders*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dengan teliti kebolehlaksanaan pelaksanaan dan implikasi yang berkaitan.

Di antara pemegang taruh yang terlibat yang terdiri daripada agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, JAKIM, agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO), persatuan yang berkaitan serta panel pakar seperti pakar perubatan kanak-kanak. Contohnya *the Malaysian Pediatric Association*, pakar perubatan keluarga dan pakar perubatan kesihatan awam juga dilibatkan dalam proses mengumpul pandangan setiap sudut sekiranya imunisasi diwajibkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan akta yang berkaitan serta tanggungjawab ibu bapa dan penjaga juga dibincangkan dengan teliti dan KKM turut meneliti undang-undang sedia ada di negara lain di seluruh dunia bagi melihat dan memastikan *benchmarking* ataupun *best practisanya*, Tuan Yang di-Pertua. Kertas cadangan Jemaah Menteri akan kita sediakan, mengambil kira semua aspek yang dibincangkan.

Sehingga kini, pelbagai program kesedaran dan kepentingan vaksin melalui aktiviti advokasi telah dijalankan di semua peringkat. Ini bagi menangani isu keraguan serta penolakan vaksin. Antaranya adalah menyediakan maklumat yang sahih, fakta-fakta dan informasi tentang vaksin di laman web portal MyHealth untuk rujukan masyarakat.

Kedua, menjalankan kempen media komprehensif dan berterusan melalui liputan media dan penerbitan siaran TV, radio dan media sosial.

Ketiga, menggiatkan penyebaran fakta-fakta berkaitan vaksin dan imunisasi secara intensif melalui media sosial memandangkan kebanyakan mereka yang menolak vaksin adalah juga di kalangan warga yang *IT savvy*.

Dan keempat, mengadakan sambutan Hari Imunisasi sempena sambutan Hari Imunisasi Sedunia pada minggu terakhir April setiap tahun.

KKM turut mengadakan kolaborasi berkaitan imunisasi dengan agensi-agensi yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Satu, bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Malaysian Pediatric Association* (MPA) dan *immunized for life* dalam mempromosi dan memberi maklumat tepat mengenai imunisasi kepada orang awam.

Kedua, bekerjasama dengan JAKIM dan Pejabat Mufti untuk memperbetulkan pandangan masyarakat terutama tentang hukum dan fatwa berkaitan imunisasi.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *[Bangun]*

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Program Jelajah Fatwa untuk menyebarkan fakta sebenar berkaitan vaksin dan imunisasi juga telah diadakan dan akan diteruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bandar Kuching dan Yang Berhormat Kangar hendak mencelah. Boleh?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Sila, sila. Yang Berhormat Bandar Kuching membuat perbahasan ini. Sila sedia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bandar Kuching. Selepas itu Yang Berhormat Kangar. Okey, ringkaskan. Sila.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya penjelasan. Tadi satu jawatankuasa telah ditubuhkan. Saya cuma hendak tanya, bila hasil cadangan ataupun *report* akan dihasilkan oleh jawatankuasa itu untuk pertimbangan Kabinet? Adakah satu *timeline* telah ditetapkan oleh kementerian untuk jawatankuasa tersebut? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Bandar Kuching. Satu soalan yang terlalu mengejar dan menekan saya adalah dari sudut *timeline*. Isunya banyak dan dalam sembilan *term of references* termasuklah apakah perlu diwujudkan pengecualian dan kalau begitu, apakah bentuk-bentuk pengecualian yang akan, kalaulah akan dilaksanakan satu yang sifatnya wajib nanti.

Kesemua itu meletakkan satu *timeline* yang saya harapkan akan dapat kita selesaikan. Saya hanya boleh menyebutkan dalam waktu yang sesegera mungkin. Mungkin saya harap tidak melepasi tahun ini ataupun di suku ketiga tahun ini. Begitu dahulu jawapannya, Yang Berhormat Bandar Kuching. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar sedikit.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan tempoh hari, saya ada juga cadangan supaya mungkin Kementerian Kesihatan boleh bekerjasama dengan Kementerian Kewangan. Misalnya kita ambil daripada pengalaman negara luar tentang *conditional cash transfer* ataupun bantuan tunai bersyarat yang sekarang ini kita sudah memang bagi, tetapi kita letakkan di salah satu syaratnya ialah saya bagi cadangan dua pada waktu itu, untuk sama ada anak-anak diwajibkan divaksin atau anak-anak ini wajib di hantar ke sekolah untuk menangani masalah keciciran. Jadi itu sebahagiannya.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Kangar. Walaupun saya tidak terdapat dalam rakaman nota saya ini tetapi saya yakin cadangan itu adalah cadangan yang perlu dan wajar diberikan pertimbangan kerana ia juga dilaksanakan di negara lain, tentu ada manfaat yang boleh kita ambil. Perkara itu saya boleh majukan untuk pertimbangan Yang Berhormat Kangar. Terima kasih atas input tersebut.

Lalu kalau boleh saya teruskan sedikit. KKM sentiasa bekerjasama dengan JAKIM dalam memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat mengenai vaksin dan imunisasi. Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah menyediakan makluman berkaitan vaksin dan imunisasi dari segi pandangan syarak dalam dokumen soalan lazim, *frequently asked questioned*, berkaitan vaksin dan imunisasi pada tahun 2015 lagi. Dokumen ini boleh diakses di laman sesawang KKM ataupun portal MyHealth. Dokumen ini turut memuatkan keputusan fatwa oleh Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan berkaitan vaksin yang digunakan dalam program imunisasi kebangsaan.

KKM dan JAKIM juga telah menjalankan beberapa siri program Jelajah Fatwa di seluruh negara untuk menyebarkan fakta sebenar berkaitan vaksin dan imunisasi. Program-program ini akan diteruskan.

Kami juga turut meningkatkan latihan kepada anggota kesihatan agar mereka mampu memberi penjelasan, pengetahuan, pencerahan dan mahir dalam memberi penerangan mengenai vaksin dan imunisasi kepada orang ramai. Sekiranya timbul sebarang keraguan atau keperluan untuk mendapatkan pengesahan, orang ramai dinasihatkan untuk merujuk kepada kakitangan kesihatan di mana-mana pun *facility* kesihatan kerajaan serta laman web rasmi KKM.

Tuan Yang di-Pertua, nyata bahawa setelah penggemblengan tenaga dan seluruh tenaga ini bukan sahaja dari sudut pakarnya tetapi juga termasuk kita libatkan tokoh-tokoh agama dan mufti dan merujuk kepada Majlis Fatwa yang telah pun dibuat beberapa tahun yang lalu, namun masih lagi ada keraguan dari sudut imunisasi ini yang jelas menunjukkan bahawa perkara itu akhirnya adalah terletak kepada ibu dan ayah untuk memastikan dari segi imuniti dan kesihatan kesejahteraan anak-anak adalah akhirnya tanggungjawab mereka.

Jadi tidak dapat saya *over emphasize* kepentingan perkara ini kerana saya yakin ibu bapa wajar memberikan pertimbangan yang sebaiknya kerana anak mereka terdedah andainya tidak mereka berikan imunisasi dan vaksinasi seperti mana telah berlaku baru-baru ini kematian akibat difteria di negeri Johor. Lalu saya mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat umumnya, untuk bersama dalam program imunisasi *the national immunization program* ataupun program imunisasi kebangsaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada aspek apa yang diistilahkan tadi sebagai penggunaan kaedah *decriminalize* dalam menangani isu penagihan dadah. Untuk makluman Yang Berhormat Bagan Serai, sehingga Jun 2018, program *medication-assisted therapy* (MAT) telah dijalankan di 733 *facility* kerajaan dan swasta dengan seramai 99,903 pesakit didaftarkan dan mendapat manfaat atas kaedah MAT ini.

#### ■1740

Usaha untuk meluaskan lagi program MAT ini sedang giat dilakukan di samping peluasan aktiviti melalui projek rintis atau pilot projek, *One Stop Center For Addiction* atau OSCA khususnya untuk merawat pelbagai jenis penagihan terutama dadah jenis *amphetamine-type stimulants* (ATS). Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengambil perhatian serius berkaitan kes-kes penyalahgunaan dadah dan menangani mereka sebagai pesakit, ini penting

ya dan menangani mereka sebagai pesakit yang memerlukan rawatan yang sewajarnya bagi membolehkan mereka pulih dan kembali berfungsi ke dalam masyarakat. Ini *shift* dari sudut *paradigm* dan pendekatan. Melihat *addiction* bagai *disease* dan *the addict* sebagai *patient* atau pesakit.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai mohon mencelah.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas. Terima kasih Menteri kerana kerajaan memang sudah bersedia memang untuk melihat ini sebagai satu penyakit dan saya berpendapat maknanya *doctors should take the lead*. Saya ingin bertanya adakah kerajaan bersedia dan berharap dapat memberikan peruntukkan dana yang lebih kepada *doctors* melalui KKM ini untuk meningkatkan lagi MAT, *harm reduction* dan juga *treatment* sebenarnya daripada kita memenjarakan penagih dadah yang *urine* nya positif ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri memahami maksud saya terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kalau boleh bersekali, senang jawab.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Sila.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Dalam perbincangan saya juga ada bertanya tentang kecenderungan akhir-akhir ini. Untuk menuju kepada pengiktirafan penggunaan ganja di dalam kaedah perubatan. Apa pandangan kementerian?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai dan sahabat saya Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya mengambil dahulu komentarnya Yang Berhormat Bagan Serai tanpa saya pergi dan merujuk dan membutirkan perbelanjaan yang telah kita laburkan dalam menangani *addiction* ini untuk sekian dekad, sekian lama dengan hasilnya sedia kita maklumi.

Saya yakin, andainya pendekatan dan *paradigm* ataupun paradigma baru ini dapat pertama-tamanya berlaku dengan izin, *buying in* ataupun di yakini, dipercayai oleh pengamal-pengamal perubatan dahulu dan tentunya oleh Kementerian Kesihatan dan juga dipihak swasta dan dalam *fraternity of the medical practitioners* dengan izin lalu adalah jauh lebih mudah untuk kita jayakan pendekatan ini yang telah pun menunjukkan *evidence base*. Secara *empirical* bahawa MAT, pendekatan MAT ataupun *medication-assisted treatment* ini mampu dengan lebih baik menangani daripada berbanding dahulu. Saya yakin dan juga saya sangat mengharapkan perkara ini akan dapat *buying in from the medical fraternity*.

Adapun yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu satu yang tidak menyinggung langsung dalam perbincangan itu. Namun saya boleh sebut secara ringkasnya

bahawa kementerian sedang juga dalam perbahasan di waktu yang lain telah meneliti dan mempertimbangkan di *medical* marijuana dan *cannabis* ini untuk diberikan segala ruang untuk dibuat kajian klinikal tetapi bukan soalan penanaman atau *cultivation*, itu hal lain. Akan tetapi atas isu, atas matlamat rawatan perubatan dan kesihatan sememang ada ruang untuk kita mendapat izin dan *consent, permission* untuk Menteri di Kementerian Kesihatan memberikan izin untuk dilakukan uji kajian bagi mengesahkan dan *verify* ke *efficacy* ataupun keberkesannya dalam rawatan berbentuk beberapa penyakit tertentu. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Kalau saya boleh diizinkan terus, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengambil perhatian serius berkaitan kes-kes penyalahgunaan dadah dan menangani mereka sebagai pesakit yang memerlukan rawatan yang sewajarnya bagi membolehkan mereka pulih dan kembali berfungsi ke dalam masyarakat. Ini yang kita mahukan supaya bukan sahaja mereka tidak relaps tetapi mereka bersedia untuk kembali ke pangkuan masyarakat dengan pertamanya masyarakat mesti tidak meneruskan stigma dan pandangan negatif terhadap bekas-bekas penagih itu. Jadi itu adalah juga penting.

Daripada kajian saintifik yang terkini yang dijalankan terbukti pendekatan *biopsychosocial-spiritual*, ini pendekatan yang paling terkini yang digunakan oleh *researcher* kami di KKM dan juga di negara ini yang mengambil cakupan dan pendekatan sekali gus. Bukan sahaja *biopsychosocial* tetapi membawa sekali gus unsur spiritual, unsur kerohanian dalam pendekatan rawatan ini. Ianya menggabungkan aspek perubatan, kaunseling, permasalahan sosial dan aspek kerohanian.

Program Pengurangan Kemudaratan ataupun *harm reduction* dengan izin yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai sebentar tadi yang dijalankan oleh Kementerian kesihatan Malaysia khususnya *medication-assisted treatment* telah terbukti amat berjaya dan dapat mengurangkan kadar HIV dan memulihkan penagih dadah jenis opium. Opium ini marijuana ya.

Selain daripada itu, program MAT ini juga berjaya mengurangkan peratusan penagih dadah daripada ditahan semula di pusat tahanan, itu antara kayu ukurnya atas kejayaan *outcome* yang lebih baik. Daripada kajian yang dijalankan di Malaysia membandingkan penagih dadah yang menjalani pemulihan di pusat tahanan dengan penagih dadah yang menerima rawatan di pusat rawatan dengan *methadone* secara sukarela mendapati bahawa penagih di pusat tahanan kembali menagih dadah lebih awal selepas bebas daripada tahanan berbanding mereka yang menerima rawatan *methadone* iaitu 31 hari berbanding 52 hari.

Itu antara bukti empirik ataupun *empirical* yang menunjukkan keberkesanan *methadone replacement therapy* ini adalah jauh lebih berkesan, bukan hanya pada *methadone* nya itu tetapi pada pendekatan *biopsychosocial-spiritual* yang mengabung jalin seluruh aspek rawatan.

Di Kementerian Kesihatan Malaysia terkini terdapat seramai lima orang pakar *psychiatric* dan dua orang pakar perubatan keluarga (FMS) yang mempunyai sub kepakaran yang diistilahkan dengan *addiction* atau *addiction psychiatry* dengan izin. Mereka bukan sahaja punya sub kepakaran atau *sub specialization* khusus untuk menangani *drug addiction* ataupun bergantung.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sedikit Menteri? Yang Berhormat Limbang sedikit;

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Boleh.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Limbang.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Yang Berhormat Limbang ya, maaf.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menyebut tentang *psychiatric* tadi, sebelum Menteri berpindah tempat lain lah. Tentang di Limbang pada masa kini ada empat orang pakar. Kita minta Limbang pakar minor. Baru-baru ini ada *extra* pakar, dia bagi *psychiatric* punya pakar tetapi *actually to be frank*, doktor-doktor ini saya minta pendapat mereka.

Apa sebenarnya yang diperlukan di Limbang? Yang diperlukan ialah pakar bedah bukannya yang *psychiatric* di Limbang. Jadi, boleh dipertimbangkan? *This psychiatrist maybe can be moved to other hospital*. Ini *feedback* daripada Hospital di Limbang, kawan-kawanlah, *the doctors* di limbang. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Walaupun Yang Berhormat Limbang tidak berhujah dalam perbahasan tetapi apa pun saya pasti pegawai saya merakamkan permintaan dan permohonan Yang Berhormat Limbang. Oleh kerana kita sentiasa amat peka untuk memberikan penambahbaikan, *delivery* ataupun perkhidmatan kesihatan di fasiliti-fasiliti KKM, *insya-Allah*.

■1750

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Baik Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia pendispensan *methadone* yang dikatakan bahan *replacement* itu hendaklah dilakukan oleh pegawai farmasi dan penolong pegawai farmasi yang diiktiraf. Di samping itu, di bawah Program Perkhidmatan Farmasi KKM sepanjang tahun 2016 sehingga 2018, seramai 1,070 orang pegawai farmasi telah menjalankan kursus pendispensan dan kaunseling *methadone* seluruh negara. Seramai 585 orang penolong pegawai farmasi di fasiliti KKM dan 16 orang Penolong Pegawai Farmasi di fasiliti penjara telah menjalani kursus pendispensan *methadone* dan latihan sangkutan di 19 fasiliti yang telah dilantik oleh Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh negara.

Mereka telah mendapat pengiktirafan atau akreditasi *dispensing methadone* dan aktif menjalankan *methadone dispensing* ini. Ini membuktikan komitmen KKM, bukan sahaja menyediakan satu rawatan, kaedah rawatan tetapi juga telah meningkatkan kapasiti dari sudut keupayaan kami untuk menangani kaedah rawatan MET ini.

Bagi perkhidmatan *methadone* yang dijalankan di klinik swasta, untuk makluman *methadone* adalah bahan *psychotropic* juga yang dikawal di bawah Peraturan-peraturan Racun atau Bahan *Psychotropic* 1989. Kawalan ini meliputi perolehan, pembekalan, penyimpanan dan *recording*. Peraturan ini tidak hanya terpakai kepada pengamal perubatan berdaftar (GP) di klinik



swasta tetapi juga adalah terpakai kepada semua individu yang mengendalikan bahan *psychotropic* termasuk fasiliti kerajaan.

*Methadone* pada mulanya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan kawalan yang lebih ketat. Walau bagaimanapun, pindaan telah dibuat, di mana produk *methadone* yang telah berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah dikawal di bawah Peraturan-peraturan Racun Bahan *Psychotropic* 1989 di mana kawalan adalah lebih longgar daripada yang asal. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya beralih topik saya untuk membahaskan sedikit daripada apa yang dipohon oleh Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Menteri, sedikit boleh? Sedikit sahaja, Bagan Serai.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ringkas. Pada awalnya dulu banyak lebih kurang satu ribu orang doktor swasta (GP) yang mengambil bahagian dalam *methadone dispensing* ini. Akan tetapi lama-kelamaan mereka menjadi lemah semangat disebabkan oleh banyak berlaku penahanan dan undang-undang yang begitu ketat sekali. Apakah kerajaan bersedia untuk memberikan kelonggaran-kelonggaran supaya memudahkan doktor-doktor swasta ini membantu kerajaan dalam *methadone dispensing* ini. Maksud saya memberikan apa yang dikatakan *law regulated module* umpamanya.

Seperkara lagi saya ingin bertanya, mereka-mereka yang telah keluar dari pemenjaraan ini, 60 peratus balik ke pangkal jalan, buat balik *old habit* itu *within one month or two months*. Ada kajian menunjukkan dalam satu tahun, 90 peratus dah balik ke pangkal jalan dan akhirnya masuk ke penjara balik, ia ada *vicious cycle*. Apakah kita nak meneruskan sistem pemenjaraan begini yang tidak mendatangkan faedah yang baik sebenarnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya saya dengar dan saya amat memahami hasrat Yang Berhormat Bagan Serai yang saya yakin bukan sekali ini saja berhujah dan berbahas atas tajuk ini dan saya yakin beliau selaku seorang pengamal perubatan juga sangat komited untuk mendapatkan amalan ataupun polisi dekriminalisasi itu akan dapat diteruskan Tuan Yang di-Pertua, ataupun diperkasakan dan akhirnya dijadikan amalan dasar di negara ini.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kita sedang dalam proses memandang dan meneliti perkara itu dengan jauh lebih mendalam lagi dan komitmen yang saya pernah sebutkan di beberapa perjumpaan di kalangan Jemaah Menteri dan juga kepada mereka yang punya pemerhatian kesihatan dan perubatan. Rasa saya rata-ratanya memang cenderung untuk mengambil pendekatan dekriminalisasi sebagai satu pendekatan yang jauh lebih berkesan dan baik kerana kita bezakan mereka yang terjebak dalam penagihan ini berbanding mereka yang menggunakan *substance abuse* ini sebagai sumber perniagaan besar dan pendapatan mereka. So, mereka yang terlibat dalam *illicit trafficking of drugs* ini memang kita akan banteras habis-habisan.

Namun apa pun sebab mereka penagih itu terjebak dalam penagihan ini, wajar untuk kita mengambil pendekatan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai.

Katanya kalau kita betul-betul *decriminalize* dan kemudian menghilangkan stigma dan mendekati setiap seorang, setiap pesakit, setiap penagih itu dengan pendekatan yang lebih *individualized* sifatnya dengan mengambil pendekatan yang saya sebutkan tadi *biopsycho, social-spiritual* itu, saya yakin kita akan dapat melihat dan menyaksikan satu *outcome* dan kesudahan dan natijah yang lebih baik.

Sekadar itu yang dapat saya berikan pada tahap ini dan Kementerian Kesihatan sedang dan telah pun memulakan perbincangan ini dan kita telah gembleng beberapa NGO, gembleng beberapa pengamal perubatan termasuk *clinical researcher* yang sangat tertumpu dan *specialized* dalam hal *drug addiction* ini. So, izinkan sedikit waktu lagi untuk kita- perkara-perkara ini bukan satu yang mudah dan pandangan umum pun perlu kita tangani. Semua ini adalah antara faktor yang mengendalakan pelaksanaan polisi yang baik ini tetapi kita perlu melihatnya dengan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Yang Berhormat Kuala Terengganu lagi sekali?

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada dua orang Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Isu apa itu sebab saya punya waktu yang agak terhad.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya ringkas sahaja, ya atau tidak. Benarkah, adakah pihak kementerian meluluskan apa-apa projek penanaman ganja bagi tujuan kesihatan?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Tidak ada, tidak betul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey Yang Berhormat Jelutong.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Itu jawapannya, jawapannya ringkaslah sebab tanya kata benar atau tidak, katanya tidaklah, mudah. Isu penanaman kalau kita cerita satu isu yang jauh lebih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Menteri, Menteri, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan ringkaskan saja. Saya berterima kasih kerana kita lihat di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri, kerajaan yang baharu sekarang cukup banyak peruntukan yang telah disediakan di mana melimpah masuk dalam kawasan Parlimen, kita lihat banyak perubahan-perubahan. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa ribuan terima kasih kepada kementerian yang telah memberi sumbangan dan juga bantuan-bantuan kepada hospital di kawasan saya Yang Berhormat Menteri, berbeza daripada kerajaan dahulu. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu duit rakyat, bukan duit Menteri, duit rakyat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Duit rakyat kembali kepada rakyat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Betul.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, bukan seperti dulu mereka balun semuanya, curi saja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Dia tak curi, dia pulang balik.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Oh Yang Berhormat Jelutong, mabuk ke?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tak mabuk Yang Berhormat Pontian, mungkin Yang Berhormat Pontian yang dah hisap banyak sangat Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey sekarang Menteri teruskan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Petang-petang ini Tuan Yang di-Pertua, mereka sedikit mahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya mungkin mereka nak hilangkan perasaan nak tidur.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** ...Suasana yang boleh menghidupkan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sendaloka.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Kalau tidak nanti tertidur pula.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya sila teruskan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Yang Berhormat Bintulu, ada perkara yang menekan? Kalau tidak kita terus.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tak, yang saya bahas punya belum dengar lagi jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sedang jawab, sedang dalam proses menjawab.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Yang mana? *Insya-Allah* kita akan jawab.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kongkalikung lah [*Ketawa*]

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Atas permintaan Yang Berhormat Lanang, Kementerian Kesihatan menyedari keperluan untuk mewujudkan pusat ataupun perkhidmatan rawatan kanser di seluruh negara. Ini isu institut kanser ataupun pusat rawatan kanser ini.

Namun demikian, berikutan kekangan sumber, maka pelaksanaan tersebut dijalankan secara berperingkat atau berfasa. Pusat atau perkhidmatan rawatan kanser meliputi perkhidmatan rawatan radioterapi dan kemoterapi dan hari ini pelbagai lagi pendekatan baharu yang lebih *targeted* dari sudut *immunotherapy*-nya dan *very targeted* terapi yang lebih canggih. Paling tidaknya kita punya perkhidmatan rawatan *on radio* dan kemoterapi dan juga *both medical* dan *surgical*.

Di Hospital Sibü telah wujud perkhidmatan rawatan kanser spesifik untuk rawatan kemoterapi.

■1800

Manakala, pesakit yang memerlukan rawatan radioterapi perlu mendapatkannya di hospital kluster yang kita mewujudkan hospital kluster Sarawak Selatan iaitu Hospital Umum Sarawak (HUS) selaku *anchor*, selaku tunggakunya. Pusat Jantung Sarawak dan juga Hospital Kuala Lumpur, umpama- *these are the anchor of* hospital kluster Sarawak dan juga Pusat Jantung Sarawak dan Hospital Kuala Lumpur. Selain itu, perkhidmatan *chemotherapy* tersebut juga terdapat di hospital berdekatan iaitu Hospital Sarikei dan Hospital Kapit. Itu adalah untuk membantu *the main anchor hospital* itu. Hospital Sibü merupakan pakar *major*, sehingga 31 Januari 2019 Kementerian Kesihatan Malaysia telah menempatkan seramai 47 pegawai perubatan pakar pelbagai gred di Hospital Sibü. Jumlah ini menunjukkan peningkatan pegawai perubatan pakar di Hospital Sibü iaitu 53 peratus berbanding Januari 2016 iaitu seramai 25 orang.

Sehingga 31 Januari 2019, terdapat seramai 29 orang pakar perubatan onkologi pelbagai gred di seluruh negara. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Lanang, perkhidmatan onkologi di KKM adalah dilaksanakan secara *regional* melalui penempatan di enam pusat *regional* dan empat orang daripadanya adalah di negeri Sarawak iaitu di Hospital Umum Sarawak (HUS). Hospital Sibü mempunyai bilangan jururawat seramai 703 orang, bilangan keseluruhan jururawat KKM yang mempunyai bidang pengkhususan dalam Pos Basik ya, onkologi seramai 382 orang. Agak ramai juga ya. Negeri Sarawak mempunyai 36 orang jururawat yang mempunyai pengkhususan dalam onkologi di mana seorang jururawat telah ditempatkan di Hospital Sibü, Sarawak. Bahagian kejururawatan menggalakkan jururawat mengambil latihan Pos Basik mengikut keperluan negeri atau hospital. Bidang pengkhususan onkologi hanya dibuat pengambilan hanya setahun sekali, Tuan Yang di-Pertua. Saya memerhatikan...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri. Boleh minta penjelasan?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Boleh.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Sarawak. Sarawak. Bandar Kuching.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Sebenarnya saya memang sokong Yang Berhormat dari Lanang dan juga Yang Berhormat Sibü yang meminta agar lebih *oncologist* ditempatkan di tempatkan di Sibü. Oleh kerana kalau kita lihat model hospital kluster, walaupun Sibü dalam peta nampaknya dekat dengan Kuching tetapi sebenarnya jauh. Kalau kita ikut kereta, hampir tujuh ke lapan jam dengan jalan yang memang tidak baik lah. Jadi, saya harap pihak kementerian akan menimbangakan untuk meletakkan pakar onkologi di Sibü. Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan adalah *patient transfer*. Oleh kerana sekarang HUS di Kuching adalah *main* hospital lah di sana. Semua pakar onkologi di sana. Banyak pesakit dari Sibü atau pun dari Bintulu yang kena datang ke Kuching untuk dapatkan rawatan. Kebanyakan ada banyak mereka dari keluarga yang

berpendapatan rendah. Jadi, sekarang tidak ada peruntukan khas dari kementerian untuk membayar tiket penerbangan dari Sibu dan Bintulu. Itu satu isu.

Satu isu lagi ialah kapal terbang yang biasa digunakan pada masa dulu adalah kapal terbang MASwings yang telah diubahsuai untuk mengangkat pesakit yang mungkin *bed ridden* ke atau pun pesakit yang *special needs*. Akan tetapi sekarang MASwings dari Sibu ke Kuching dan Bintulu ke Kuching telah dihentikan. Jadi, saya berharap pihak kementerian mungkin boleh dapat berunding dengan AirAsia atau MAS Airlines untuk mengubahsuai kapal terbang mereka dan juga agar kementerian mengeluarkan peruntukan khas untuk *patient transfer* ini dan untuk pesakit yang berpendapatan rendah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih dengan cadangan yang baik itu Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya sangat sedar akan keperluan itu dan itu lah antara lainnya juga kita telah memulakan dua program, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah. Di mana pesakit-pesakit *cancer*, khususnya dalam MySalam dan juga Peka B40 itu diberikan peruntukan. Kalau dalam Peka B40 itu kita berikan peruntukan pengangkutan dan dalam MySalam itu juga pada ketika dan saat mereka di *diagnose confirm-nya cancer*, mereka diberikan satu imbuhan RM8,000. Jadi, ini semua adalah untuk membantu. Ada pun yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, saya akan ambil perhatian atas cadangan spesifik itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya punya waktu yang sudah sekian ringkas. Saya punya ada beberapa lagi yang hendak saya— saya ingat saya tidak akan menyinggung soalan Mawar Medical Centre, telah pun saya banyak memberikan maklumat perbincangan. Mungkin juga saya akan kembali untuk berbincang tentang penglibatan masyarakat Orang Asli di dalam Ahli Lembaga Hospital yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands. Tidak pasti ada ke tidak.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Timbalan Menteri. Berkenaan dengan hospital.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Saya hendak tanya balik Yang Berhormat Menteri tentang pembinaan Hospital Maran. Saya timbulkan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya. Ya, saya tahu. Banyak lagi yang tersenarai.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Minta keputusan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** *Insyaa-Allah*.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Oleh kerana peruntukan telah diluluskan. Tapak dah sedia semua. Cuma saya ingat pembinaan hospital ini akan diteruskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Okey, ya. Nanti saya...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Saya pergi kepada Hospital Orang Asli Gombak yang merupakan sebuah hospital tanpa pakar yang mula beroperasi di tapak sedia semenjak September 1960 lagi. Pada tahun 2012, perkhidmatan kesihatan dan perubatan telah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia. Pada masa ini, hospital ini khusus untuk rawatan Orang Asli sahaja. Ia mempunyai 93 buah katil dengan kadar penggunaan katil BOR sebanyak 19.46 kadar penggunaan katil (*bed occupancy rate*). 19.46 untuk tahun 2016 dan 12.6 peratus untuk tahun 2017. Hospital ini terletak 18 kilometer, mengambil kurang lebih 25 minit dari Hospital Selayang yang merupakan hospital berpakar terdekat dengan pusat rujukan untuk Hospital Orang Asli Gombak.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Purata... Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Maafkan saya, Menteri. Maafkan saya. Berbalik kepada isu di Cameron Highlands. Saya telah bangkitkan dalam perbahasan saya dan telah mungkin ditegur oleh Yang Berhormat dari Pontian. Akan tetapi ini adalah perkara yang saya ingin bawa kepada Dewan yang mulia ini. Walaupun saya berasal dari Pulau Pinang, perkara yang saya lihat di perkampungan-perkampungan Orang Asli itu kononnya ada klinik dan sebagainya tetapi keadaan mereka di situ begitu teruk. Saya cuma ingin meminta walaupun kita telah kalah dalam pilihan raya di Cameron Highlands, Kerajaan Pakatan Harapan saya yakin di bawah pimpinan Menteri akan memastikan bahawa nasib rakyat di sana dibela. Saya di sini ingin menegur sekali lagi kehampaan saya terhadap Ahli-ahli Parlimen dari Cameron Highlands sebelum ini yang langsung tidak memberi perhatian kepada masalah Orang-orang Asli di sana. Cuma saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat yang saya yakin akan memastikan bahawa penyediaan kemudahan-kemudahan asas, terutamanya hospital untuk Orang-orang Asli di sana akan terus diberi perhatian oleh kerajaan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Nama saya disebut Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Nama saya disebut oleh Yang Berhormat Jelutong.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Tidak apa lah.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Dia sayang sebab itu dia sebut.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dia kata Pos Senderut tidak ada klinik.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Kalau saya boleh teruskan sedikit.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Akan tetapi Pos Senderut ada klinik. Itu sahaja.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Apa yang perlu saya sebutkan Yang Berhormat Jelutong ya, meskipun kita kalah di Cameron Highlands, meskipun kita kalah di Semenyih, kita akan teruskan memperkasakan penyediaan fasiliti-fasiliti kesihatan untuk rakyat yang kita tahu agak tersudut kerana kedudukan fasiliti-fasiliti yang sangat daif itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Itu adalah cadangan saya,...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Minta laluan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** ...kalah menang itu soal yang lain.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya cuma ingin merakamkan sekali lagi kehampaan saya terhadap wakil-wakil rakyat MIC.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Eh, tolong lah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** MIC yang telah membuang masa rakyat di sana.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Eh, *come on* lah. Dah silap, silap lah. Dah silap, silap lah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Orang-orang India pun tidak boleh jaga. Orang-orang Asli pun tidak boleh jaga.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** *Mislead* Dewan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Menghampakan rakyat di sana. MIC tidak boleh pakai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong, sudah.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Padang Serai hendak mencelah.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Menteri. Padang Serai, Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sedikit, ringkas. Sila.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Ringkas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin cadangkan di kawasan saya, hospital di Kulim memang padat dan di kongsi oleh tiga Parlimen iaitu Parlimen Padang Serai, Parlimen Kulim Bandar Baru dan juga Parlimen Baling. Didapati tempat-tempat tidak mencukupi dan juga kawasan seluas 8 ekar sedia ada. Banyak kali dah buat permohonan tetapi sampai sekarang tidak ada tindakan-tindakan susulan diambil.

## ■1810

Minta kementerian buat lawatan dan juga ambil perhatian yang serius sebab banyak rakyat merungut di kawasan saya. Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Di ambil maklum.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Baik. Yang Berhormat Padang Serai...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri, Bintulu mengenai isu hospital. Saya berbahas ini kata hendak jawab sekejap jawab, tetapi saya nampak masa sudah habis. Dapat jawab ke tidak dapat jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika tidak sempat, boleh bagi jawapan bertulis.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Kalau kiranya saya gagal jawab Yang Berhormat Bintulu, saya hendak jawab juga Yang Berhormat Maran yang sudah menekan saya lebih awal tadi. Saya akan berikan jawapan itu sesegera mungkin sebab jawapan-jawapan itu sudah pun kita siapkan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana boleh, kita...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Dan saya boleh...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...kita berbahas tunggu dalam Dewan ini berbahas begitu lama, *time* semua cakap kalau bekas punya ataupun *previous government* kalau buat sebegitu, kamu orang teriak sini bising.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Sama lah tu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita bahas sini buat apa kalau tidak boleh jawab. Rakyat tunggu menunggu. Saya minta peruntukan naik taraf peralatan-peralatan untuk Hospital Bintulu dan juga peruntukan untuk mengguna di hospital. Tidak jawab, dua saya minta Hospital Daerah bila mahu bina di --. Tidak jawab pun. Rakyat tunggu menunggu.

Juga SOP ambulan ini orang dalam ambulan sana mati fasal kereta *accident* mereka tidak peduli dan *patient* dalam kereta mati. Kalau Menteri dalam ini ambulan, ini kalau *accident* mereka tunggu sudah Menteri mati kah dalam kereta? Saya mahu tanya, rakyat sekarang ini mahu tahu macam mana SOP? Kalau SOP, sekarang kita keluar, semua ambulan tidak boleh langgar *traffic light*. Kalau lampu merah, tidak boleh. Kalau kita kira Kuala Lumpur ataupun Sarawak sana kita kira berapa ramai *traffic light*. Kalau kita undang-undang tiada, patut Kementerian Kesihatan berbincang sama Kementerian Pengangkutan JPJ, macam mana naik taraf undang-undang untuk rakyat dalam masa kecemasan. Ini di...[*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, saya sudah berikan Yang Berhormat Bintulu...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Akan tetapi Kuching punya MP tidak bawa ini perkara. Ini rakyat punya nyawa tidak apa.



**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bintulu, jangan membuat tuduhan. Minta pencelahan boleh. *Okey, sila Menteri.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini *Kongkalikung?*

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Bintulu tidak ada dalam Dewan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Bintulu tidak ada dalam Dewan. Mana ada dia tahu.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya sudah bawa masalah ini.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Ini *Kongkalikung*, mahu cakap itu AES dalam Sarawak pun tidak betul. Mana ada AES Sarawak sana, mana ada betul.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Sendiri *Kongkalikung*. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bintulu, inilah akibatnya menimbulkan kekecohan.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Mana ada AES dekat itu Sarawak, siapa itu Yang Berhormat Bintulu tak ada dalam Dewan. Mana Yang Berhormat Bintulu tahu?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya adalah... [*Dewan riuh*] [*Perkataan kurang jelas*]

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Suka cakap bohong, *Kongkalikung* punya ini... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bintulu, sila duduk. Jangan bazir masa. Ya, sila menggulung Menteri. Yang hendak *Kongkalikung* sila keluar Dewan. Sila.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Fasal dia tidak ada dalam Dewan, dia tidak dengar itu jawapan Menteri. Jangan makan gaji buta sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa pun memang sudah tamat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tunggu sampai pukul 6

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Saya tidak bagi peluang Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Puncak Borneo, melawan sila keluar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tunggu sampai pukul 6 hendak minta jawapan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Yang Berhormat Bintulu, saya sudah bagi peluang Yang Berhormat Bintulu bercakap. Yang Berhormat Bintulu, saya sudah bagi peluang Yang Berhormat Bintulu bercakap dan rakam dalam *Hansard*.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Saya tidak mahu cari gaduh. Saya cakap fakta saja. Apa mahu gaduh-gaduh.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Jangan jawab...*[Perkataan kurang jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Cukup. Sila Menteri. Sudah habis ke, sudah habis?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian ada bertanya, ada jawapan soalan Pontian?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Last point*, yang lain semua duduk. Menteri saja *point* terakhir. Sila.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Perkataan kurang jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Mic.*

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya Yang Berhormat Bintulu, saya sengaja mengizinkan Yang Berhormat Bintulu berucap supaya dirakamkan dalam *Hansard*. Kita akan susuli segera apa yang Yang Berhormat Bintulu ucapkan tadi. Saya punya janji kepada Yang Berhormat Maran untuk menjawab sebelum saya terpaksa tamatkan. Akan tetapi, yang lain itu Tuan Yang di-Pertua kita akan segera memberikan jawapan-jawapan secara lebih khusus dan persoalan fasiliti bangunan klinik dan juga hospital banyak Yang Berhormat Bintulu yang telah diperincikan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, ada tak soalan berkaitan dengan Doktor duka lara yang saya kemukakan?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ada, ada.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang itu perlu perhatian serius.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Kalau diizinkan masa, saya boleh berbahas tetapi saya berjanji untuk... *[Disampuk]*

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Klinik Desa, Klinik Desa sekali.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Perlu perhatian serius Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya boleh, boleh. Kalau diizinkan, sedikit sahaja ini saya ambil ini dahulu ya sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, *point* terakhir. Sila.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Menteri Limbang minta...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Untuk makluman, projek pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan sebelum ini kita tahu telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi buat masa kini. Namun selaras dengan hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di negara ini, pelaksanaan projek Hospital Maran sedang diperhalusi untuk dipohon semula dalam Rancangan Malaysia yang seterusnya. Dengan mengambil kira keperluan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan. Itu yang dapat saya jawab.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, ini...  
[Pembesar suara dimatikan]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebab itu ini bukan warung kopi. Sekiranya sini tanya soal jawab tidak habis, selepas itu hendak dapat jawapan tetapi pencelahan banyak. Macam mana hendak dapat jawapan. Sila. Menteri masa sudah tamat. Okey, terima kasih Yang Berhormat Kementerian Kesihatan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Saya jawab yang lain bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang tidak sempat itu Menteri janji bagi jawapan bertulis. Sekarang saya menjemput Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dipersilakan, masa 45 minit. Sila.

### 6.15 ptg

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:** *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam luar bandar sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 20 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk berbahas dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepanjang sesi perbahasan Titah Diraja ini. Izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan seperti berikut, pertama, Yang Berhormat Bera dan juga Yang Berhormat Pontian.

Pertama adalah daripada Yang Berhormat Bera yang bertanyakan mengenai usaha-usaha kementerian untuk meningkatkan pendapatan penduduk di luar bandar terutamanya golongan belia. Untuk makluman Yang Berhormat-yang Berhormat, kementerian telah pun melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar bagi tempoh pada Oktober 2018 yang bertemakan "Luar Bandar Sejahtera". Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi tempoh 5 tahun iaitu daripada tahun 2018 hingga tahun 2023. Berdasarkan daripada aspirasi rakyat dan meliputi kepada enam teras:

- (i) prasarana yang lengkap dan juga berkualiti;
- (ii) ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- (iii) keusahawanan yang melibatkan pemerkasaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- (iv) modal insan bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- (v) memperkasakan wanita luar bandar;
- (vi) sistem penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

Kesemua enam teras ini meliputi 29 strategi dan 94 program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema luar bandar sejahtera tersebut. Di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini juga, kementerian memberi tumpuan untuk

membangunkan 28 daerah di Malaysia dengan purata pendapatan bulanan terendah termasuk di Negeri Sabah dan Sarawak, sekali gus mengurangkan jurang 28 daerah tersebut dengan daerah-daerah yang lain.

Selain itu, kementerian juga dalam proses untuk memuktamadkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 yang akan menjadi dasar utama pembangunan luar bandar secara holistik yang merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat di luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian juga meneruskan program-program terutamanya program-program *quick wins* seperti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya yang menyediakan bantuan bagi mengikuti kursus latihan kemahiran dan kemahiran Yayasan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan untuk Sijil Kemahiran Malaysia, SKM 1 dan SKM II untuk golongan belia terutamanya belia di luar bandar. Kursus yang ditawarkan merangkumi bidang-bidang seperti pembuatan dan mekanikal, pembinaan dan kejuruteraan, kesihatan dan kecantikan, pelancongan dan hospitaliti serta teknologi terkini. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian juga telah melancarkan Program Desa Harapan.

Kita tahu bahawa migrasi penduduk daripada *rural* ke *urban* menjadi salah satu perhatian kami. Kita melihat bahawa alasan utama mereka adalah kerana tidak ada pekerjaan ataupun sumber pendapatan yang menarik bagi golongan belia. Desa Harapan adalah satu inisiatif kolaborasi antara pihak swasta dan juga untuk fokus ke dalam usaha-usaha pemeraksanaan ekonomi desa dalam bentuk yang lebih profesional. Oleh itu, kami yakin penglibatan syarikat-syarikat ini juga akan dapat memberi impak yang lebih menepati sasaran, bukan dalam bentuk CSR atau sumbangan, tetapi kerjasama membangunkan potensi ekonomi, sesuai dengan situasi masing-masing di desa.

Jadi selain daripada itu, kami juga akan melancarkan inisiatif Desa Digital bermula dengan kajian kepada ekosistem *e-commerce* yang semakin berkembang tanpa mengenal sempadan. Platform infrastruktur akan menjadi faktor utama dalam industri tersebut. Oleh itu Desa Digital yang mengutamakan bukan sahaja infrastruktur digital dan *connectivity*, tetapi juga mementingkan *content* dan pembangunan modal insan terutamanya kepada belia yang akan menjadi fokus kepada kami.

#### ■1820

Penduduk luar bandar boleh memulakan usaha berdasarkan kepada *internet* melalui pelbagai *marketplace* yang ada. Dengan konsep sebagai contoh *dropship*, penduduk akan lebih mudah melakukan perniagaan kerana mereka tidak memerlukan *warehouse* ataupun menyimpan stok barangan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, selain daripada itu juga, untuk tahun 2019 ini, kita ada juga beberapa program yang akan kita lancarkan untuk— yang telah sedang dibuat dengan peruntukan sebanyak RM10 juta yang diperuntukkan dengan sasaran peserta seramai 1,000 orang. Program ini dapat dilihat dapat memberi impak positif kepada peserta iaitu sama ada mendapat pekerjaan atau membuka perniagaan sendiri dan seterusnya menambah pendapatan peserta yang dahulunya tidak mempunyai pendapatan ataupun berpendapatan rendah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana meletakkan Yang Berhormat Bera dan saya di bahagian atas untuk menjawab kerana kami nak, saya sendiri nak keluar lepas ini. Minta maaf, ada kerja. Perkara yang saya ingin tanyakan ialah, tadi Yang Berhormat Menteri dah cerita tentang banyak program yang dirancang. Ada tak agaknya purata pendapatan masyarakat desa untuk sebuah rumah itu berapa?

Katalah dalam masa tiga tahun daripada sekarang, purata pendapatan setiap buah rumah masyarakat luar bandar kita ingin tingkatkan kepada RM3,000 sebulan, misalnya. Itu yang pertama. Yang kedua, kita telah ada Pusat Transformasi Luar Bandar, di tempat saya pun ada. Setakat mana pusat-pusat itu akan diteruskan atau akan dihentikan atau akan ditambah. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Menteri, bersekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Bera.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, pertamanya saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana masih meneruskan segala program yang telah pun dirancang dan telah pun dilaksanakan dulu seperti transformasi luar bandar. Tadi Yang Berhormat cakap soal belia luar bandar. Daripada dulu kita ada program untuk menyekat migrasi, mengurangkan migrasi dan kalau boleh sehinggakan *reverse migration* iaitu dari bandar ke luar bandar. Salah satu perkara yang kita tekankan adalah meningkatkan peluang pekerjaan tetapi Yang Berhormat dah sebutkan tadi. Cuma satu lagi, selain daripada meningkatkan peluang pekerjaan, perumahan kepada generasi luar bandar. Mereka tidak ada perumahan.

Di FELDA, ada Perumahan Generasi Kedua FELDA. Di bandar-bandar, perumahan rakyat dan sebagainya tetapi di kampung tradisional misalnya, tidak ada. Kalau dulu di bawah FELCRA dan RISDA di bawah kementerian, ada Program Rumah Bina Negara untuk generasi kedua kampung tradisional. Sekarang ini dah dipindahkan kepada Kementerian Ekonomi. Jadi apa perancangan Yang Berhormat untuk memastikan belia luar bandar mempunyai rumah kerana setakat ini mereka tinggal di rumah ibu bapa mereka. Walaupun sudah berkahwin, tinggal di rumah ibu bapa. Tidak mampu memiliki rumah sendiri kerana tidak ada tanah dan sebagainya. Apa program yang akan dilakukan oleh Yang Berhormat?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian dan juga kepada Yang Berhormat Bera. Tadi Yang Berhormat Pontian ada bertanyakan tentang *Mini Rural Transformation Centre* yang sekarang ini telah kita namakan sebagai Pusat Komuniti Desa. Jadi, pusat komuniti desa ini bukan sekadar hanya menukar nama, begitu juga dengan MPKK, daripada JKK kepada MPKK, bukan sahaja sekadar menukar nama. Akan tetapi juga kita tambah baik kerana kita tahu sebagai pusat komuniti desa ini, maka peranannya itu harus dipertingkatkan. Ianya juga akan menjadi pusat pengumpulan barang-barang, produk-produk orang kampung ini untuk kita.

Sekiranya kita tahu sekarang ini dengan dunia yang tanpa sempadan, pemasaran melalui *online* ini begitu— satu pemasaran yang sedang dilaksanakan sekarang sebab kadang

makcik di kampung pun sekarang dah pandai beli *online* guna LAZADA. Jadi, inilah sebenarnya di kampung ini, kita tahu ada produk-produk yang boleh dikumpulkan. Maka ia akan menjadi satu juga pusat pengumpulan kepada *courier service* ataupun pejabat pos ini untuk mengambil produk-produk ini.

Selain daripada itu, kepada Yang Berhormat Bera tadi tentang, kita tahu kita tak boleh— kita cuba untuk mengurangkan migrasi daripada belia di luar bandar ke bandar kerana apabila di bandar, kita ada masalah miskin bandar. Jadi, kita tidak boleh menyalahkan belia ini kerana mereka ini perlukan pendapatan. Mereka perlu menjana, mereka perlu menyara keluarga dan sebagainya. Jadi kerana itu, selain daripada kita membantu dalam menjana pendapatan, seperti Yang Berhormat maklumkan tadi, sebelum ini kita ada Program Rumah Bina Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Rumah Bina Negara ini masih terus dilaksanakan oleh pihak FELCRA dan RISDA mengikut perancangan dan baki peruntukan yang masih ada pada agensi pelaksanaan tersebut yang kini di bawah seliaan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Walau bagaimanapun mulai tahun ini, Program Rumah Mampu Milik termasuk kepada belia luar bandar akan diselaraskan oleh Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan juga telah menyasarkan pembinaan satu juta rumah mampu milik di seluruh negara menjelang tahun 2028. Kementerian melalui agensi seperti PERDA, KESEDAR, KEJORA turut terlibat dalam pelaksanaan sasaran satu juta rumah mampu milik tersebut yang juga kita sasarkan kepada belia di luar bandar.

Seterusnya kalau saya boleh beralih kepada Yang Berhormat Rasah dan juga Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Tangga Batu membangkitkan tentang supaya dipermudahkan permohonan geran 10,000 oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Untuk makluman Yang Berhormat, prosedur permohonan geran MPKK yang sebenarnya tidaklah sesukar yang diperkatakan. Pihak MPKK hanya perlu mengadakan mesyuarat MPKK dan memutuskan program yang hendak dipohon. Kemudian MPKK tersebut hendaklah menyediakan kertas kerja ringkas mengenai program, objektif, pengiraan kos dan impak program serta mengisi borang profil kampung mengikut format yang telah disediakan. Syarat untuk melengkapkan profil kampung juga telah diberi kelonggaran kepada pengisian data asas daripada beberapa modul utama. Seterusnya MPKK perlu mengemukakan maklumat tersebut bersama borang permohonan yang lengkap dan dokumen sokongan bagi memastikan penyaluran peruntukan geran MPKK dapat dilaksanakan dengan lancar.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat juga dan kepada semua, bahawa dalam kami— setelah pelantikan MPKK ini selesai, kita beri kursus induksi MPKK dan bezanya antara dulu dan sekarang di mana dalam kursus induksi ini bukan sahaja kita mengajar teori tetapi juga praktikal. Mereka juga diajar bagaimana untuk membuat pelan perancangan kampung, membuat cara permohonan geran dan secara tak langsung sebenarnya, di sini mereka

dapat memberikan idea dan buah fikiran kerana kita di pihak Kerajaan Pakatan Harapan ingin mengetahui apakah program-program yang sebenarnya diperlukan oleh akar umbi.

Maka apabila geran seperti ini diadakan, daripada situ secara tak langsung kami di pihak kementerian dapat mendapatkan maklum balas daripada akar umbi mengenai program-program sebagai manakah yang mereka perlukan di sesebuah kampung.

Selain daripada itu, untuk makluman semua, kementerian juga sedang melaksanakan kursus MPKK ...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit Sulong minta laluan.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Saya *appreciate* apa tadi Yang Berhormat nyatakan mengenai apa perbezaan antara JKK dengan MPKK. Cuma saya nak bertanya satu soalan sebab ini banyak diperkatakan dan dilaporkan kepada saya. Adakah benar untuk menjadi sebahagian daripada MPKK, mesti menjadi ahli Pakatan Harapan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, ini juga perbezaan antara kerajaan dahulu dan sekarang. Sekarang ini kita...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Saya kena betulkan. Dulu JKK tidak ada masalah, siapa pun boleh masuk tanpa mengira mana-mana parti.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya, betul.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Itu yang saya hendak tanya. Adakah benar sekarang ini kena menjadi ahli Pakatan Harapan untuk menjadi ahli jawatankuasa dalam MPKK?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Untuk pemilihan ahli jawatankuasa MPKK ini, cadangan nama, pemilihan ataupun pertukaran, kita serahkan kepada kerajaan negeri. Kerana itu untuk makluman Yang Berhormat, kerana itulah di Kelantan, di Terengganu dan juga Pahang, kita mempunyai ahli MPKK. Tidak seperti dahulu, untuk di negeri-negeri yang bukan di bawah Kerajaan Barisan Nasional, mewujudkan satu lagi jawatankuasa JKKP di peringkat Persekutuan di mana ianya mewujudkan pecah belah di peringkat akar umbi.

Jadi saya sudah pun menjawab soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulong.

Untuk makluman semua...

#### ■1830

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Jadinya benarlah? Saya punya pertanyaan adakah benar atau tidak. Itu sahaja.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ia dijalankan oleh kerajaan negeri.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Benar atau tidak, Yang Berhormat?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya hendak tanya ini Pakatan Harapan...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Benar atau tidak perlu menjadi ahli Pakatan Harapan?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ia tidak menjadi syarat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Itu sahaja.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Kementerian juga sedang melaksanakan kursus ini dan untuk makluman semua, sehingga kini, sudah hampir 8,000 orang ahli MPKK yang telah pun mengikuti kursus induksi di bawah kementerian.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, perbetulkan yang tadi kata tidak tadi. Sebab, syarat untuk menjadi MPKK di dalam keseluruhan jumlah MPKK tersebut, lima orang wajib daripada parti kerajaan. Maknanya ada arahan sekurang-kurangnya lima. Ini telah pun dilaksanakan di Pahang. Jadi, saya cuma hendak perbetulkan. Apa pun, kita tidak kisah tetapi saya hendak bantu Yang Berhormat jangan dianggap mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Tadi Yang Berhormat Parit Sulong dia tanya secara umum. Dia tidak sebut fasal yang lima orang. Terima kasih.

Jadi saya teruskan kepada soalan Yang Berhormat Jempol. Seterusnya Yang Berhormat Jempol pula bertanyakan apakah projek membaiki rumah penduduk kampung masih diteruskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) masih diteruskan pada tahun 2019 dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM200 juta dengan sasaran 1,532 bantuan bina baharu dan 7,354 bantuan baik pulih.

Seterusnya Yang Berhormat Sik— tidak ada?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, saya ada tanya dari segi siapa yang ditugaskan untuk membina rumah PPRT. Adakah kontraktor yang dilantik ataupun, kalau dulu, kita beri kepada Giat MARA misalnya dan mereka tidak mengambil keuntungan?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Buat masa sekarang ini, pelaksanaan ini dijalankan oleh agensi-agensi pelaksana di bawah kementerian seperti Giat MARA dan juga AKW di KEJORA dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Sik. Tidak ada?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sik ada.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ada. *Sorry*, minta maaf. Yang Berhormat meminta supaya kementerian melaksanakan projek-projek membaiki rumah daif khususnya 90 buah rumah penduduk di Kampung Bandar Beris Jaya yang telah pun mengalami bencana ribut. Saya tekankan di sini yang mengalami bencana ribut.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2019, sebanyak RM18.84 juta diperuntukkan kepada negeri Kedah bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.02 juta telah diperuntukkan kepada Daerah Sik bagi membina baharu lapan unit rumah serta membaik pulih 50 unit rumah. Antara penerima bantuan PPRT baik pulih tahun ini termasuklah tiga rumah mangsa ribut di penempatan Bandar Baru Beris Jaya, Sik yang menepati syarat kelayakan dalam tatacara pelaksanaan PPRT di bawah kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) menetapkan bahawa bantuan bina baharu atau baik pulih rumah hanya diberikan kepada mangsa



bencana yang tergolong dalam kumpulan miskin dan miskin tegar sahaja. Selain itu, permohonan bantuan bina baharu atau baik pulih kepada mangsa bencana juga boleh dikemukakan kepada pihak berkuasa bencana di peringkat daerah ataupun negeri yang berkenaan.

Di samping itu, Yang Berhormat Sik juga meminta supaya pembinaan MRSM Ulul Albab di Daerah Sik dilaksanakan segera. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Daerah Sik telah pun diluluskan di bawah RMKe-11 dengan kos sebanyak RM100 juta. Peruntukan yang telah disalurkan bagi projek ini dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah sebanyak RM10.5 juta dan urusan perolehan tanah telah pun selesai pada April 2018. Status terkini adalah dalam proses pra pembinaan.

Bengkel pengurusan nilai peringkat pertama akan diadakan pada April 2019. Seterusnya bengkel pengurusan nilai peringkat kedua akan diadakan sebelum proses lantikan kontraktor dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baram pohon laluan. Yang Berhormat Baram. *[Disampuk]* Yang Berhormat Kapit. Maafkan saya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Sikit.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Boleh. Nanti ada soalan juga.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Berkaitan dengan rumah tadi. *Simple* saja. Sebab telah disebut peruntukan untuk ada Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) ya. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya, untuk Sarawak tahun ini, berapa juta telah diagihkan kepada Sarawak untuk program bina PPRT ini? Bantuan rumah untuk baik pulih dan juga rumah baharu, kalau ada.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Untuk negeri Sarawak, saya tidak ada spesifik dalam jumlah Ringgit Malaysia tapi untuk Sarawak, bina baharu sebanyak 321 dan baik pulih sasaran adalah sebanyak 1,740.

Seterusnya, Yang Berhormat Kangar pula meminta kerajaan mempertimbangkan semula keputusan untuk pembinaan UniKL dari negeri Perlis ke negeri lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek *UniKL Asia Sustainable Transportation Institute* di negeri Perlis telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 *rolling plan 4* dengan peruntukan berjumlah RM196.6 juta. Pada masa ini, kementerian tidak bercadang untuk memindahkan projek ini ke negeri lain kerana projek ini bertujuan untuk menyokong pembangunan *Chuping Valley Industrial Area* dan projek utama di bawahnya iaitu *Perlis Inland Port*.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Batang Sadong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada. Tidak payah menjawab. Jawapan bertulis.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Seterusnya daripada Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat daripada Petaling Jaya mencadangkan supaya kementerian mempertimbangkan penggunaan *development financial*

*institutions* seperti SME Bank dan Agro Bank untuk memberi bantuan pembiayaan bagi industri desa tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sememangnya telah menawarkan bantuan pembiayaan melalui SME Bank dan juga Bank Rakyat dalam bentuk program Skim Pembiayaan Ekonomi Desa. Objektif ini adalah untuk membangunkan usahawan Bumiputera luar bandar di dalam semua bidang ekonomi yang berdaya maju dan dibenarkan oleh undang-undang serta memajukan sektor-sektor ekonomi yang berpotensi tinggi di luar bandar. Ia juga boleh digunakan untuk pembelian aset, mesin, peralatan atau modal kerja untuk tujuan perolehan bahan mentah, stok dan juga boleh untuk tujuan pengubahsuaian atau menaik taraf premis perniagaan.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Samarahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada. Jawapan bertulis.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Julau?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Julau ada.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Seterusnya Yang Berhormat Julau membangkitkan mengenai pembangunan 28 daerah termiskin yang telah saya umumkan ketika lawatan saya ke Sarawak baru-baru ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kementerian telah mengenal pasti 28 buah daerah di seluruh negara dengan pendapatan purata bulanan isi rumah di bawah RM4,000. Kesemua 28 buah daerah tersebut meliputi negeri Kedah dua daerah, Kelantan tujuh daerah, Pahang satu daerah, Sabah lima daerah dan Sarawak 13 daerah.

Sehubungan dengan itu, kementerian akan meletakkan keutamaan pelaksanaan program-program di bawah kementerian di 28 daerah tersebut berdasarkan peruntukan yang telah dan akan diluluskan kepada kementerian bagi tahun 2019 dan 2020 iaitu di dalam fasa terakhir Rancangan Malaysia Ke-11.

Keutamaan pelaksanaan ini akan menumpukan program, projek kementerian yang berbentuk pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan yang boleh meningkatkan kesejahteraan penduduk dan seterusnya meningkatkan pendapatan purata bulanan isi rumah sekali gus mengurangkan jurang 28 daerah tersebut dengan daerah-daerah yang lain.

Di samping itu, pembangunan secara menyeluruh akan dilaksanakan di daerah-daerah tersebut melalui strategi pelaksanaan yang akan dirancang oleh kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2021 hingga 2025.

Untuk itu, pihak kementerian akan mengadakan pertemuan dan sesi libat urus bersama pihak kerajaan negeri yang terlibat seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ketua Menteri, Exco Luar Bandar Negeri, Unit Perancang Ekonomi dan pejabat-pejabat daerah bagi mendapatkan maklum balas, isu, cadangan serta keperluan daripada pihak kerajaan negeri mengenai keperluan pembangunan bagi daerah-daerah berkenaan.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri, Kanowit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Kanowit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kanowit.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Berkenaan dengan daerah yang miskin, saya ingatkan Kanowit pun tersenarai dalam daerah yang termiskin, satu daripada 13 di Sarawak.

■1840

Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab cara-cara untuk mengatasi masalah ini, saya nampak mungkin dalam *long-term strategy*. Apa yang saya ingin tahu ialah apakah strategi jangka pendek yang dapat dilaksanakan oleh kementerian supaya mereka ini dapat naik dari segi *income* mereka seperti di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak, memang banyak masalah. Jadi, kawasan yang miskin ini saya fikir kalau mengikut ini, projek *physical economics*, modal insan. Saya nampak ini, *it's a long-term. You will not see the immediate effect. Saya mahu, what are the immediate effect?* Prosedur ataupun strategi yang akan dilaksanakan? *Thank you.*

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat sendiri maklumkan sebentar tadi, ini juga merupakan satu rancangan jangka masa panjang untuk 28 daerah ini, untuk kita tingkatkan pendapatan penduduk bukan sahaja dari segi peningkatan penduduk tapi juga bila kita hendak meningkatkan pendapatan penduduk ia meliputi dari segi prasarana, dari pelbagai lagi kemudahan yang perlu disediakan. Jadi, kalau ditanyakan kepada – itulah yang saya beritahu tadi, bahawa...

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri sedikit. Oleh sebab saya nampak inilah yang telah dijalankan oleh kerajaan selama ini. Selama 50 tahun kita sudah merdeka, beginilah cara kerajaan meningkatkan tahap kehidupan rakyat di luar bandar. Membina fizikal, jalan raya dan sebagainya. Akan tetapi, ia tidak tersampai. *Years after years*, peruntukan pun tidak mencukupi. Oleh sebab kawasan luar bandar di Sarawak ini terutamanya menghadapi masalah. So, yang saya kawatir di sini ialah kita mungkin *it's nice to say but the thing is when it comes to implementation*, ia selalu tidak tercapai. *Thank you.*

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Bukan sebegitu Yang Berhormat. Dalam apabila saya melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar itu, teras keenam adalah sistem penyampaian. Sekiranya baik macam mana pun dasar dan polisi yang kita buat, sekiranya ia tidak sampai ke akar umbi ia akan menjadi sia-sia, *insya-Allah*. Oleh sebab itulah, yang saya beritahukan tadi supaya kita akan adakan juga perbincangan libat urus dengan kerajaan di peringkat negeri dan juga Ahli Parlimen yang berkenaan

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri soalan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Satu soalan lagi Yang Berhormat Menteri, satu lagi, *sorry*. Saya terpaksa menyuarkan ini. di Sarawak ini kita nampak kebanyakan pembangunan *concentrate on certain area* sahaja, bukan seluruh. Sarawak adalah besar. Kanowit adalah lebih besar daripada Kedah. Akan tetapi, projek rangsangan di kedah tiga buah

kapal terbang akan dibina. Di Kanowit belum ada. *In term area, it is about the same size. Secondly, kita nampak penggunaan di kawasan-kawasan di sana pun concentrate on certain areas sahaja. I think you know.* Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri dengan izin, saya juga ingin mengambil maklum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Dan juga melibatkan diri dalam perbahasan ini. Saya tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat daripada Kanowit tadi kerana kita lihat kalau dibandingkan dengan kerajaan dahulu, dalam Kementerian KPKT wakil-wakil rakyat tidak dibenarkan masuk dalam kementerian. *[Dewan Riu]* Sekarang kita lihat pendekatan yang diambil oleh kementerian adalah kita dijemput dan diberi perhatian masalah-masalah dihadapi. Terutamanya berkenaan dengan isu rumah PPRT dan sebagainya.

Sebelum ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional, bila kita ingin berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri untuk membawa isu-isu yang melibatkan rumah PPRT dan sebagainya, langsung tidak diberi peluang. Tidak diberi perhatian pun perkara-perkara seperti ini. Sekarang kita lihat pendekatan yang diambil oleh kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri adalah sesuatu yang perlu dipuji...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sekarang pun tidak ada.

**Seorang Ahli:** Sokonglah, sokong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya di sini cuma merakamkan bahawa tuduhan-tuduhan dibuat begini sepatutnya tidak dibuatlah. Saya cuma ingin minta supaya perkara-perkara yang sedang dilakukan itu terus dilaksanakan oleh kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri boleh menjawab sekarang.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih. Kalau saya boleh teruskan tentang Yang Berhormat Kanowit dan juga Yang Berhormat Bintulu yang bertanyakan mengenai projek-projek infrastruktur luar bandar yang sedang dilaksanakan di Sarawak serta meminta kerajaan supaya mengembalikan peruntukan di bawah *Rural Electrification Scheme* (RES) di Sarawak. Saya ini sudah tiga, empat kali Tuan Yang di-Pertua, banyak sebenarnya, adakah rumah PPRT dihentikan, semua banyak perkara sebenarnya yang tidak terjadi.

Selain itu untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMKe-11 bagi tempoh 2016 sehingga 2019, sebanyak 95 projek telah dilaksanakan di negeri Sarawak dengan pecahan 38 projek bekalan air luar bandar, 16 projek bekalan elektrik luar bandar dan 41 projek jalan luar bandar dengan nilai keseluruhan berjumlah 54.3 bilion.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Minta pencilahan satu. Ini penting, kalau Yang Berhormat Menteri tahu, jalan yang telah dibina bermula sudah beberapa tahun. Cuma sedikit lagi, 5.1 kilometer untuk kita melengkapkan jalan perhubungan dari Kapit melalui Song sudah

siap, ke Ngemah sekarang sedang dibina, 9.6 kilometer Nanga Temalat ke Nanga Ngemah. Dari Ngemah itu ada 5.1 kilometer yang masih lagi belum dibina.

Apa status sekarang, *stretch* itu yang 5.1 kilometer itu? Adakah ia sudah di tender atau belum? Oleh sebab setahu saya, saya dahulu di KKLW juga. Jadi, setahu saya ia akan di tender tetapi terganggu sedikit kerana kita melalui pilihan raya yang bulan Mei tahun lepas. Sekarang sudah 10 bulan kan? Jadi belum lagi. Ini selalu ditanya sehinggakan dipolitikkan. Jadi, saya mohon pencerahan tentang jalan ini yang begitu penting sekali Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Untuk makluman Yang Berhormat, saya tidak mempunyai data tersebut. Akan tetapi, saya percaya yang ini sebenarnya baru-baru ini kita pun telah mengangkat *missing* yang disebut 5.1 kilometer tadi itu untuk kelulusan pada RP4 tahun 2020.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Menteri, oleh sebab terlalu lama. Kalau kita balik kepada mungkin peringkat awal A, *back to square one*. Oleh sebab ia mengambil masa untuk lantikan perunding, buat *design* lagi dan sebagainya sebab setahu saya semua ini sudah dibuat, cuma hendak di tender sahaja. Janganlah kita mengambil terlalu lama masa untuk balik ke hendak *design*, lantikan perunding dan sebagainya. Kalau boleh kita mempercepatkan ya. Terima kasih.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Okey, terima kasih. Seterusnya daripada Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri sebelum pergi ke tajuk lain, jalan.

**Tuan Yang di-Pertua** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Limbang ada sini Yang Berhormat Menteri, Limbang.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada sesi yang lepas saya telah kemukakan berkaitan dengan Jalan Bagan Sena. Jalan itu sejauh lima kilometer, masih mempunyai masalah besar sebab sekiranya banjir dan sebagainya guru-guru tidak dapat sampai ke sekolah. Di samping itu juga waktu malam, *emergency* dan sebagainya mereka tidak dapat keluar dan bawa orang-orang sakit keluar. Bolehkah ambil perhatian dan makluman? Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai. Saya akan semak balik semula permohonan Yang Berhormat.

Okey, seterusnya Yang Berhormat Limbang bertanyakan mengenai pembinaan penyambungan semula Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab fasa dua. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah menamatkan kontrak bagi projek Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab fasa dua memandangkan kontraktor yang dilantik gagal menyiapkan projek tersebut sebagaimana yang dijadualkan.

Pada masa ini status fizikal projek adalah 68.5 peratus. Mengikut sepatutnya sudah pun siap 100 peratus. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian sedang dalam proses bagi mendapatkan peruntukan tambahan bagi menyiapkan projek ini daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan dalam proses melantik kontraktor penyiap. Seterusnya, kepada Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Menteri sedikit hendak penerangan. *I mean, tendering* sudah dibuat kah atau tinggal hendak *award* sahaja lagi? Itu sahaja.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Kita tengah mendapatkan daripada JKR untuk menyiapkan proses.

■1850

Okey Yang Berhormat Setiu, memohon untuk menaik taraf Jalan Simpang Bandar Permaisuri ke Hulu Seladang yang sering dilanda banjir. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang dalam proses permohonan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mempertimbangkan projek menaiktarafkan Jalan Bandar Permaisuri ke Kampung Hulu Seladang di kilometer 0.3 ke kilometer 1.3 dan juga kilometer empat ke kilometer enam, Jalan T138, Setiu, Terengganu di dalam Rolling Plan Keempat 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas.

Skop projek yang dipohon adalah menaik taraf jalan sepanjang tiga kilometer dengan spesifikasi JKRR2 dan kos projek yang dianggarkan adalah sebanyak RM6.6 juta. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan kedudukan semasa kewangan negara.

Seterusnya Yang Berhormat Tanjong Manis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada. Jawapan bertulis.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Seterusnya Yang Berhormat Mas Gading?

**Tuan Yang di-Pertua:** Pun tidak ada. Jawapan bertulis.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Seterusnya Yang Berhormat Saratok?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat pula bertanyakan mengenai projek Jalan Kampung Kupang ke Jalan Bajau?

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Yes.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Betul. Untuk makluman Yang Berhormat, projek jalan dari Kampung Kupang ke simpang Jalan Bajau, Saratok telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Kedua, Tahun 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah RM90 juta. Projek ini telah diteruskan pelaksanaannya selaras dengan Arahan Kementerian Kewangan bertarikh 16 Januari 2019. Status semasa bagi projek ini adalah dalam proses pelantikan perunding.

Seterusnya Yang Berhormat Lubok Antu, tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ada. Yang Berhormat Lubok Antu memohon kementerian untuk mempertimbangkan projek-projek berikut. Pertama Jalan Ulu Skrang fasa dua, kedua Jalan Balak fasa empat Bahagian Sri Aman, ketiga cadangan Jalan Aiman Resort, Jalan Sungai Basi, Jalan Maridun, Bario, Engkili dan bekalan air terawat di Sungai Keruh, Pais, Engkaras dan Sukong di Lubok Antu.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak fasa dua telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Pertama Tahun 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM28.5 juta. Status semasa projek ini adalah di dalam peringkat pelantikan perunding oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak. Projek ini dijangka akan di tender pada Oktober 2019. Manakala bagi projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak di negeri Sarawak fasa empat Bahagian Sri Aman telah diluluskan. Pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Pertama Tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM12.42 juta. Skop projek....

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Boleh masuk? Terima kasih. Sebab Kapit pun ada jalan balak, naik taraf jalan balak. Ada dalam senarai kah Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Nanti kita tengok dahulu. Saya jawab yang ini dahulu.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Okey, baik tidak apa.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Skop kerja bagi projek ini adalah menaiktarafkan bekas jalan balak sepanjang 27 kilometer di jajaran Sebeliau-Uyau. Status semasa bagi projek ini adalah dalam peringkat reka bentuk awalan. Namun begitu bagi projek cadangan Jalan Aiman Resort, Jalan Sungai Basi, Jalan Maridun, Bario, Engkili serta projek bekalan air terawat di Sungai Keruh, Pais, Engkaras dan Sukong di Lubok Antu, projek-projek ini tidak termasuk di dalam senarai keutamaan kerajaan negeri yang telah diterima oleh kementerian.

Sekiranya terdapat keperluan mendesak, Yang Berhormat dipohon untuk mengemukakan cadangan tersebut kepada kerajaan negeri untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan dan pihak kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya dan Pejabat KPLB Negeri Sarawak untuk menjalankan siasatan tapak dan semakan kos untuk dikemukakan kepada pihak kementerian sebelum dibawa ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *rolling plan* yang akan datang. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan pihak MEA dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Seterusnya Yang Berhormat Puncak Borneo. Terakhir, Yang Berhormat Puncak Borneo memohon kementerian untuk mempertimbangkan projek-projek berikut. Pertama, projek jalan di Kampung Sungai Burung, Kampung Biak Jabir, Kampung Muk Ayun, Kampung Seting, Kampung Nyegol dan Jalan Padawan. Kedua, projek bekalan air terawat di Kampung Sapit dan juga Kampung Kiding dan ketiga, projek lampu jalan kampung di Kota Padawan, di Kampung Annah Rais, Jalan Kuching- Bau.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Padawan, Kuching, Sarawak merupakan projek yang telah dibatalkan pelaksanaannya, selaras dengan keputusan Makmal Pengurusan Nilai pada 11 hingga 15 April 2016, di mana tiada keperluan mendesak untuk menaik taraf jalan ini memandangkan keadaan keseluruhan jajaran jalan yang masih elok serta beban trafik yang rendah dan tiada banyak perkampungan di sepanjang jajaran tersebut.

Manakala cadangan projek jalan luar bandar di Kampung Sungai Burung, Kampung Biak Jabir, Kampung Muk Ayun, Kampung Seting, Kampung Nyegol tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan kerajaan negeri. Oleh yang demikian, Yang Berhormat dipohon untuk mengemukakan cadangan tersebut untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan dan pihak kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya dan Pejabat KPLB Negeri Sarawak untuk menjalankan siasatan tapak dan semakan kos untuk dikemukakan kepada pihak kementerian sebelum dibawa ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak MEA dan kedudukan semasa kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kampung Sapit dan Kampung Kiding adalah nama-nama kampung yang termasuk di dalam projek bekalan air luar bandar, kawasan Puncak Borneo, fasa dua bahagian Kuching, Sarawak. Projek ini telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Kedua dengan kos siling sebanyak RM129 juta.

Projek ini telah diluluskan pelaksanaan secara tender terhad sebelum ini. Selaras dengan arahan Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 bahawa semua projek yang belum dikeluarkan SST hendaklah di tender secara terbuka, maka projek ini akan dilaksanakan secara tender terbuka dan status projek ini perlu dibuat pelantikan juru perunding yang dijangka selesai pada suku kedua tahun ini, tahun 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemasangan lampu jalan kampung adalah tertakluk kepada kesesuaian lokasi. Sehubungan dengan itu, bagi pemasangan lampu jalan kampung yang baharu, Yang Berhormat boleh menghantar permohonan dengan mengemukakan senarai nombor tiang di lokasi berkaitan kepada kementerian melalui Pejabat KPLB Negeri Sarawak untuk tindakan selanjutnya oleh pihak kementerian bagi memohon peruntukan tambahan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Walau bagaimanapun, seperti ia adalah tertakluk kepada kelulusan pihak MEA dan kedudukan semasa kewangan.

Sebelum itu, seperti Yang Berhormat Kaput tanyakan tadi tentang jalan bekas balak, Jalan Kaput fasa lima. Betul? Jadi peruntukan sebanyak—penempatan semula [*tidak jelas*] lapan kilometer telah pun diluluskan di bawah Rancangan—RP Tiga 2018. Seterusnya...

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Menteri, sebenarnya untuk Jalan Kampung Biak Jabir ini, saya telah pun mengajukan rayuan saya kepada pejabat JKR Sarawak dan juga satu salinan kepada KPLB Negeri Sarawak untuk membuat rayuan



supaya—sebab ini adalah salah satu daripada kawasan kampung yang tidak mempunyai jalan jadi adalah amat mendesak.

Begitu juga Jalan Padawan iaitu projek yang dibatalkan berjumlah RM75 juta yang diluluskan semasa Barisan Nasional telah dibatalkan dan ketika itu maklumat daripada makmal mengadakan bahawa ia tidak mendesak. Akan tetapi situasi dan senarionya telah berubah pada ketika ini di mana kita mempunyai banyak penempatan baru dan juga kita mempunyai di kawasan Jalan Padawan ini terdapat 17, *I mean* 11 kampung yang terlibat dengan aktiviti perladangan yang dibuka oleh FELCRA. Jadi memang sekarang ini mereka amat memerlukan Jalan Padawan ini dinaiktarafkan semula. Jadi saya memohon dan merayu supaya pihak kementerian memberi pertimbangan yang sewajarnya dan sepatutnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:**Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Sekiranya rayuan telah pun dibuat dan telah diangkat, saya akan membuat semakan dan kita akan kaji semula permintaan Yang Berhormat itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar amat peka dengan keperluan rakyat di luar bandar dan akan sentiasa berusaha untuk menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup bagi memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat luar bandar selaras dengan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang telah dilancarkan oleh kementerian yang bertemakan, 'Luar Bandar Sejahtera'. Sekian dengan ini...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Boleh? Saya hendak merekodkan. Ini penghargaan boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit penghargaan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Kapit, kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana saya baru-baru ini difahamkan oleh pihak MARA negeri, sebuah Kolej Profesional MARA yang dicadangkan dahulu dan diteruskan oleh kementerian untuk dilaksanakan. Terima kasih banyak kerana ini adalah jasa yang begitu tinggi kepada masyarakat di Kapit nanti. Terima kasih. Saya hendak ini direkodkan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Hidup Pakatan. Hidup Harapan.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Kapit, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kuburkan Barisan Nasional.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas mengenai isu-isu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu, senarai untuk hari ini selesai. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 28 Mac 2019. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.01 malam]**